

**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN
SABAH, MALAYSIA**

**JAPAN INTERNATIONAL
COOPERATION AGENCY**

**KAJIAN PEMBANGUNAN UNTUK
MENINGKATKAN KEUSAHAWANAN WANITA
LUAR BANDAR DI
SABAH, MALAYSIA**

**LAPORAN AKHIR
VOLUME I**



FEBRUARI 2004

KRI INTERNATIONAL CORP.

**KAJIAN PEMBANGUNAN UNTUK MENINGKATKAN KEUSAHAWANAN
WANITA LUAR BANDAR DI SABAH, MALAYSIA**

LAPORAN AKHIR DAN BUKU-BUKU RUJUKAN

LAPORAN UTAMA

LAPORAN AKHIR JILID I

- PELAN INDUK -

LAPORAN AKHIR JILID II

- ANALISA SITUASI DAN KAJI SELIDIK PENGESAHAN -

BUKU DATA PUANDESA

GARISPANDUAN PUANDESA UNTUK USAHAWAN-USAHAWAN WANITA
LUAR BANDAR

- BAGAIMANA UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN MIKRO DALAM
KOMUNITI ANDA -

EXCHANGE RATE

(as of 30 December 2003)

US\$1.00 = RM3.8= Yen107.15

PENDAHULUAN

Sebagai maklumbalas atas permintaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negara Jepun telah memutuskan untuk melaksanakan Kajian Pembangunan untuk Meningkatkan Keusahawanan Wanita Luar Bandar di Sabah, Malaysia, dan telah mengamanahkan pelaksanaan kajian tersebut kepada Japan International Cooperation Agency (JICA).

JICA telah menghantar satu Pasukan Pengkaji yang diketuai oleh Ms. Yoko Ishida dari KRI International Corp. ke Sabah, Malaysia iaitu antara bulan Januari, 2002 hingga Februari, 2004.

Pasukan tersebut telah mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai yang berkenaan di Sabah, Malaysia di samping menjalankan kaji selidik di kawasan-kawasan kajian. Selepas kembali ke negara Jepun, pasukan tersebut telah menjalankan kajian selanjutnya dan telah menyediakan laporan akhir ini.

Saya berharap laporan ini akan menyumbang kepada galakan projek dan untuk meningkatkan hubungan silaturahim yang baik antara kedua-dua negara kita ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan di Malaysia atas kerjasama rapat yang telah diberikan kepada penyempurnaan Kajian ini.

Februari, 2004

Shinki Suzuki
Vice-President
Japan International Cooperation Agency

Februari 2004

Mr. Shinki Suzuki
Vice President
Japan International Cooperation Agency (JICA)
Tokyo, Japan

Dear Mr. Shinki Suzuki,

Surat Penyerahan


Sukacita bersama ini kami menyerahkan kepada pihak Tuan satu salinan Laporan Akhir mengenai “Kajian Pembangunan Untuk Meningkatkan Keusahawanan Wanita Luar Bandar di Sabah, Malaysia.” Di bawah perjanjian dengan Organisasi Tuan yang dihormati, Kajian berkenaan telah dilaksanakan selama 23 bulan iaitu dari bulan Februari 2002 hingga ke Februari 2004.

Pasukan Pengkaji telah melaksanakan analisis situasi dan perancangan projek perintis; melaksanakan Projek-projek Perintis yang dipilih bersama dengan pegawai-pegawai kerajaan Negeri Sabah yang berkenaan serta kumpulan-kumpulan sasaran usahawan wanita luar bandar di Sabah selama satu tahun; dan seterusnya menyiapkan “Pelan Induk untuk Meningkatkan Keusahawanan Wanita Luar Bandar di Sabah” dengan berdasarkan kepada pembelajaran yang diperolehi dari pelaksanaan projek-projek perintis. Pelan Induk ini bertujuan untuk menumpukan kemajuan status kaum wanita luar bandar serta pencapaian pembangunan luar bandar Sabah yang seimbang dan berkekalan dengan melalui galakan aktiviti-aktiviti perniagaan usahawan-usahawan wanita luar bandar serta pengukuhan jalinan kerjasama sistem kerajaan bagi menerima cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh kaum wanita luar bandar.

Kami ingin mengambil peluang dan kesempatan untuk merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada JICA, Kementerian Pertanian, Kementerian Hal Ehwal Luar Negara dan Ahli Jawatankuasa Penasihat JICA. Kami juga ingin menyatakan setinggi penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah, pegawai-pegawai serta agensi-agensy yang terlibat, kumpulan sasaran termasuklah wanita-wanita luar bandar dan usahawan-usahawan wanita luar bandar, pihak NGO dan pakar perunding tempatan atas budi bahasa dan kerjasama yang telah diberikan kepada Pasukan Pengkaji sepanjang pelaksanaan Kajian tersebut.

Yang benar,

Yoko Ishida
Ketua Pasukan



PETA LOKASI

**KAJIAN PEMBANGUNAN UNTUK MENINGKATKAN
KEUSAHAWANAN WANITA LUAR BANDAR DI SABAH,
MALAYSIA
LAPORAN AKHIR
RINGKASAN EKSEKUTIF**

1. Latarbelakang

Kerajaan Malaysia telah menerimapakai dasar ekonomi yang bijaksana dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak untuk mengatasi Krisis Ekonomi Asian yang berlaku dalam tahun 1997. Meskipun telah pulih dari krisis ekonomi tersebut, namun jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar telah semakin meluas. Demi untuk mengekalkan kesinambungan pembangunan sosio-ekonomi, maka kerajaan telah melaksanakan strategi untuk mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar supaya dapat mencapai pembangunan yang adil dan seimbang.

Negeri Sabah merupakan antara negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi iaitu 20.1% jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia. Kadar ini juga merupakan empat kali ganda lebih tinggi di kawasan luar bandar berbanding dengan kawasan bandar. Kaum wanita luar bandar pada umumnya memainkan peranan yang penting dalam aktiviti-aktiviti keluarga, samada dari segi aktiviti peningkatan penghidupan maupun aktiviti galakan pendapatan. Di samping itu, adalah dijangka bahawa usahawan-usahawan wanita luar bandar akan dapat memberi kesan positif terhadap masyarakat kampung masing-masing, mengaktifkan kaum wanita dan masyarakat luar bandar serta pengkasaan status wanita luar bandar.

Walau pun Jabatan Pertanian dan Korporasi Pembangunan Desa, Sabah bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah telah melaksanakan program dan projek yang menyokong usahawan-usahawan wanita luar bandar, namun pelaksanaan tersebut telah gagal untuk mencapai tujuannya oleh kerana kekurangan dari beberapa segi seperti susunan struktur institusi serta sistem pembangunan yang strategik. Justeru itu, pada bulan Ogos, 2000, Kerajaan Negara Malaysia(GOM) telah meminta bantuan teknikal dari Kerajaan Negara Jepun(GOJ) untuk menyediakan satu Pelan Induk dan pelan tindakan untuk pengkasaan wanita-wanita luar bandar di Sabah. Maka dengan ini, Kajian Pembangunan untuk Meningkatkan Keusahawanan Wanita Luar Bandar di Sabah, Malaysia (Kajian ini) telah dilaksanakan yang mengambil masa selama 26 bulan mulai dari bulan Januari 2002 sehingga bulan Februari 2004.

2. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif usahawan-usahawan wanita luar bandar dan menaikkan status wanita luar bandar berdasarkan kepada:

- 1) membentuk pelan induk untuk mengukuhkan usahawan-usahawan wanita luar bandar di Sabah; dan
- 2) memindahkan kemahiran-kemahiran yang berkenaan kepada kakitangan rakan kerjasama Malaysia melalui gabungan kerjasama sepanjang pelaksanaan Kajian tersebut.

3. Kawasan Kajian


Kawasan Kajian meliputi seluruh kawasan Negeri Sabah (anggaran keamatan penduduk ialah lebih kurang 2.6 juta)

4. Kumpulan Penerima Manfaat/Kumpulan Sasaran

Kumpulan penerima manfaat Kajian PUANDESA merupakan kaum wanita luar bandar yang berpotensi yang telah memulakan/akan memulakan perniagaan iaitu (lebih kurang 400,000 wanita luar bandar)

5. Organisasi Operasi


Kajian tersebut adalah dilaksanakan oleh Pasukan Pengkaji JICA. Rakan kerjasama dalam Negara Malaysia merangkumi KPIM, DOA, KPD, YUM, dan agensi-agensi yang berkenaan iaitu terdiri dari Jabatan Perikanan (DOF), Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (DOVSAI), Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan Negeri Sabah (KEMAS), Institut Kajian Pembangunan, Sabah (IDS), Yayasan Sabah (YS), dan sebagainya. Dengan jalinan kerjasama, mereka telah membentuk pasukan-pasukan petugas (TF) mengikut sektor yang pelbagai seperti yang ditunjukkan seperti berikut.



Struktur Organisasi Operasi Kajian

6. Rencana Ringkas dan Jadual Kajian

Jadual dan aliran Kajian tersebut adalah seperti berikut:



Pasukan Pengkaji telah menjalankan kaji selidik demi untuk mendapatkan pemahaman secara menyeluruh mengenai situasi semasa. Kemudian satu Pelan Induk yang tertakluk kepada perubahan (tentative) telah dicadangkan. Pelan Induk pembangunan tersebut telah dibentuk atas empat strategi pembangunan iaitu: (1) peningkatan tahap kesedaran wanita luar bandar di kawasan-kawasan terpencil, (2) peningkatan kemahiran pengeluaran usahawan-usahawan wanita luar bandar, (3) pengukuhan aktiviti-aktiviti pemasaran usahawan-usahawan wanita luar bandar, dan (4) mengukuhkan program sokongan jabatan dan agensi-agensi berkenaan. Demi untuk mengesahkan kemungkinan majunya pelan-pelan tindakan mengenai Pelan Induk yang tertakluk kepada perubahan tersebut, Pasukan Pengkaji telah melaksanakan sebelas projek perintis yang dipilih dan diberi keutamaan dalam pelan-pelan tindakan yang berpotensi.

Semasa pemilihan Projek-projek Perintis, Pasukan Pengkaji telah mengambil pertimbangan terhadap “logiknya” dan “pemilikan hak peserta”. Dalam bengkel pemilihan Projek-projek Perintis, sistem “bottom up” dan pendekatan nyata dan telus telah ditekankan sebagai elemen penting dalam proses membuat keputusan.

Demi untuk memastikan pelaksanaan projek tersebut berdaya maju, Pasukan Pengkaji JICA telah menggalakkan rakan kerjasama untuk melaksanakan Projek-projek perintis secara berasingan. Ahli kakitangan yang terlibat telah memperolehi pengalaman dan pengetahuan yang amat bernilai mengenai kaedah-kaedah pelaksanaan yang praktikal semasa latihan dalam kerja. Pasukan Pengkaji JICA juga banyak memberi sokongan dan nasihat secara langsung kepada rakan kerjasama. Pembentukan Pelan Induk, yang diwujudkan melalui keputusan pelaksanaan aktiviti-aktiviti projek-projek perintis ini akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Maka dengan ini, Jawatankuasa Teknikal telah melibatkan diri secara aktif dalam pembentukan Pelan tersebut.

7. Nama Singkatan dan Logo

PUANDESA mewakili “Pembangunan Usahawan Wanita Desa Sabah”, yang bermakna “Pembangunan Usahawan Wanita Luar Bandar di Sabah” dan juga mengkombinasikan dua perkataan iaitu “Desa” (luar bandar) dan “Puan” (kaum wanita). Sejajar dengan logo tersebut, yang ditunjukkan di sebelah kanan, nama singkatan dan logo tersebut telah dipersetujui oleh agensi-agensi yang berkenaan serta kaum wanita luar bandar sebagai bersamaan dengan pergerakan bagi “kemajuan status wanita luar bandar melalui peningkatan usahawan-usahawan wanita luar bandar.”



Logo PUANDESA

8. Isu-isu Utama Bagi melaksanakan Projek-projek Perintis

KPIM dan lain-lain jabatan dan agensi yang berkenaan akan berupaya untuk melaksanakan projek-projek tersebut dengan daya usaha mereka sendiri, kajian ini memfokuskan khasnya dari segi pemindahan teknologi dan melaksanakan projek-projek perintis dengan memberi penekanan terhadap perkara-perkara berikut:


- 1) KPIM bertindak sebagai agensi utama dalam usaha perancangan dan pelaksanaan projek-projek perintis di samping menyediakan Pelan Induk. Kami juga telah mengendalikan usaha peningkatan kesedaran terhadap kakitangan yang terlibat.
- 2) Demi untuk mengubah sistem “top-down”, yang merupakan sistem yang umum dilaksanakan di Sabah, kami menekankan dan memperkenalkan pendekatan “bottom-up”. Kaedah penyertaan, seminar kesedaran gender dan teknologi mudahcar telah digabungkan untuk melatih kakitangan pengembangan, pihak pentadbir dan pihak penggubal dasar.
- 3) Kami mengukuhkan pemahaman wanita luar bandar mengenai projek kami dengan menunjukcara proses membuat kertas, pengkulturan rumpai laut, seminar kebersihan pengendalian makanan dan teknik-teknik jualan pasaran.

9. Ringkasan bagi 11 Projek Perintis

Rencana ringkas bagi kesemua 11 Projek Perintis PUANDESA adalah ditunjukkan dalam Jadual berikut manakala lokasi Projek-projek Perintis tersebut adalah di dipaparkan dalam peta pada mukasurat yang seterusnya.

Rencana Ringkas 11 Projek Perintis PUANDESA

Kawasan	No.	Nama Project	Penerima Manfaat	Tujuan	Aktiviti-aktiviti
Pendidikan	1	Berfikir dan bekerja bersama dalam projek wanita luar bandar	Kumpulan wanita luar bandar di kawasan terpencil	Untuk mendidik dan mendorong kaum wanita luar bandar di kawasan-kawasan terpencil	Galakan lawatan tetap dan aktiviti-aktiviti kumpulan Pelaksanaan projek berskel kecil-kecilan
	2	Projek pengwujudan Pusat Perkhidmatan Setempat untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar	Kumpulan wanita luar bandar di kawasan terpencil	Untuk meningkatkan keupayaan memperoleh program-program sokongan	Latihan untuk ketua-ketua kumpulan Pengwujudan pusat perkhidmatan Setempat
Teknologi Pemprosesan Produk	3	Projek Penggunaan produk-produk dan sumber-sumber tidak terpakai	Wanita Laur bandar	Untuk menggalakkan pengeluaran hasil kraftangan dengan menggunakan sumber-sumber tidak terpakai	Menunjukkara Projek (contoh, membuat kertas, membuat lilin) Latihan jurujual promosi dan ketua-ketua wanita
	4	Projek Pengkulturan dan Pemprosesan Rumpai Laut	Wanita Luar bandar dalam perkampungan nelayan dan pertanian	Untuk meningkatkan pengkulturan rumpai laut, teknik jualan dan pengurusan	Latihan dalam kerja bagi jurujual promosi dan kaum wanita Pengeluaran, Pemprosesan, Pembungkusan dan Jualan
Maklumat/Pemasaran	5	Projek pembaikan dan inovasi fungsi TAMU	Wanita luar bandar Agensi-agensi Sokongan	Untuk memperkukuhkan pasaran awam yang sedia ada Untuk mewujudkan asas ekonomi kepada kaum wanita luar bandar	Seminar kebersihan pengendalian makanan dan menunjukkara jualan Meningkatkan hubungan awam di TAMU
	6	Projek untuk mempromosi kraftangan tempatan di bawah pembangunan pelancongan Kudat	Wanita luar Bandar Kerajaan Tempatan	Untuk memperluaskan pasaran dengan menggunakan sumber-sumber pelancongan yang digalakkan oleh pihak kerajaan	Pengenalan konsep "satu-kampung, satu-produk" Seminar untuk meningkatkan pengeluaran kraftangan tradisional
Pengukuhan Institusi	7	Projek untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah penyertaan bersama dalam perancangan projek	Agensi-agensi Sokongan	Untuk meningkatkan kemahiran perancangan dan pelaksanaan bagi agensi-agensi sokongan	Meningkatkan latihan keupayaan jurujual promosi Pelaksanaan kaedah penyertaan dan seminar kesedaran gender
	8	Projek untuk mengukuhkan badan koordinasi pengkasaan wanita luar bandar	Agensi-agensi Sokongan	Untuk mewujudkan jaringan yang berperanan sebagai pusat untuk melaksanakan satu pelan induk	Mesyuarat-mesyuarat tetap Pengesanan projek-projek perintis
	9	Projek untuk pengukuhan jaringan organisasi promosi kraftangan	Agensi-agensi sokongan Kraftangan	Untuk mengukuhkan perkhidmatan sokongan kepada wanita luar Bandar	Mesyuarat-mesyuarat tetap Galakan produk "jenama-Sabah"
	10	Projek untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kredit-mikro untuk usahawan luar bandar	Agensi-agensi sokongan kewangan-mikro	Untuk memperluaskan perkhidmatan kewangan mikro	Pengukuhan pengurusan melalui peningkatan penggunaan komputer Seminar untuk para kakitangan dan ahli
	11	Projek untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan penggubal dasar	Agensi-agensi Sokongan	Untuk meningkatkan pemahaman dan sokongan penggubal dasar	Seminar untuk memperkenalkan projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar di Jepun



Lokasi bagi 11 Projek Perintis PUANDESA


10. Keputusan Projek-projek Perintis dan Penjilidan Pelan Induk

Keputusan pelaksanaan Projek-projek Perintis adalah diambil kira dalam pembentukan Pelan Induk seperti yang diringkaskan dalam Jadual di mukasurat seterusnya.:

Strategi	Keputusan Kaji Selidik Pengesanan Melalui Projek-projek Perintis	Pengubahsuaian untuk Pelan Induk
Kesedaran	① Dengan menggunakan pendekatan penyertaan, kaum wanita luar bandar digalakkan untuk berfikir di kalangan ahli-ahli, berbincang aspek-aspek antara satu sama lain, menganalisa masalah-masalah dan menjalankan Projek-projek berskel kecil-kecilan secara berasingan. Kaedah ini akan dapat mengesahkan bahawa mereka mempunyai potensi untuk melibatkan secara aktif dan berkeyakinan untuk mewujudkan dan membangunkan produk.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 0 auto;">Pelan Tindakan Bagi Wanita Luar Bandar</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 0 auto; margin-top: 10px;">Pelan Tindakan Bagi Agensi-agensi yang Berkenaan</div>
Kemahiran pengeluaran	② Dengan menggunakan sumber-sumber yang tidak terpakai seperti rumput dan sisa bahan-bahan, wanita luar bandar belajar bagaimana untuk menghasilkan kertas, lilin, garam dan sebagainya. Mereka menikmati daya kreativiti untuk menghasilkan produk-produk yang asli. Kakitangan pengembangan juga menghargai kepentingan kawasan persekitaran luar bandar. ③ Potensi wanita luar bandar dari segi pengeluaran rumpai laut telah disahkan.	
Pemasaran	④ Melalui latihan dari segi pemasaran untuk pengeluaran berorientasikan permintaan, kebersihan dan jualan promosi yang praktikal, wanita luar bandar menyedari akan kepentingan pemasaran dan kreativiti; peranan kerajaan dari segi ini juga disahkan.	
Agensi-agensi yang berkenaan	⑤ Kakitangan pengembangan mempelajari kemahiran memudahcara yang bersesuaian dan kaedah penyertaan yang diperlukan supaya dapat memberi garispuandu kepada wanita luar bandar dan mencapai keputusan yang dikehendaki. Adalah disahkan bahawa latihan kakitangan pengembangan adalah berkesan dari segi memperluaskan pengkasaan wanita luar bandar. ⑥ Pelaksanaan, pengesanan dan penilaian Projek-projek Perintis melalui kerjasama yang rapat oleh Jabatan dan Agensi yang berkenaan adalah amat berkesan sekali dari segi membekalkan sokongan yang cekap kepada wanita luar bandar. Maka adalah disahkan bahawa pengwujudan jaringan di kalangan agensi adalah sangat penting. ⑦ Para penggubal dasar mengiktirafkan kepentingan untuk memberi sokongan kepada pengkasaan wanita luar bandar dan sistem “bottom up” melalui keputusan yang diperolehi dari pelaksanaan Projek-projek Perintis dan juga perbincangan pengalaman yang sama dalam seminar di Jepun.	

11. Matlamat Pelan Induk

Pelan Induk merangkumi satu “Matlamat Pelan Induk untuk Wanita luar Bandar” dan satu lagi “Matlamat Pelan Induk untuk KPIM dan Agensi-agensi Berkenaan”. Matlamat-matlamat tersebut, yang dijangka mencapai sasaran pada tahun 2010, adalah dibentuk seperti berikut:



Matlamat Jangka panjang Pelan Induk merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

- 1) Kemajuan status wanita luar bandar dan penyertaan aktif mereka dalam proses membuat keputusan;
- 2) Pembangunan yang harmoni dan berdaya maju dalam masyarakat luar bandar; dan
- 3) Pengurangan jurang di antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar melalui pengukuhan aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar.

12. Pelan Tindakan Untuk Wanita luar Bandar

Demi untuk mencapai sasaran yang tersebut di atas, Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar yang terdiri dari empat tindakan utama dan cadangan pelbagai pelan projek terperinci termasuk program latihan adalah seperti berikut:

Tindakan 1: Latihan dan bengkel akan diadakan untuk memimpin wanita luar bandar untuk mencapai pemikiran yang lebih positif dan meningkatkan kesedaran serta motivasi. Langkah ini akan dapat mendorong dan menyokong mereka untuk membentuk kumpulan dan memulakan perniagaan.

Tindakan 2: Satu “pusat khidmat setempat” akan didirikan di setiap kampung dengan menempatkan ketua-ketua kampung (termasuk Pengerusi JKKK dan biro wanita) yang sedia ada di kampung masing-masing.

Tindakan 3: Program Latihan Usahawan PUANDESA akan diwujudkan demi untuk mendorong usahawan-usahawan wanita luar bandar dan membantu mereka untuk membangunkan strategi-strategi dan pendekatan-pendekatan terhadap perniagaan mereka sendiri.

Tindakan 4: Jaringan PUANDESA akan diwujudkan untuk menggalakkan jaringan aktiviti-aktiviti usahawan wanita luar bandar.

13. Pelan Tindakan Bagi KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan

Pelan Tindakan bagi KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan menetapkan empat tindakan utama dan cadangan pelan projek terperinci untuk pengukuhan keupayaan kakitangan pengembangan dan pengukuhan institusional.

Tindakan 1: Meningkatkan sistem latihan dan melaksanakan kursus latihan untuk kakitangan pengembangan.

Tindakan 2: Membangunkan keupayaan TAMU KPD demi untuk mengukuhkan jaringan PUANDESA.

Tindakan 3: Meningkatkan keberkesanan Perkhidmatan Kredit-Mikro YUM kepada kaum wanita luar bandar dengan memperkenalkan penggunaan komputer dan menganjurkan seminar latihan teknikal kepada ahli-ahli.

Tindakan 4: Mewujudkan badan koordinasi yang tetap dan menerbitkan Pelan Induk PUANDESA supaya pelaksanaan pelan Induk tersebut dapat dijalankan dengan berkesan di samping kerjasama dan koordinasi di kalangan agensi yang berkenaan dapat diperkukuhkan.

14. Cadangan-cadangan

Kami mencadangkan saranan-saranan berikut untuk memastikan pelaksanaan pelan induk dan dua pelan tindakan tersebut dapat berjalan dengan berkesan:

- 1) Sokongan dari peringkat Dasar dan sokongan terhadap Pelan Induk PUANDESA perlu diberi jaminan. Untuk mendorong mereka yang berkenaan supaya melibatkan diri secara aktif bagi meningkatkan keusahawanan wanita luar bandar; kepentingan isu-isu gender mestilah dinyatakan dengan sejujurnya dalam dasar-dasar dan pelan-pelan rancangan dan seterusnya digabungkan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan rasmi.
- 2) Persekitaran institusional bagi agensi-agensi pelaksanaan perlu dibangunkan. Koordinasi dan kerjasama di kalangan agensi-agensi yang berkenaan perlu

diperbaiki dan ditingkatkan. Pemberian insentif kepada kakitangan pengembangan dan usahawan-usahawan wanita luar bandar juga perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya.

- 3) Kemudahan infrastruktur asas di tapak projek perlu diperbaiki berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang berhubungkait dengan Pelan Tindakan. Selain daripada infrastruktur asas seperti pengangkutan dan telekomunikasi, sokongan khusus untuk aktiviti-aktiviti wanita seperti pusat aktiviti wanita dan pusat penjagaan juga diperlukan.

PENGENALAN

Pelan Induk PUANDESA 2004-2010 untuk Pengupayaan Usahawan Wanita Luar Bandar menyokong aspirasi untuk pengukuhan dan pengkasaan usahawan wanita luar bandar, merupakan sumber yang berpotensi untuk pembangunan luar bandar yang berdaya kekal di Sabah. “PUANDESA” merupakan nama singkatan bagi Kajian Pembangunan Untuk Meningkatkan Keusahawanan Wanita Luar Bandar di Sabah yang dikendalikan oleh Pasukan Pengkaji PUANDESA. Kajian ini diketuai oleh Pasukan Pengkaji JICA dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah (KPIM) dengan kerjasama dari agensi-agensi berkenaan¹ termasuklah DOA, KPD, YUM, DOF, DOVSAI, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (EPU), KPLB, JHEWA, PKKM, SPS, STB, IDS, KEMAS, FAMA, MARDI, YS. Kajian ini telah dilaksanakan dari Februari 2002 hingga Februari 2004 dengan bantuan teknikal dari Japan International Cooperation Agency (JICA).

Pada dasarnya, PUANDESA mewakili “Pembangunan Usahawan Wanita Desa Sabah”, yang bermaksud “Pembangunan Keusahawanan Wanita Luar Bandar di Sabah”. Lanjutan dari pelaksanaan Kajian PUANDESA selama dua tahun, maka nama singkatan ini telah dipersetujui oleh agensi-agensi yang berkenaan serta kaum wanita luar bandar sebagai bersesuaian dengan pergerakan bagi “kemajuan status wanita luar bandar melalui peningkatan usahawan-usahawan wanita luar bandar.” Dalam Pelan Induk ini, “PUANDESA” digunakan untuk menekankan aktiviti-aktiviti yang berkenaan atau sistem yang digabungkan dengan pergerakan PUANDESA .

Pelan Induk PUANDESA mempunyai matlamat pembangunan iaitu “meningkatkan pendapatan wanita luar bandar” melalui penglibatan mereka yang aktif dalam aktiviti-aktiviti galakan pendapatan yang berasaskan pertanian. Pelan Induk tersebut mempunyai matlamat jangka panjang iaitu “untuk pengkasaan wanita luar bandar dan memajukan status wanita luar bandar.” Pelan Induk PUANDESA telah diwujudkan oleh Pasukan Pengkaji PUANDESA sebagai produk akhir hasil Kajian PUANDESA.

Pelan Induk PUANDESA adalah disediakan berdasarkan kepada analisa situasi dan pelaksanaan Projek-projek Perintis dalam lingkungan Kajian tersebut. Rencana ringkasnya dipaparkan dalam Laporan Akhir Kajian Jilid II, dan juga dalam Dasar

¹ “agensi-agensi berkenaan” bermaksud agensi-agensi yang terlibat dalam Jawatankuasa Koordinasi PUANDESA untuk menyelaras dan bekerjasama dalam pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA: termasuklah KPIM, DOA, KPD, YUM, DOF, DOVSAI, dan EPU Negeri Sabah, KPLB, JHEWA, PKKM, SPS, STB, IDS, KEMAS, FAMA, MARDI dan YS.

Kebangsaan Wanita Di Malaysia, Rancangan Pembangunan Malaysia Kelapan, Pelan Pembangunan Negeri Sabah, yang juga merupakan salah satu komponen bagi Rancangan Pembangunan Malaysia Kelapan.

Pelan Induk PUANDESA merangkumi enam komponen, iaitu:

1. Gambaran Keseluruhan
2. Pelan Tindakan Untuk Wanita Luar Bandar
3. Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkenaan
4. Hubungkait antara Dua Pelan Tindakan Tersebut
5. Struktur Operasi
6. Cadangan-cadangan bagi Pelaksanaan Pelan Induk yang lebih Cepak dan Berkesan.

Kepimpinan yang aktif dan komited bersama dengan kerjasama dan penyelarasan yang berterusan dan usaha KPIM serta agensi-agensi yang berkenaan adalah amat dihargai untuk memastikan Pelan Induk ini dapat berfungsi dengan cepak dan berkesan supaya pembangunan luar bandar yang mampan dan seimbang dalam Negeri Sabah, Malaysia dapat tercapai dengan jayanya.

**KAJIAN PEMBANGUNAN UNTUK MENINGKATKAN KEUSAHAWANAN
WANITA LUAR BANDAR DI
SABAH, MALAYSIA**

**LAPORAN AKHIR
VOLUME I
PELAN INDUK PUANDESA 2004 – 2010**

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

SURAT PENYERAHAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAB 1: GAMBARAN MENYELURUH..... 1

- 1.1 LATARBELAKANG..... 1
- 1.2 OBJEKTIF-OBJEKTIF PEMBENTUKAN PELAN INDUK 2
- 1.3 ASAS-ASAS PERANCANGAN..... 3
- 1.4 KAWASAN SASARAN 5
- 1.5 KUMPULAN SASARAN 5
- 1.6 MATLAMAT DAN OUTPUT YANG DIJANGKA 6

BAB 2: PELAN TINDAKAN UNTUK WANITA LUAR BANDAR..... 8

- 2.1 KEADAAN PERSEKITARAN USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR DI SABAH..... 8
- 2.2 KEPERLUAN WANITA LUAR BANDAR..... 9
- 2.3 CADANGAN IMEJ WANITA LUAR BANDAR DI SABAH PADA MASA DEPAN..... 15
- 2.4 MATLAMAT DAN PELAN TINDAKAN..... 15
 - 2.4.1 *TINDAKAN 1 – GALAKAN KESEDARAN, MOTIVASI, DAN PEMBENTUKAN KUMPULAN UNTUK WANITA LUAR BANDAR KE ARAH CARA PEMIKIRAN YANG POSITIF* 18
 - 2.4.2 *TINDAKAN 2 -- MENUBUHKAN “PUSAT KHIDMAT SETEMPAT PUANDESA (OSSC)” DI PERINGKAT KAMPUNG* 24
 - 2.4.3 *TINDAKAN 3 – MEMBEKALKAN PROGRAM LATIHAN USAHAWAN-USAHAWAN PUANDESA UNTUK USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR SUPAYA DAPAT MENDORONG MEREKA UNTUK BERFIKIR TENTANG STRATEGI-STRATEGI DAN PENDEKATAN-PENDEKATAN BAGI PERNIAGAAN MEREKA SENDIRI*..... 29
 - 2.4.4 *TINDAKAN 4 – MENUBUHKAN DAN MENGGALAKKAN JARINGAN PUANDESA UNTUK MENJALINKAN JARINGAN AKTIVITI-AKTIVITI USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR*..... 35

2.5	PILIHAN-PILIHAN PELAN PROJEK BAGI FASA KEDUA PELAKSANAAN PROJEK- PROJEK PERINTIS PUANDESA	38
BAB 3: PELAN TINDAKAN UNTUK KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (KPIM), SABAH DAN AGENSI-AGENSI YANG BERKAITAN.....41		
3.1	SITUASI SEMASA PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN UNTUK WANITA LUAR BANDAR	41
3.2	MATLAMAT DAN TINDAKAN	43
3.2.1	<i>TINDAKAN 1 – PENINGKATAN SISTEM LATIHAN BAGI KAKITANGAN PENGEMBANGAN DAN PELAKSANAAN KURSUS LATIHAN.....</i>	45
3.2.2	<i>TINDAKAN 2 -- MEMBANGUNKAN KEUPAYAAN TAMU KPD UNTUK MENGUKUHKAN JARINGAN PUANDESA</i>	55
3.2.3	<i>TINDAKAN 3 – PENINGKATAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN KREDIT-MIKRO YUM UNTUK WANITA LUAR BANDAR</i>	60
3.2.4	<i>TINDAKAN 4 – MENUBUHKAN SATU BADAN PENYELARAS YANG TETAP DAN MENGALAKKAN PERHUBUNGAN AWAM MENGENAI PELAN INDUK PUANDESA... </i>	64
BAB 4: HUBUNGAN ANTARA DUA PELAN TINDAKAN.....69		
4.1	MATLAMAT DAN DUA PELAN TINDAKAN	69
4.2	AGENSI YANG BERPERANAN PENTING	70
BAB 5: STRUKTUR OPERASI.....71		
5.1	STRUKTUR OPERASI BAGI PELAN INDUK	71
5.2	STRUKTUR OPERASI BAGI PELAN-PELAN TINDAKAN	72
5.3	TANGGUNGJAWAB-TANGGUNGJAWAB BAGI AGENSI-AGENSI YANG BERKENAAN ...	74
5.4	PENGESANAN DAN PENILAIAN	77
BAB 6: REKOMENDASI-REKOMENDASI BAGI PELAKSANAAN PELAN INDUK YANG EFISIEN DAN BERKESAN.....80		
6.1	ISU-ISU UTAM BAGI PELAN INDUK PUANDESA	80
6.2	PENINGKATAN KEADAAN LUARAN BAGI PELAN INDUK PUANDESA	81
6.2.1	<i>SOKONGAN PERINGKAT PENGGUBAL DASAR</i>	82
6.2.2	<i>PENGUKUHAN INSTITUSIONAL DI PERINGKAT AGENSI-AGENSI PELAKSANA.....</i>	84
6.2.3	<i>PENINGKATAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PADA PERINGKAT PROJEK.....</i>	86
SENARAI PENJELASAN ISTILAH PUANDESA		
LAMPIRAN-1: RENCANA RINGKAS PELAN PROJEK ALTERNATIF BAGI FASA KEDUA PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERINTIS PUANDESA		
LAMPIRAN-2: LANGKAH-LANGKAH DAN AKTIVITI-AKTIVITI PELAN TINDAKAN 2004 – 2010		
LAMPIRAN-3: PELAN BELANJAWAN 2004 – 2010 (CONTOH)		

BAB 1: GAMBARAN MENYELURUH

1.1 LATARBELAKANG

Melalui pelaksanaan polisi-polisi ekonomi yang bijaksana, Negara Malaysia telah berjaya untuk memulihkan keadaan ekonominya daripada krisis ekonomi Asian 1997. Negara tersebut mencatat rekod kadar pertumbuhan 8.5% dalam tahun 2000. Demi untuk mengekalkan tahap pembangunan sosio-ekonomi tersebut, Negara Malaysia menumpukan usahanya untuk mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar demi untuk mencapai pembangunan yang adil dan saksama. Dengan ini, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat

Negeri Sabah mencatat kadar kemiskinan yang paling tinggi jika dibandingkan dengan 13 negeri yang lain di Malaysia meskipun negeri tersebut kaya dengan sumber alam seperti minyak, tanah, tumbuhan dan kes malapetaka alam yang kurang. Di kawasan luar bandar Sabah, terdapat isirumah tani yang berskel kecil-kecilan yang menetap di kampung terpencil di kawasan pergunungan. Mereka ini mempunyai pendapatan yang rendah dan sukar untuk berhubung dengan kemudahan asas.

Walau pun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan dan negeri, namun jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar kian meningkat. Keadaan ini sekurang-kurangnya telah menjejaskan usaha kerajaan dalam proses pembangunan ke arah mengurangkan kadar kemiskinan di dalam negeri. Isu kemiskinan masih kekal menjadi masalah utama yang perlu diatasi oleh kerajaan negeri.

Kajian PUANDESA menumpukan kepada dua isu penting yang mempengaruhi pembangunan luar bandar di Sabah, iaitu i) Pengagihan sumber dan faedah yang tidak seimbang antara sektor Bandar dan luar Bandar dan juga antara kaum lelaki dan kaum wanita; dan ii) input yang terhad berbanding dengan keperluan tempatan yang sebenar ke dalam program-program dan projek-projek pembangunan.

Dalam keadaan sedemikian, kaum wanita yang tinggal di kawasan luar bandar di Sabah lebih cenderung menjadi “lebih miskin daripada kumpulan yang miskin”(poorest of the poor). Di kawasan luar bandar, terdapat wanita yang

terlibat dalam aktiviti pertanian peringkat mikro yang dijalankan untuk memperolehi pendapatan keluarga. Di samping aktiviti tersebut, mereka juga terlibat dalam kerja-kerja pengeluaran semula di rumah dan berkongsi kerja-kerja pertanian dengan kaum suami. Perniagaan mikro mereka telah menyumbangkan kepada peningkatan pendapatan dan ekonomi luar bandar. Walau bagaimana pun, aktiviti-aktiviti mereka sering diperakui sebagai kerja sampingan bagi membantu kaum suami.

Terdapat juga wanita luar bandar yang tinggal di kawasan yang sangat terpencil. Mereka ini langsung tidak dapat memenuhi keperluan asas manusia termasuk pendidikan sekolah rendah, kesihatan asas, bekalan air yang selamat dan kemudahan asas sosio-ekonomi. Mereka mempunyai peluang yang terhad untuk meningkatkan pendapatan walau pun wanita luar bandar merupakan sumber potensi dalam masyarakat. Sumbangan wanita luar bandar dalam aktiviti pertanian dan kerja-kerja pengeluaran semula tidak disenaraikan dalam “ekonomi berupah”(wage ekonomi). Maka secara umumnya, wanita luar bandar tidak mempunyai hak milik yang sama ke atas kawalan sumber untuk aktiviti ekonomi dan penyertaan politik jika dibandingkan dengan kaum lelaki, begitu juga dengan kaum lelaki dan wanita yang tinggal di kawasan.

Demi untuk mencapai pembangunan yang berkesan dan berkekalan, maka adalah perlu untuk menggunakan sumber manusia secara cekap dan mencapai pengagihan sumber dan manfaat dengan adil. Tambahan lagi, untuk memastikan wujudnya hak asasi manusia, maka penilaian ke atas peranan dan tanggungjawab lelaki wanita haruslah dilakukan dengan bersesuaian.

Adalah diharapkan agar lelaki dan wanita dapat menghormati antara satu dengan yang lain dan berkedudukan sama rata serta rakan karib untuk pembangunan keluarga dan masyarakat. Keadaan yang sedemikian akan meningkatkan taraf keadaan penghidupan luar bandar yang seterusnya mengukuhkan ekonomi luar bandar.

1.2 OBJEKTIF-OBJEKTIF PEMBENTUKAN PELAN INDUK

Dengan berpandukan kepada keadaan seperti disebutkan di atas, yang akan memberi kesan ke atas usahawan-usahawan wanita luar bandar dan juga mereka yang bakal menjadi usahawan di Negeri Sabah, Pelan Induk ini dibentuk dengan objektif-objektif seperti berikut:

- 1) Untuk membekalkan garis panduan yang lebih praktikal kepada kerajaan negeri dalam usaha untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti galakan pendapatan dan untuk memperkukuhkan perniagaan mereka; dan
- 2) Untuk menyumbangkan kepada realisasi hak milik dan kawalan yang adil dan seimbang terhadap sumber-sumber, maklumat, peluang dan faedah pembangunan untuk kaum wanita dan lelaki dalam masyarakat luar bandar.

1.3 ASAS-ASAS PERANCANGAN

Pelan Induk ini dibentuk selaras dengan dengan tujuh asas yang tersenarai seperti berikut. Kesemua lima asas tersebut haruslah diberi pertimbangan yang sewajarnya semasa pelaksanaan Pelan Induk dan kedua-dua Pelan Tindakan.

(1) Untuk memberi kepentingan mengenai kesedaran dan motivasi kumpulan sasaran:

Kebanyakan projek-projek yang sedia ada tidak memperuntukkan masa yang cukup terhadap aktiviti-aktiviti kesedaran dan motivasi bagi kumpulan sasaran. Keadaan ini telah menimbulkan kesan negatif ke atas keberkesanan dan daya maju pelaksanaan projek-projek tersebut. Demi untuk membolehkan kumpulan sasaran dan wanita luar bandar dan ahli-ahli masyarakat memahami kenapa projek tersebut diperlukan dan disediakan untuk dilaksanakan kepada mereka, maka langkah-langkah kesedaran dan motivasi adalah diperlukan dan perlu dijalankan dengan secara teliti.

(2) Untuk meningkatkan pemahaman dan sokongan ahli-ahli masyarakat terhadap usahawan-usahawan wanita luar bandar melalui Penyertaan JKKK:

Kes-kes perniagaan usahawan-usahawan wanita luar bandar yang berjaya membuktikan bahawa pemahaman dan sokongan dari ahli keluarga dan masyarakat adalah penting dan kritikal. Pelan Induk ini memberikan peranan penting bagi OSSC (Pusat Khidmat Setempat) kepada pengerusi dan ketua biro wanita JKKK, yang merupakan pemimpin-pemimpin masyarakat, dan melatih mereka dalam memudahcarakan aktiviti-aktiviti wanita luar bandar. Adalah dijangka bahawa keadaan ini dapat menyumbangkan kepada pengukuhan sokongan JKKK terhadap pelaksanaan Pelan Induk dan meningkatkan pemahaman dan sokongan keluarga dan ahli-ahli masyarakat.

(3) Untuk menggalakkan pendekatan berorientasikan pasaran yang praktikal:

Merancang cara-cara bagaimana untuk menjual lebih banyak produk-produk usahawan wanita luar bandar merupakan salah satu bahagian yang penting dan kritikal dalam meningkatkan keusahawanan wanita luar bandar. Program-program untuk tujuan tersebut adalah amat terhad yang mana boleh memberikan pandangan dan kemahiran pemasaran yang praktikal kepada usahawn-usahawn wanita luar bandar. Pelaksanaan Pelan Induk akan menekankan latihan dan kemahiran yang praktikal untuk memahami dengan terperinci mengenai keperluan pasaran; untuk meningkatkan produk-produk yang sedia ada, untuk mewujudkan produk baru; dan/atau untuk menentukan bagaimana dan di mana untuk menjual produk-produk tersebut.

(4) Untuk menggunakan kemahiran tradisional dan bahan-bahan yang diperolehi dari persekitaran tempatan:

Asas ini adalah penting untuk mewujudkan pendekatan senang dimulakan dan berdaya maju kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar dengan sumber kewangan yang terhad dalam masyarakat luar bandar. Pelbagai kemahiran tradisional boleh diperolehi di kalangan wanita luar bandar. Sumber-sumber semulajadi tempatan yang terbiar, kini digunakan untuk tujuan perniagaan mereka, mempunyai potensi yang tinggi digunakan sebagai bahan-bahan mentah.

(5) Untuk menerimapakai pendekatan “bottom-up” (pendekatan penyertaan):

Pendekatan “top-down” merupakan pendekatan yang pada umumnya dipraktikkan dalam projek-projek pembangunan luar bandar di Sabah. Demi untuk mengubah peranan pasif wanita luar bandar kepada peranan yang lebih agresif dan positif dan meningkatkan hakmilik projek-projek, maka adalah perlu untuk mempraktikkan pendekatan pembangunan penyertaan dengan melibatkan kumpulan sasaran dalam setiap peringkat kitaran pembangunan projek, termasuklah proses pembentukan projek, perancangan, pelaksanaan, pengesanan dan penilaian projek.

(6) Untuk mengamalkan pertimbangan gender dan pendekatan peka(sensitive)gender:

Analisis Gender perlu dilaksanakan pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek-projek pembangunan untuk membolehkan mereka menjadi lebih peka kepada gender. Pendekatan yang sedemikian akan meningkatkan daya maju projek, dapat memastikan wujudnya keupayaan memiliki yang adil dan seimbang terhadap kawalan sumber dan manfaat, serta dapat mengelakkan bebanan yang terlebih diberikan kepada kaum wanita luar bandar melalui pelaksanaan projek.

(7) Untuk memastikan komitmen agensi-agensi yang berkenaan dan untuk mengukuhkan kerjasama mereka

Terdapat banyak agensi yang terlibat dalam usaha untuk meningkatkan keusahawanan wanita luar bandar. Dengan ini, adalah perlu untuk memastikan komitmen dan kepimpinan agensi-agensi berkenaan dan juga koordinasi aktiviti-aktiviti terus diwujudkan dan dikekalkan semasa pelaksanaan Kajian PUANDESA .

1.4 KAWASAN SASARAN

Kawasan sasaran Pelan Induk merangkumi seluruh negeri Sabah, Malaysia.

1.5 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran bagi pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan merangkumi semua wanita luar bandar di Sabah termasuk samada mereka yang sudah memulakan aktiviti galakan peningkatan pendapatan atau pun mereka yang belum memulakan.

Kumpulan sasaran Pelan Tindakan ialah:

- 1) Wanita luar bandar sebagai kumpulan sasaran langsung untuk Pelan Tindakan bagi wanita luar bandar” dan kumpulan sasaran secara tidak langsung ialah “Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan”; dan
- 2) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah dan agensi-agensi yang berkenaan termasuk DOA, KPD, DOF, DOVSAI, YUM, EPU, KPLB, JHEWA, PKK, SPS, STB, IDS, FAMA, MARDI, KEMAS, YS

dsb. Sebagai kumpulan sasaran langsung bagi “Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi berkenaan”

1.6 MATLAMAT DAN OUTPUT YANG DIJANGKA

Matlamat Pembangunan (rujuk kepada Jadual 1-1) merupakan sasaran langsung Pelan Induk dan adalah dijangka dicapai menjelang tahun 2010. Pencapaian matlamat pembangunan akan membawa kepada pencapaian Matlamat Separuh Penggal menjelang tahun 2015, iaitu tahun sasaran bagi pelan pembangunan yang seterusnya. Matlamat jangka panjang akan disempurnakan dengan tercapainya Matlamat Pembangunan dan Matlamat Separuh Penggal menjelang tahun 2020, iaitu tahun sasaran bagi Dasar Pembangunan Kebangsaan “Wawasan 2020”. Matlamat Pembangunan bagi Pelan Induk dan Pelan-pelan Tindakan di samping Matlamat Separuh Penggal dan Jangka Panjang bagi Pelan Induk adalah direncanakan seperti berikut:

Jadual 1-1 Matlamat Pelan Induk dan Pelan Tindakan

Matlamat Jangka Panjang Pelan Induk (menuju sasaran wawasan 2020):	
<ol style="list-style-type: none"> 1) Kemajuan status wanita luar bandar dan penyertaan aktif mereka dalam proses membuat keputusan; 2) Pembangunan yang berdaya kekal dan harmoni di masyarakat luar bandar; dan 3) Pengurangan jurang antara kawasan luar bandar dan kawasan bandar melalui peningkatan aktiviti ekonomi di kawasan luar Bandar. 	
Matlamat Separuh Penggal Pelan Induk (menuju sasaran tahun 2015):	
<ol style="list-style-type: none"> 1) Pengkasaan wanita dan pengiktirafan mereka sebagai rakan sekedudukan dengan kaum lelaki; dan 2) Peningkatan keadaan hidup isirumah luar bandar dan persekitaran hidup masyarakat luar bandar. 	
Matlamat Pembangunan (menuju sasaran tahun 2010):	
Matlamat Pembangunan Pelan Induk	“Pendapatan wanita luar bandar akan meningkat melalui penyertaan aktif wanita luar bandar dalam aktiviti ekonomi; yang akan meningkatkan pendapatan isi rumah”
Matlamat Pelan Tindakan Untuk Wanita Luar Bandar	<ol style="list-style-type: none"> 1) Wanita luar bandar memiliki hak yang sama ke atas sumber termasuk bahan-bahan, maklumat, kemahiran, program sokongan dan peruntukan untuk membangunkan dan memperkembangkan aktiviti galakan pendapatan; dan 2) Wanita lebih berkeyakinan dan meningkatkan persaingan untuk memperbaiki kualiti produk dan pekhidmatan bagi memenuhi keperluan pasaran.

<p>Matlamat pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) KPIM dan DOA, KPD, YUM, DOF, JHEWA, KPLB, PKKMM serta DOVSAI akan berfungsi dan diakui oleh wanita luar bandar sebagai agensi utama untuk mengukuhkan usahawan wanita luar bandar. Agensi-agensi ini dilengkapi dengan sumber berkesan dari segi kakitangan untuk perancangan, panduan teknikal dan pengembangan, maklumat, latihan, khidmat nasihat dan peruntukan dana; 2) KPIM dan agensi-agensi yang berkenaan termasuklah DOA, KPD, YUM, DOF, DOVSAI, KPLB, JHEWA, PKKMM, SPS, STB, IDS, FAMA, MARDI, KEMAS dan YS perlu mengukuhkan jaringan dan kerjasama untuk memenuhi komitmen teknikal dan kewangan untuk membekalkan sistem yang lebih praktikal dan mudah dihubungi bagi menyokong wanita luar bandar; dan 3) Penggubal dasar dan pegawai-pegawai KPIM serta agensi-agensi yang berkenaan perlu memahami peranan utama wanita luar bandar, pertimbangan gender dan pendekatan “bottom-up” serta mengamalkannya dalam tugas harian mereka.
-----------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

BAB 2: PELAN TINDAKAN UNTUK WANITA LUAR BANDAR

Pelan Induk Pembangunan untuk wanita luar bandar menekankan penyertaan aktif kaum wanita luar bandar dalam aktiviti galakan pendapatan dan peningkatan aktiviti melalui galakan kesedaran dan motivasi, memberi panduan kepada mereka tentang bagaimana untuk memulakan perniagaan dan memperbaiki kemahiran dan pengetahuan pengeluaran, pemasaran, pengurusan perniagaan dsb.

Pelan Tindakan untuk wanita luar bandar menghuraikan antaranya situasi semasa dan masa depan wanita luar bandar di Sabah, cadangan imej wanita luar bandar Sabah, matlamat Pelan Tindakan dan aktiviti Pelan Tindakan untuk mencapai matlamat tersebut. Selain itu, pilihan-pilihan bagi pelan projek fasa II Projek-projek Perintis PUANDESA juga dihuraikan, yang termasuk dalam cadangan Pelan Induk demi untuk meningkatkan keberkesanan tindakan Pelan Induk.

2.1 KEADAAN PERSEKITARAN USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR DI SABAH

Daripada penduduk seramai 2,603,486 di negeri Sabah pada tahun 2000, sejumlah 1,257,948, atau 48.3% daripadanya terdiri dari kaum wanita. Penduduk wanita luar bandar dalam negeri dianggarkan berjumlah 667,000 orang, bilangan ini dianggarkan sebagai saiz kumpulan sasaran bagi Pelan Tindakan ini dan juga bagi Pelan Induk PUANDESA.

Kadar celik huruf adalah rendah di kalangan generasi wanita luar bandar yang tua manakala kebanyakan generasi wanita yang lebih muda mempunyai taraf pendidikan peringkat sekolah rendah. Kadar kelahiran di kawasan luar bandar pula adalah amat tinggi, ramai di kalangan mereka yang mempunyai lebih daripada 10 orang anak. Manakala bagi kawasan perkampungan terpencil pula, kadar kematian bayi adalah tinggi oleh kerana perhubungan yang terhad terhadap kemudahan klinik dan lain-lain kemudahan.

Kaum wanita luar bandar mempunyai pengaruh kuat dalam aktiviti ekonomi luar bandar kecuali tugas-tugas pertanian, kerja makan gaji, dan aktiviti masyarakat. Di antara aktiviti pengeluaran, kebanyakan aktiviti penjagaan haiwan, ternakan dan kraftangan adalah diurus oleh kaum wanita; yang mana selalunya dikatakan sebagai “aktiviti keluarga yang tidak dibayar”. Satu lagi perkara yang penting ialah dalam tanggungjawab pengeluaran

semula(tanggungjawab kerja rumah) seperti penjagaan anak, kerja rumah, dan penyediaan makanan, kaum lelaki hanya berperanan sebagai membantu sahaja.

Terdapat sebilangan usahawan wanita luar bandar yang telah memulakan perniagaan sendiri iaitu pemprosesan makanan, runcit, pengeluaran kraftangan, penjualan dan lain-lain. Ada di kalangan mereka yang telah berjaya;walau bagaimanapun, biasanya mereka hanya memiliki kemahiran dan pengetahuan tradisional dan perhubungan pasaran yang amat terhad. Pada umumnya, kebanyakan usahawan wanita luar bandar meperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM100-RM500.

Terdapat pemahaman umum yang mengatakan “aktiviti ekonomi wanita luar bandar bukanlah merupakan pendapatan utama keluarga tetapi hanya sebagai pendapatan sampingan” sahaja. Pemahaman yang sedemikian lebih mendalam di kawasan luar bandar. Keadaan pemahaman yang sedemikian sedikit sebanyak telah menghadkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi. Kaum lelaki dikatakan sebagai pencari nafkah yang utama, maka kebanyakan peluang pekerjaan adalah diberikan kepada kaum lelaki. Biasanya keupayaan untuk membuat keputusan adalah terhad bagi kaum wanita luar bandar.

Terdapat juga beberapa keluarga yang diketuai oleh isirumah wanita. Sebilangan daripada mereka menjaga keluarga manakala suami mereka bekerja di kawasan bandar. Terdapat juga wanita yang ditinggalkan oleh suami kerana berkahwin lagi di kawasan bandar. Di kampung, peluang pekerjaan untuk kaum wanita adalah amat terhad. Oleh itu, lebih banyak keluarga yang diketuai oleh kaum wanita masih hidup di bawah garis kemiskinan


Secara amnya, wanita luar bandar di Sabah lebih bersikap pasif dan telah melalui pengalaman bersusah-payah bagi jangkamasa yang lama. Wanita luar bandar berperanan sebagai membantu suami, menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan menyokong keluarga dan masyarakat mereka yang mana peranan ini menjadi budaya dan tradisi kumpulan etnik mereka yang menetap bersama dengan kumpulan etnik yang lain.

2.2 KEPERLUAN WANITA LUAR BANDAR

Berdasarkan kepada analisis situasi terhadap wanita luar bandar dan usaha mereka, maka Kajian PUANDESA telah mengklasifikasikan wanita luar bandar di Sabah kepada enam (6) kelompok mengikut aspek aktiviti pertanian mereka:

- Kelompok 1: Usahawan wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan berhubung dengan pasaran dan maklumat dan merupakan mereka yang telah mengoperasikan perniagaan pertanian mampu diri;
- Kelompok 2: Wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan berhubung dengan pasaran dan maklumat tetapi masih menghadapi masalah dan tidak dapat memperkembangkan perniagaan mereka;
- Kelompok 3: Wanita luar bandar yang secara relatif menghadapi kesukaran berhubung dengan pasaran dan maklumat dan masih menghadapi masalah untuk memperkembangkan perniagaan mereka;
- Kelompok 4: Wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan berhubung dengan pasaran dan maklumat serta mempunyai rancangan untuk berniaga tetapi belum memulakan perniagaan;
- Kelompok 5: Wanita luar bandar yang secara relatif menghadapi kesukaran untuk berhubung dengan pasaran dan maklumat tetapi mempunyai rancangan untuk berniaga tetapi belum memulakan perniagaannya; dan
- Kelompok 6: Wanita luar bandar yang mempunyai keupayaan berhubung yang amat terhad dengan pasaran dan maklumat, pengetahuan serta maklumat adalah terhad mengenai pilihan penghidupan dan aktiviti galakan pengupayaan.

Usahawan wanita luar bandar yang diklasifikasikan sebagai Kelompok 1 merupakan mereka yang lebih berjaya berbanding dengan mereka yang berada dalam Kelompok 2 dan 3. Wanita luar bandar bagi Kelompok 4 dan 5 pula belum memulakan perniagaan, manakala satu lagi Kelompok 6 tidak mempunyai idea dan pandangan untuk memulakan perniagaan. Usahawan wanita luar bandar dan wanita luar bandar dijangka akan berkembang secara berperingkat dan memperkembangkan perniagaan mereka melalui meningkatkan perolehan terhadap pelbagai sumber ekonomi seperti pasaran, maklumat dan kemahiran latihan dsb.



Rajah 2-1 Klasifikasi Wanita Luar Bandar di Sabah dan Proses Perkembangan Masing-masing

Demi untuk menjadikan pelaksanaan Pelan Induk ini lebih realistik dan praktikal, Kajian PUANDESA telah melaksanakan 11 projek perintis dari September 2002 hingga Oktober 2003. Senarai Projek-projek Perintis tersebut ialah seperti berikut:

- Projek Perintis 1 Berfikir dan bekerja bersama dengan wanita luar bandar
- Projek Perintis 2 Projek untuk menubuhkan satu pusat khidmat setempat untuk usahawan wanita luar bandar
- Projek Perintis 3 Projek penggunaan produk dan sumber-sumber yang tidak terpakai
- Projek Perintis 4 Projek pengkulturan dan pemprosesan rumpai laut
- Projek Perintis 5 Projek pembaikan dan inovasi fungsi TAMU
- Projek Perintis 6 Projek untuk mempromosi kraftangan tempatan di bawah pembangunan pelancongan Kudat
- Projek Perintis 7 Projek untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah penyertaan bersama dalam perancangan projek

- Projek Perintis 8 Projek untuk mengukuhkan badan koordinasi pengupayaan wanita luar bandar
- Projek Perintis 9 Projek untuk pengukuhan jaringan organisasi promosi kraftangan
- Projek Perintis 10 Projek untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kredit-mikro untuk usahawan luar bandar
- Projek Perintis 11 Projek untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan penggubal dasar

Penemuan dan pembelajaran dari pelaksanaan projek perintis adalah diringkaskan seperti Jadual 2-1:

**Jadual 2-1 Penemuan dan Pembelajaran dari Pelaksanaan Projek Perintis
PUANDESA**

Penemuan dan Pembelajaran Diperolehi
Wanita Luar Bandar Kelompok 1:
<ul style="list-style-type: none"> - Mereka memerlukan maklumat dan latihan dalam perancangan perniagaan, pembangunan produk baru, pemasaran, pengurusan kewangan dll untuk memperkembangkan perniagaan mereka; walau bagaimana pun, program sokongan yang sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan mereka. - Mereka memerlukan perkhidmatan nasihat yang memberangsangkan untuk memperkembangkan perniagaan mereka - Mereka mempunyai peluang yang terhad untuk mendapatkan peruntukan dana dan untuk memperkembangkan perniagaan walau pun mereka mempunyai pengetahuan yang menggalakkan dalam perniagaan baru atau produk - Tidak terdapat maklumat atau data/statistik rasmi mengenai pasaran di Sabah untuk Perancangan Perniagaan. - Mereka memerlukan keupayaan berhubung dengan maklumat pasaran luaran seperti di Sarawak, Semenanjung Malaysia dan negara-negara jiran. - Tidak ada pertukaran maklumat di kalangan usahawan wanita luar bandar.
Wanita Luar Bandar Kelompok 2:
<ul style="list-style-type: none"> - Mereka memerlukan maklumat dan latihan dalam pengendalian makanan, kawalan kualiti, kemahiran pemasaran dan pengeluaran untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kualiti. - Mereka mempunyai keupayaan berhubung dengan maklumat dan program sokongan; walau bagaimana pun, program yang sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan mereka atau peluang adalah terhad

Wanita Luar Bandar Kelompok 3:

- Mereka memerlukan maklumat dan latihan dalam pengendalian makanan, kawalan kualiti, kemahiran pemasaran dan pengeluaran untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kualiti.
- Mereka mempunyai keupayaan berhubung yang terhad dengan maklumat program sokongan dan pasaran
- Produk mereka perlu diperbaiki untuk memenuhi keperluan pasaran secara kuantitatif dan/atau kualitatif.

Wanita Luar Bandar Kelompok 4:

- Mereka memerlukan maklumat dan latihan mengenai bagaimana memulakan perniagaan dan menggunakan program tersebut untuk menyokong wanita luar bandar.
- Keupayaan berhubung mereka dengan maklumat, latihan dan peruntukan adalah baik secara relatif; walau bagaimanapun, mereka mempunyai hak yang terhad ke atas peruntukan bagi menyediakan kos permulaan perniagaan.
- Kekurangan motivasi, kepimpinan, dan maklumat pasaran.

Wanita Luar Bandar Kelompok 5 dan 6:

- Wanita luar bandar Kelompok 5 dan 6 mempunyai masalah dan kekangan yang lebih kurang sama.
- Mereka mempunyai pemikiran dan sikap yang pasif dan perlu dilatih untuk mengenalpasti potensi sendiri seperti kesedaran, motivasi, pembentukan kumpulan dan sebagainya.
- Keupayaan berhubung dengan maklumat, latihan dan dana adalah terhad. Mereka mempunyai kesukaran untuk berhubung dengan pasaran.
- Mereka perlu menggunakan kemahiran tradisional dan sumber-sumber yang terdapat di masyarakat mereka dengan baik.

Berdasarkan kepada pengalaman dan pembelajaran dari Projek Printis seperti yang dinyatakan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa keperluan latihan dan maklumat untuk wanita luar bandar adalah amat diperlukan, Keperluan latihan dan situasi semasa bagi kursus latihan adalah diringkaskan seperti dalam Jadual 2-2.

Jadual 2-2 Keperluan Latihan dan Kursus Latihan Semasa dan Keperluan Latihan Usahawan-usahawan Wanita Luar Bandar

Kelompok wanita luar Bandar yang paling memerlukan jenis Latihan	Jenis Latihan	Kursus Latihan semasa yang Sedia Ada	
		Agensi-agensi dan/atau Kakitangan bertanggungjawab	Keupayaan Memiliki bagi Wanita Luar Bandar
Kelompok 4, 5 dan 6	Jenis Latihan 1: Latihan Kesedaran dan Motivasi	Kakitangan Pengembangan PKT DOA KPD	Keupayaan memperolehi latihan Kesedaran dan Motivasi Wanita Luar Bandar adalah sangat terhad.
	Jenis latihan 2: Latihan Kemahiran Pengeluaran Asas	Kakitangan Pengembangan PKT DOA Kakitangan Pengembangan DOA, DOVSAI, DOF, KPD, KEMAS	Kemahiran Pengeluaran asas telah dijalankan dari segi pemprosesan makanan, membuat kraftangan, menjahit baju, penternakan haiwan dll. Tetapi kandungan kursus dan latihan adalah diputuskan melalui pendekatan “top-down”.
Kelompok 2 dan 3	Jenis Latihan 3: Kawalan Kualiti, Pembungkusan dan Pemasaran	FAMA, MARDI Kementerian Kesihatan	Keupayaan memperolehi terhad dan kandungan adalah tidak bersesuaian
Kelompok 1, 2 dan 3	Jenis Latihan 4: Kursus Pengurusan:	YUM, KPD FAMA, MARDI	Keupayaan memperolehi terhad dan kandungan adalah tidak praktikal.
Kelompok 1, 2 dan 3	Jenis Latihan 5: Nasihat	YUM, KPD	Tidak diberikan buat masa ini.
Kelompok 1	Jenis latihan 6: Teknologi maklumat	JHEWA, IDS	Keupayaan Memperolehi Terhad

2.3 CADANGAN IMEJ WANITA LUAR BANDAR DI SABAH PADA MASA DEPAN

Wanita luar bandar tidak mempunyai banyak peluang untuk berfikir dan mewujudkan sesuatu untuk membaiki keadaan bekerjasama dengan rakan dalam kumpulan. Mereka juga mempunyai peluang terhad untuk melaksanakan dan mencapai sesuatu untuk diri sendiri.

Sebaliknya terdapat ramai wanita muda dan kanak-kanak yang masih berupaya . Terdapat sumber alam yang kaya di persekitaran mereka, walau pun kemudahan sosial dan ekonomi adalah kurang membangun,keadaan ini adalah amat merugikan kaum wanita luar bandar dan sumber tersebut akan terbazir sekiranya mereka hanya bersikap menunggu bantuan dari luar. Mereka harus yakin dan percaya dengan keupayaan mereka dan berfikir untuk memulakan sesuatu aktiviti untuk diri mereka sendiri. Mereka perlu diberi kesedaran dan mengamalkan sikap yang lebih aktif.

Imej masa depan yang dicadangkan dalam Pelan Tindakan ialah “wanita tersebut, akan yakin dengan keupayaan sendiri, berbincang dan kerjasama dengan rakan-rakan, menggunakan sumber-sumber dan kemahiran tradisional yang sedia ada dalam masyarakat. Manakala bagi wanita yang telah menerimapakai pengetahuan dan maklumat melalui agensi sokongan kerajaan, perlu melaksanakan projek galakan pendapatan secara kumpulan dan memperkembangkan perniagaan dengan agresif.”

2.4 MATLAMAT DAN PELAN TINDAKAN

Matlamat Pelan Tindakan untuk wanita luar bandar adalah seperti berikut:

Menjelang tahun 2010;

- 1) Wanita luar bandar mempunyai keupayaan berhubung dan memiliki sumber termasuk bahan-bahan, maklumat, kemahiran, program sokongan kerajaan dan dana untuk memulakan dan memperkembangkan aktiviti galakan pendapatan yang berasaskan pertanian.; dan
- 2) Usahawan wanita luar bandar akan lebih berkeyakinan dan meningkatkan daya saing untuk memperbaiki kualiti produk dan perkhidmatan supaya dapat memenuhi keperluan pasaran.

Demi untuk mencapai matlamat tersebut di atas, Pelan Tindakan memfokuskan kepada peningkatan keupayaan berhubung dengan sumber-sumber termasuklah maklumat, latihan, nasihat dan dana.

Langkah pertama, Pelan Tindakan ini, iaitu mengambil tindakan untuk mengubah sikap dan cara pemikiran kaum wanita yang pasif kerana ianya merupakan fenomena yang umum di kawasan luar bandar di Sabah. Langkah ini dapat dijalankan melalui aktiviti-aktiviti pengukuhan kesedaran, motivasi dan pembentukan kumpulan. Langkah yang kedua ialah keupayaan berhubung untuk latihan dan program sokongan akan ditingkatkan melalui pengwujudan pusat berhubung JKKK dalam masyarakat tersebut. Pusat perhubungan ini perlu berperanan sebagai mesra-pengguna dan mudah dihubungi. Keadaan ini juga dijangka dapat meningkatkan persefahaman masyarakat tersebut serta membekalkan sokongan kepada cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh wanita luar bandar.

Kualiti kursus latihan mengenai garis panduan asas perniagaan, kemahiran perkilangan, pemasaran dll akan diperkukuhkan dalam Pelan Tindakan untuk wanita luar bandar. Perkhidmatan nasihat yang bersesuaian adalah diperlukan untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar apabila mereka berancang untuk mengembangkan perniagaan mereka. Akhir sekali, untuk perkembangan perniagaan, Pelan Tindakan ini juga berperanan sebagai menggalakkan jaringan dan pertukaran maklumat.

Tindakan dan aktiviti utama Pelan Tindakan untuk wanita luar bandar ialah seperti berikut:

<u>Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar</u>
<p>Tindakan 1 –Galakan kesedaran, motivasi, dan pembentukan kumpulan untuk wanita luar bandar ke arah cara pemikiran yang positif: Untuk memimpin kaum wanita luar bandar menjalani latihan dan bengkel mengenai pemikiran positif, kesedaran dan motivasi akan dilaksanakan. Langkah sedemikian akan dapat menggalakkan dan menyokong mereka untuk membentuk kumpulan dan memulakan perniagaan.</p>
<p>Tindakan 2 – Menubuhkan “Pusat Khidmat Setempat PUANDESA (OSSC)” pada peringkat kampung: Satu pusat yang berfungsi sebagai “pusat khidmat setempat” akan dilengkapkan di setiap kampung. Pengerusi JKKK dan ketua-ketua biro wanita akan dilatih dan menyampaikan perkhidmatan OSSC kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar. OSSC tersebut perlu mudah dihubungi, mesra-pengguna, membekalkan maklumat mengenai bagaimana untuk memulakan perniagaan dan bagaimanapun menggunakan program-program</p>

kerajaan. Tindakan ini akan dapat membantu meningkatkan kefahaman masyarakat dan sokongan untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar.

Tindakan 3 – Membekalkan Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar supaya dapat mendorong merek untuk berfikir tentang strategi-strategi dan pendekatan-pendekatan bagi perniagaan mereka sendiri: Keupayaan memperoleh latihan yang bersesuaian bagi wanita bandar akan diperbaiki dan dipertingkatkan, khasnya dari segi garis panduan asas perniagaan, perancangan dan pengurusan perniagaan, kawalan kualiti, pemasaran, maklumat dan teknologi maklumat (ICT) dll. Khidmat nasihat yang praktikal dan bermanfaat serta bantuan kewangan kepada perniagaan juga akan diperkenalkan.

Tindakan 4 – Menubuhkan dan menggalakkan Jaringan PUANDESA untuk menjalinkan jaringan aktiviti-aktiviti usahawan-usahawan wanita luar bandar: Satu platform untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar yang berfungsi untuk membangunkan jaringan, pertukaran maklumat, mempelajari dari kes contoh dan mengumpul maklumat pengguna akan diterbitkan manakala jaringan usahawan-usahawan wanita luar bandar akan digalakkan.

Kelompok-kelompok sasaran dan agensi-agensi utama yang bertanggungjawab untuk setiap Tindakan yang tersebut di atas adalah ditunjukkan di Jadual 2-3.

Jadual 2-3 Kelompok-kelompok Sasaran dan Agensi-agensi Utama bagi Empat Tindakan

	Kelompok-kelompok Sasaran	Agensi-agensi Utama
Tindakan 1: Kesedaran, Motivasi dan Pembentukan Kumpulan	Kelompok 4, 5 dan 6	DOA
Tindakan 2: Pusat Khidmat Setempat	Kelompok 5 dan 6	JHEWA
Tindakan 3: Latihan dan Khidmat Nasihat	Kelompok 1 – 6	KPD
Tindakan 4: Jaringan untuk Usahawan-usahawan Wanita Luar Bandar	Kelompok 1, 2 dan 3	KPD

Profil-profil mengenai rasional, objektif, struktur operasi dan komponen-komponen serta tindakan-tindakan yang mempunyai hubung kait dengan empat Tindakan tersebut adalah diringkaskan seperti berikut. Langkah-langkah terhadap tindakan-tindakan tersebut yang perlu diambil dan implikasi bagi pelan belanjawan bagi setiap Tindakan adalah dilampirkan dalam Lampiran -2.

2.4.1 TINDAKAN 1 –GALAKAN KESEDARAN, MOTIVASI, DAN PEMBENTUKAN KUMPULAN UNTUK WANITA LUAR BANDAR KE ARAH CARA PEMIKIRAN YANG POSITIF

(1) RASIONAL

Kakitangan pengembangan, khasnya kakitangan pengembangan PKT DOA merupakan kumpulan yang utama dalam mengukuhkan usahawan-usahawan wanita luar bandar, mereka ini mempunyai kemahiran untuk membekalkan kursus latihan yang asas kepada wanita luar bandar iaitu dari segi perladangan, pemprosesan makanan, kraftangan, kesihatan, pengurusan perniagaan dsb. Mereka telah melatih kumpulan PKT wanita luar bandar berkenaan dengan kemahiran-kemahiran tersebut. Program PKT bertujuan untuk mendidik wanita luar bandar dalam pembangunan keluarga tani, mendorong mereka untuk menganjurkan kumpulan dan memberi panduan mereka untuk memulakan perniagaan. Pencapaian program PKT ini belum tercapai dengan sepenuhnya; Wanita luar bandar ini belum didorong dengan sepenuhnya atau dikelolakan untuk memulakan perniagaan dengan daya usaha mereka sendiri.

Kursus latihan PKT yang sedia ada merangkumi modul-modul seperti berikut:

- Modul 1: Kesihatan Keluarga (konsep kesihatan, masalah kesihatan dan cara-cara mengatasi, pengambilan makanan dan pemakanan sihat dsb.)
- Modul 2: Keibubapaan (Pengenalan kehidupan keluarga, hubungan suami dan isteri, cabaran dalam keibubapaan dsb.)
- Modul 3: Motivasi Keluarga (tanggungjawab diri, potensi diri, motivasi isirumah, pelan tindakan perseorangan dsb.)
- Modul 4: Pendidikan Pengguna (sistem membeli dan menjual, masalah sebagai pengguna, pengiklanan, perlindungan pengguna dsb.)
- Modul 5: Keluarga dan Keusahawanan (Wanita dan perniagaan, peluang-peluang perniagaan, pengurusan perniagaan dsb.)
- Modul 6: Perladangan Sayur-sayuran (jenis sayur-sayuran, penilaian makanan sayur-sayuran, langkah-langkah projek perladangan sayur-sayuran dsb.)
- Modul 7: Pemprosesan Produk Pertanian (pemprosesan makanan, kawalan kualiti, pembungkusan, penyimpanan, perlabelan, kebersihan dan kesihatan dsb.)
- Modul 8: Menjahit (Baju Selangor, Baju Kurung, Baju Kabaya, skirt and blaus dsb.)
- Modul 9: Kraftangan (anyaman, kraftangan tempatan dsb.)
- Modul 10: Seni Hasil Kerja tangan (sulaman, menjahit kain tilam dsb.)

Modul-modul tersebut merangkumi sebahagian besar perkara-perkar yang diperlukan untuk melatih wanita luar bandar dari segi pembangunan keluarga tani dan membangunkan minat mereka untuk memulakan perniagaan.

Kakitangan pengembangan PKT DOA telah dilatih dengan kemahiran-kemahiran tersebut. Walau bagaimana pun, kandungan latihan pada umumnya ditentukan oleh kakitangan pengembangan berdasarkan kepada pendekatan “top-down”; keperluan atau minat wanita luar bandar adalah agak sukar untuk digambarkan.. Latihan tersebut disampaikan melalui kuliah, yang agak kurang menarik minat peserta-peserta. Ada di kalangan kakitangan pengembangan yang tidak memahami dan menghayati kepentingan latihan kesedaran dan motivasi; dengan ini, mereka memperuntukkan 20 minit atau lebih untuk membaca modul hanya setakat untuk menghabiskan masa sesi kesedaran dan motivasi tanpa sebarang penyertaan dari peserta-peserta latihan. Maka dengan ini, mereka yang menyertai latihan tersebut tidak dapat memahami dengan sepenuhnya kandungan latihan walau pun mereka berminat terhadap latihan tersebut.

Demi untuk mengatasi keadaan seperti ini, maka Projek Perintis 1 PUANDESA telah memindahkan kemahiran memudahcara, pembangunan gender dan kaedah penyertaan kepada kakitangan pengembangan PKT DOA dan penilaian kesan pelaksanaannya ke atas wanita luar bandar dan kakitangan pengembangan. Selepas tempoh satu tahun pelaksanaan projek, kedua-dua kumpulan sasaran, kumpulan wanita luar bandar dan kakitangan pengembangan PKT DOA telah berubah sikap ke arah lebih positif dan lebih yakin dengan keupayaan mereka. Mereka juga menjadi lebih yakin akan potensi masing-masing.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Tindakan 1 bertujuan untuk mengukuhkan dan memperkembangkan aktiviti-aktiviti Projek Perintis 1 serta meningkatkan pakej latihan kepada kumpulan wanita luar bandar di Sabah. Objektif-objektif Tindakan 1 ialah:

- a) Untuk melatih wanita luar bandar dalam bengkel kesedaran dan motivasi serta memberi peluang kepada mereka untuk membentuk kumpulan, menjalankan projek-projek mikro, dan memulakan perniagaan; dan
- b) Untuk membangunkan metodologi dan kemahiran bagi melaksanakan bengkel latihan kesedaran dan motivasi bersama dengan wanita luar bandar di kawasan-kawasan terpencil.

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan Output bagi Tindakan 1 (menjelang tahun 2010) ialah:

- a) Kumpulan wanita luar bandar sebanyak 160 di 16 kawasan sasaran adalah dilatih dan dimudahcara, sebagai kes contoh, berpemikiran positif dan memulakan perniagaan; dan
- b) Lebih daripada 2,000 orang wanita luar bandar akan dilatih menjelang tahun 2007 oleh kakitangan pengembangan PKT DOA yang akan menjalani latihan dalam kerja dengan modul latihan PKT DOA yang telah diubahsuai dan dinaiktarafkan. (Merujuk kepada Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan serta Tindakan 1: Meningkatkan Sistem Latihan Kakitangan Pengembangan dan Melaksanakan Kursus-kursus Latihan)

(4) STRUKTUR OPERASI

DOA adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan dan mengesan Tindakan 1.

Aktiviti-aktiviti tersebut akan dilaksanakan oleh kakitangan pengembangan PKT DOA di daerah sasaran masing-masing, yang akan dilatih oleh Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan. Pada masa yang sama, mereka akan dipandu oleh Pasukan Pelatih PUANDESA dan Pasukan Pelatih PKT DOA, yang mana akan dikukuhkan melalui Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan.

Pasukan Pelatih PUANDESA terdiri dari pakar perunding tempatan dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi yang berkenaan termasuk DOA, KPD, YUM, JHEWA dan IDS, yang juga termasuk dalam Pasukan Petugas Gender Kajian PUANDESA. Manakala Pasukan Pelatih PKT DOA pula terdiri dari kakitangan pengembangan yang utama.

Di samping itu, pakar pertanian dan perladangan dari DOA dan kakitangan pengembangan dari KPD, YUM, DOVSAI dan DOF akan membantu kakitangan pengembangan PKT DOA apabila aspek-aspek seperti pengeluaran khas, penuaian, pemprosesan dan kemahiran jualan serta maklumat diperlukan.

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN

Komponen-komponen dan tindakan-tindakan bagi Tindakan 1 adalah seperti berikut:

1. Memuktamadkan Pelan Pelaksanaan dan Tindakan Penyediaan

- 1) Mengadakan **bengkel perancangan selama dua hari**
 - a. Peserta-peserta: - Pegawai-pegawai dari Bahagian Pengembangan DOA,ibu Pejabat
 - Kakitangan Pengembangan PKT DOA dari Daerah Pitas
 - Pasukan Pelatih PUANDESA
 - b. Penyelaras: - Pasukan Pelatih PUANDESA
 - c. Agenda: - Kaji semula Projek-projek Perintis 1, 3, 4 dan 7
 - Bincangkan pencapaian dan pembelajaran diperolehi
 - Siapkan Pelan Pelaksanaan berdasarkan kepada Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk wanita luar bandar
 - Rancang struktur Operasi
 - Rancang pengukuhan kakitangan untuk pelaksanaan Tindakan 1
- 2) Menyediakan **pakej latihan kesedaran dan motivasi** berdasarkan kepada pembelajaran diperolehi dari pelaksanaan Projek Perintis dan Buku Panduan Pemudahcara bagi Buku Data PUANDESA.
- 3) **Mengubahsuai Buku Panduan Pemudahcara**, sekiranya diperlukan, agihkan satu salinan kepada unit yang berkenaan di peringkat ibu pejabat dan pegawai-pegawai cawangan daerah bagi DOA, KPD, YUM, DOVSAI, dan DOF.
- 4) **Mengesan latihan kemahiran memudahcara** yang terkandung dalam Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan
- 5) Siapkan **penyediaan Pelan Pelaksanaan bagi Tindakan 1** untuk Pelan Tindakan bagi Wanita Luar Bandar.

2. Melaksanakan Pakej Latihan Kesedaran dan Motivasi dengan Empat Kumpulan Sasaran Yang Pertama (2004 – 2006)

- 1) **Bekerja bersama dengan** 3 kumpulan sasaran Projek Perintis 1 PUANDESA , iaitu i) Kampung Pandan Mandamai, ii) Kampung Mandamai, dan iii) Kampung Pandan dan Kampung Lugu di Pitas. Seterusnya, iv) Kampung Geruntung dalam daerah Kota Marudu akan diliputi.
- 2) **Melaksanakan pakej latihan kesedaran dan motivasi denga**

kumpulan-kumpulan sasaran demi untuk mempertingkatkan kesedaran dan motivasi mereka di samping menggalakkan aktiviti-aktiviti kumpulan dan latihan kemahiran untuk memulakan perniagaan.. Pakej latihan tersebut dirangkakan seperti berikut:

- a. Peserta-peserta: - Wanita luar bandar dari kumpulan sasaran
- b. Pemudahcara-pemudahcara: - Kakitangan Pengembangan PKT DOA yang terlatih oleh Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan
- c. Komponen-komponen bagi Pakej Latihan:

Langkah 1: Bengkel Pengenalan (3 hari)	- Sumber peta dan masyarakat kampung - Kalender bermusim
Langkah 2: Aktiviti-aktiviti Penghidupan (2 hari)	- Profil Aktiviti-aktiviti - Profil keupayaan berhubung dan kawalan
Langkah 3: Kesedaran Gender dan Motivasi (3 hari)	- Corak Hidup - Asal-usul gender masyarakat - Pembahagian buruh gender - Pelbagai Peranan
Langkah 4: Pembentukan Kumpulan (2 hari)	- Undang-undang dan peraturan kumpulan
Langkah 5: Dinamik dan proses Kumpulan (3 hari)	- Pembentukan kumpulan yang kukuh - Latihan mendengar
Langkah 6: Perancangan untuk peningkatan penghidupan luar bandar (5 hari)	- Analisa SWOT - Keperluan gender yang praktikal dan strategik - Contoh format pelan projek - Perancangan Projek Micro
Langkah 7: Latihan Kemahiran (5 hari)	- Kemahiran Pengeluaran dan Pemprosesan - Garispanduan Asas Perniagaan
Langkah 8: Melaksanakan Projek Mikro Project (12 – 24 bulan)	
Langkah 9: Pengesanan dan Tindakan Susulan	
Langkah 10: Penilaian (Penilaian Penilaian) (2 hari)	

- 3) **Mengesan dan menilai** aktiviti-aktiviti Tindakan 1.
- 4) Mengadakan **bengkel untuk melapor** dan bertukar pengalaman dan pembelajaran dari pelaksanaan Tindakan 1
- 5) Mengadakan **bengkel untuk melapor amalan yang baik dan menggalakkan** di kalangan kumpulan sasaran dengan memberi

ganjaran kepada amalan tersebut yang baik.

3. Memperkembangkan Pakej Latihan Kesedaran dan Motivasi

- 1) **Memilih kumpulan sasaran yang seterusnya** dari kumpulan kedua dan ketiga (2007 – 2010). Garispanduan untuk meningkatkan kumpulan sasaran adalah ditunjukkan dalam Rajah 2-2. Sebanyak 160 wanita luar bandar dilatih oleh pakajlatihan ini.



Rajah 2-2 Garispanduan untuk Memperkembangkan Kumpulan Sasaran dalam Tindakan 1

- 2) **Melaksanakan pakej latihan kesedaran dan motivasi** bersama dengan kumpulan sasaran dan menggalakkan aktiviti-aktiviti kumpulan untuk memulakan perniagaan.
- 3) **Mengesan dan menilai** aktiviti-aktiviti.
- 4) Mengadakan **bengkel melapor** dan bertukar-tukar pengalaman dan pembelajaran dari pelaksanaan Tindakan 1.
- 5) Mengadakan **bengkel melapor amalan baik peringkat negeri** di kalangan kumpulan sasaran dengan memberi ganjaran kepada mereka yang mempraktikkan amalan yang baik.

4. Penyediaan Pelan Masa Depan

- 1) Menjalankan **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** semasa tempoh masa dari 2004 – 2009.
- 2) Menyediakan **pelan masa depan dan pelan pelaksanaan** serta mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Negeri.

2.4.2 TINDAKAN 2 -- MENUBUHKAN “PUSAT KHIDMAT SETEMPAT PUANDESA (OSSC)” DI PERINGKAT KAMPUNG**(1) RASIONAL**

Program-program sokongan kerajaan banyak membantu wanita luar bandar apabila mereka memulakan perniagaan. Walau bagaimana pun, keupayaan memperolehi program tersebut adalah terhad memandangkan maklumat dan prosedur program tersebut ternyata merumitkan dan sukar untuk difahami oleh mereka. Di samping itu, tidak wujud pusat perhubungan di kampung-kampung mereka.

Projek Perintis 2 PUANDESA bertujuan untuk menubuhkan satu Pusat Khidmat Setempat PUANDESA (OSSC) bagi ahli-ahli JKKK (pengerusi dan ketua-ketua biro wanita), yang membekalkan maklumat teknikal dan maklumat program-program kerajaan kepada wanita luar bandar.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Objektif-objektif bagi Tindakan 2 dalam Pelan Tindakan Wanita Luar Bandar ialah:

- a) Untuk meningkatkan keupayaan berhubung wanita luar bandar terhadap maklumat teknikal dan program-program kerajaan, khasnya di kawasan-kawasan terpencil; dan
- b) Untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan ahli-ahli masyarakat terhadap usahawan-usahawan wanita luar bandar bagi memulakan perniagaan.

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output bagi Tindakan 2 menjelang tahun 2010 ialah:

- a) 200 ahli JKKK(pengerusi dan ketua-ketua biro wanita) akan dilatih dan OSSC PUANDESA akan ditubuhkan di lebih kurang 100 Kampung di Daerah Pitas; dan
- b) 400 ahli JKKK (pengerusi dan ketua-ketua biro wanita) akan dilatih dan OSSC PUANDESA ditubuhkan di lebih kurang 200 Kampung di Daerah Kudat dan Kota Marudu.

Terdapat lebih kurang 3,000 kampung di Sabah. Bilangan kampung yang terletak di kawasan terpencil dianggarkan berjumlah 2,500 buah. Komitmen ketua JKKK pada umumnya adalah sangat penting kerana JHEWA dan KPLB, yang bertanggungjawab untuk melatih JKKK, adalah berdaya saing dari segi pengurusan dan kewangan manakala pejabat cawangan daerah DOA pula telah mahir dalam teknologi maklumat IT. Maka dengan ini, Tindakan ini dikatakan sebagai berdaya kekal. Bermula dengan tiga daerah di kawasan Daerah Utara, Tindakan 2 akan menubuhkan satu sistem latihan JKKK. JHEWA akan menerimapakai Tindakan 2 ke lain-lain daerah dan melatih pengerusi JKKK dan ketua-ketua biro wanita demi untuk menubuhkan OSSC di seluruh kampung di negeri Sabah selepas penyempurnaan Tindakan 2.

(4) STRUKTUR OPERASI


JHEWA merupakan agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan Wanita Luar Bandar. Lain-lain agensi dalam Pelan Induk akan bekerjasama dengan membekalkan maklumat yang diperlukan kepada OSSC PUANDESA. KPLB, khususnya, dan DOA akan memainkan peranan penting untuk membekalkan latihan kepada JKKK di samping memberikan maklumat dan perkhidmatan melalui kakitangan pengembangna PKT DOA.

Pemimpin JKKK dan ketua-ketua biro wanita akan dilatih di bawah Tindakan 2, dan berfungsi sebagai pusat khidmat setempat. Usaha ini adalah lebih baik daripada memperkenalkan sistem dan kakitangan baru. Manakala pengerusi JKKK dan ketua-ketua biro wanita yang akan dilatih di bawah Tindakan 2 akan membekalkan khidmat setempat dan bantuan kepada wanita luar bandar di OSSC PUANDESA. Struktur OSSC PUANDESA adalah ditunjukkan dalam Rajah 2-3.

Apabila pusat khidmat JKKK menerima permintaan daripada wanita luar bandar, mereka akan meminta nasihat dari kakitangna pengembangan PKT DOA. Kemudian PKT DOA akan membekalkan maklumat yang diperlukan yang dikumpul dari sumber-sumber teknikal di pejabat kawasan DOA dan kakitangan pengembangan, dari jaringan agensi-agensi yang berkaitan dan juga dari laman web dengan menggunakan kemudahan komputer yang dipasang di pejabat cawangan DOA.

Satu papan maklumat akan dilengkapkan supaya maklumat mengenai agensi-agensi yang berkenaan dan program-program kerajaan dapat disampaikan

kepada wanita luar bandar. Di samping itu, maklumat yang disampaikan melalui papan notis kepada wanita luar bandar perlu diterangkan dengan tepat oleh pemimpin JKKK dan ketua-ketua biro wanita serta kakitangan pengembangan PKT DOA supaya betul-betul difahami oleh kumpulan sasaran.



Rajah 2-3 Struktur Pusat Khidmat Setempat PUANDESA

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN

1. Merekabentuk Pusat Khidmat Setempat PUANDESA (OSSC) dan menunjukcara Perintis OSSC

- 1) **Meneruskan Projek Perintis 2 PUANDESA** dengan kumpulan sasaran di lima kampung (Kampung Pandan, Mandamai, Pandan Mandamai, Lugu, dan Kalipuon) serta menyempurnakan latihan JKKK dan kakitangan pengembangan PKT DOA di Pejabat Daerah DOA Pitas.
- 2) Mengadakan **bengkel perancangan selama sehari**
 - a. Peserta-peserta:
 - Pegawai-pegawai dari ibu pejabat KPLB dan JHEWA
 - Kakitangan pengembangan PKT DOA di Daerah Pitas
 - Pasukan Pemudahcara PUANDESA
 - b. Penyelaras:
 - Pasukan Pemudahcara PUANDESA
 - c. Agenda:
 - Kaji semula Projek Perintis 2
 - Perbincangan pencapaian dan pembelajaran diperolehi

- Menyiapkan Pelan Pelaksanaan berdasarkan kepada Tindakan 2
- Rekabentuk asas * OSSC PUANDESA
- Merancang struktur operasi

* Rekabentuk asas OSSC PUANDESA perlu meliputi i) struktur operasi; ii) peranan dan tanggungjawab; iii) perkhidmatan dibekalkan; iv) maklumat dibekalkan; dan v) peralatan dan alat tulis yang diperlukan.

Maklumat yang disebarkan akan merangkumi kemahiran pengeluaran pertanian, perikanan dan penternakan, perladangan, pemasaran, maklumat pasaran, program-program kerajaan, kredit-mikro, mesej dari pejabat kerajaan yang berkenaan, maklumat asas mengenai pendidikan dan kesihatan dsb.

Konsep dan metodologi (bagaimana untuk menghasilkan kertas, lilin dsb.) untuk penggunaan sumber-sumber tidak terpakai yang diterajui oleh Projek Perintis 3 boleh disebarkan melalui pusat khidmat setempat.

- 3) Menyediakan satu **garispanduan mengenai OSSC PUANDESA** yang memaparkan objektif, peranan, aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan JKJK, pejabat Daerah DOA, kakitangan pengembangan PKT DOA, Pejabat Daerah dan lain-lain agensi yang berkenaan.
- 4) Mengadakan satu **bengkel simulasi dan menunjukkara** perkhidmatan OSSC PUANDESA di kawasan sasaran bagi Projek Perintis 2.
- 5) Mewujudkan sistem pengesanan di Pejabat Daerah DOA Pitas dan kerajaan tempatan (Pejabat Daerah Pitas)
- 6) Menyiapkan **Pelan Pelaksanaan untuk melatih pengerusi JKJK dan ketua-ketua biro wanita** dalam Tindakan 2 Pelan Tindakan Wanita Luar Bandar.

2. Penubuhan OSSC PUANDESA di Daerah Pitas

- 1) Menjalankan **latihan* JKJK (Pengerusi dan biro-biro wanita) di Daerah Pitas.**

* 2 orang ahli (1 pengerusi dan 1 ketua biro wanita) dari setiap JKJK. Andaikan Pitas mempunyai 100 JKJK, terdapat 200 orang yang menjalani latihan. Bahagikan mereka kepada 6 hingga 7 kumpulan yang terdiri dari 30 ahli setiap kumpulan. Setiap kumpulan akan menyertai kursus latihan di pejabat daerah DOA sebanyak dua kali: satu bengkel pengenalan dalam 2005 dan satu bengkel susulan pada 2006.

Komponen-komponen Bengkel Latihan JKJK (bengkel

pengenalan) merangkumi:

- a. Peserta-peserta:
 - Pengerusi dan ketua biro wanita JKKK di Daerah Pitas
 - Kakitangan pengembangan PKT DOA Daerah Pitas
 - b. Penyelaras:
 - Pasukan Pelatih PUANDESA
 - c. Agenda:
 - Sesi pengenalan
 - Konsep OSSC PUANDESA
 - Bengkel penyertaan dengan JKKK (pengerusi dan ketua-ketua biro wanita) serta usahawan-usahawan wanita luar bandar untuk menganalisa masalah dan keperluan
 - Peranan, tanggungjawab dan perkhidmatan dibekalkan
 - Perancangan aktiviti-aktiviti dan input
 - Lakonan peranan dan simulasi
 - Sesi soal jawab
- 2) Menubuhkan **papan maklumat JKKK** di semua kampung di Daerah Pitas.
 - 3) Mengadakan satu **bengkel untuk simulasi dan menunjukcara** perkhidmatan OSSC di Daerah Pitas.
 - 4) Pengesanan dan penilaian di Pitas dan **mengemaskinikan rekabentuk asas** OSSC PUANDESA dan program-program latihan.

3. Penubuhan OSSC PUANDESA di Daerah Kudat dan Kota Marudu

- 1) Mengadakan **latihan untuk kakitangan DOA** dan pemasangan peralatan yang diperlukan seperti Komputer dan Internet untuk khidmat setempat di pejabat daerah DOA di Kudat and Kota Marudu
- 2) Menjalankan **latihan* JKKK di Daerah Kudat dan Kota Marudu**
 * 2 orang ahli (1 pengerusi dan 1 ketua biro wanita) dari setiap JKKK. Andaikan Kudat dan Kota Marudu mempunyai 100 JKKK, terdapat 200 orang yang menjalani latihan. Bahagikan mereka kepada 6 hingga 7 kumpulan dengan dari 30 ahli setiap daerah. Setiap kumpulan akan menyertai kursus latihan di pejabat daerah DOA sebanyak dua kali: satu bengkel pengenalan dan satu bengkel susulan semasa latihan dalam jangkamasa tiga tahun mulai dari 2007 hingga 2009.
- 3) Menubuhkan **papan maklumat JKKK** di semua kampung di Daerah Kudat dan Kota Marudu.

- 4) Mengadakan satu **bengkel untuk simulasi dan menunjukcara** perkhidmatan OSSC di Daerah Kudat dan Kota Marudu.
- 5) Pengesanan dan penilaian di Pitas, Kudat dan Kota Marudu

4. Penyediaan Pelan Masa Depan

- 1) Menjalankan **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** semasa tempoh masa dari 2004 – 2009.
- 2) Menyediakan **pelan masa depan dan pelan pelaksanaan** serta mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Negeri.

2.4.3 TINDAKAN 3 – MEMBEKALKAN PROGRAM LATIHAN USAHAWAN-USAHAWAN PUANDESA UNTUK USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR SUPAYA DAPAT MENDORONG MEREKA UNTUK BERFIKIR TENTANG STRATEGI-STRATEGI DAN PENDEKATAN-PENDEKATAN BAGI PERNIAGAAN MEREKA SENDIRI

(1) RASIONAL

Kursus latihan KPWM DOA KPWM yang sedia ada merangkumi empat modul termasuk:

- Modul 1: Pengurusan Perniagaan (keusahawanan, pemilihan bidang perniagaan, memulakan perniagaan anda, pemasaran);
- Modul 2: Buku Simpan Kira-kira Perniagaan (objektif, perakaunan perniagaan, rekod perniagaan);
- Modul 3: Perancangan perniagaan (garispanduan penyediaan pelan perniagaan, kertas kerja pelan perniagaan, kertas kerja perniagaan); dan
- Modul 4: Kemudahan Kredit dan Perlesenan (kewangan-mikro, simpanan, pengendalian makanan, kawalan kualiti).

Latihan ini perlu diperbaiki supaya lebih praktikal dan menarik ke arah operasi perniagaan. Apabila membantu wanita luar bandar untuk memulakan perniagaan dengan menggunakan bahan-bahan yang diperolehi dari tempatan, kemahiran dan sumber manusia, maka lima bidang berikut perlu dipertingkatkan dalam keusahawanan wanita luar bandar iaitu, i) peningkatan kemahiran pengeluaran dan kualiti serta kuantiti bahan-bahan yang digunakan; ii) pengukuhan kemahiran lepas tuai dan kawalan kualiti; iii) pembangunan pelan pemasaran; iv) pengukuhan pengurusan perniagaan dan pengurusan kewangan; dan v) mengoptimumkan peralatan kelengkapan dan kemudahan.

Usahawan-usahawan wanita luar bandar perlu dilatih dengan satu siri kursus latihan. Sebaik sahaja latihan diberhentikan mungkin menimbulkan kesan yang kurang menggalakkan. Akan tetapi melalui kursus latihan di mana teori pengurusan perniagaan dan latihan praktikal dikombinasikan dengan sesuai, maka usahawan-usahawan wanita luar bandar akan berupaya untuk menyediakan satu pelan perniagaan dan memperkembangkan perniagaan mereka dengan usaha masing-masing.

Demi untuk memenuhi dan mencapai lima bidang seperti yang tersebut di atas, Tindakan 3 akan memperkenalkan program latihan secara fasa mengikut peringkat perniagaan usahawan-usahawan wanita luar bandar.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Objektif Tindakan 3 dalam Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar ialah seperti berikut:

- a) Untuk meningkatkan keupayaan memperolehi latihan, khidmat nasihat dan peruntukan dalam pengurusan perniagaan, perancangan dan pengurusan kewangan; dan
- b) Untuk meningkatkan program-program latihan bagi usahawan-usahawan wanita luar bandar dan membangunkan Program Latihan Keusahawanan PUANDESA, yang bertujuan untuk mendorong usahawan-usahawan wanita luar bandar dari segi pemikiran positif dan merancang strategi dan pendekatan untuk perniagaan mereka sendiri.

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output bagi Tindakan 3 menjelang tahun 2010 ialah:

- a) 300 wanita luar bandar dari kelompok 4, 5 dan 6 dilatih dalam bidang perancangan dan pengurusan perniagaan asas; dan
- b) 300 usahawan wanita luar bandar (6 kumpulan) dari kelompok 2 dan 3 dilatih dalam kursus perancangan perniagaan peringkat pertengahan (intermediate course), pengurusan perniagaan dan pemasaran; dan
- c) 300 usahawan wanita luar bandar (6 kumpulan) dari kelompok 1 adalah dilatih dan diberi nasihat dalam kursus lanjutan pengurusan perniagaan dan pemasaran. Mereka akan menjalankan satu projek untuk memperkembangkan perniagaan mereka. Pendapatan mereka dijangka akan meningkat dari RM500/bulan sehingga ke RM1,000/bulan.

(4) STRUKTUR OPERASI

KPD merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk Tindakan 3 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dan akan menyelia semua latihan yang berhubungkait dengan tindakan tersebut. Pasukan Pemasaran PUANDESA, yang merangkumi ahli dari KPD, DOA dan KPLB, juga merupakan Pasukan Petugas Pemasaran semasa pelaksanaan Kajian PUANDESA, akan menjadi penyelarar untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti Tindakan 3 dan menyelarar agensi-agensi yang berkaitan dalam tindakan ini.

DOA, KPLB dan YUM juga akan memainkan peranan utama. DOA akan bekerjasama dengan KPD memandangkan kakitangan pengembangan DOA juga akan terlibat dalam melatih usahawan-usahawan wanita luar bandar dari segi program latihan KPWM DOA yang diperbaiki. Tindakan 3 akan menggunakan peruntukan dari pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan di bawah KPLB untuk membiayai projek-projek mikro yang dilaksanakan oleh peserta-peserta Kursus Lanjutan (Jadual 2-4) (usahawan-usahawan wanita luar bandar). Manakala YUM pula akan membekalkan pengurusan kewangan dan khidmat nasihat teknikal. (Sila rujuk Jadual 2-4.)

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN

1. Merekabentuk Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA

- 1) Mengadakan **bengkel kaji semula dan perancangan selama dua hari**
 - a. Peserta-peserta: - Pegawai-pegawai dari KPD, DOA, YUM, dan KPLB
 - Pasukan Pelatih PUANDESA
 - b. Penyelarar: - Pasukan Pelatih PUANDESA
 - c. Agenda: - Kaji semula Projek Perintis 5 dan 6
 - Perbincangan pencapaian dan pembelajaran diperolehi
 - Menyiapkan Pelan Pelaksanaan
 - Rekabentuk asas ** Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA
 - Merancang struktur operasi

** Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA membekalkan empat fasa latihan iaitu: 1) Kursus Asas; 2) Kursus Peringkat Pertengahan I; 3) Kursus Peringkat Pertengahan II; dan 4) Kursus Lanjutan seperti ditunjukkan dalam Jadual 2-4. **Kursus Asas:** Bagi

usahawan-usahawan wanita luar bandar yang telah dilatih dalam Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dan mempunyai pelan untuk memulakan perniagaan, akan menjadi kumpulan sasaran Kursus Asas ini. Mereka akan dilatih dari segi kemahiran perniagaan asas dan pengurusan perniagaan dalam Kursus Asas. Kursus latihan bagi Kursus Asas akan dikendalikan oleh kakitangan pengembangan DOA melalui modul latihan KPWM, dengan beberapa pembaikan dan pengubahsuaian dari segi memudacara dan motivasi. Yuran latihan adalah percuma.

Kursus Peringkat Pertengahan: Kumpulan wanita luar bandar yang telah dilatih dalam Kursus Asas atau mereka yang telah memulakan perniagaan akan termasuk dalam sasaran Kursus Peringkat Pertengahan. Kursus latihan tersebut adalah lebih intensif dan termasuk subjek dan kemahiran teknikal yang dikendalikan oleh kakitangan kanan KPD dan YUM dan/atau oleh tenaga pengajar mahir luaran /pakar. Di samping latihan jenis kuliah, kursus latihan praktikal seperti lawatan sambil belajar, kes-kes kajian(kaji selidik pasaran)dan penyediaan cadangan projek perniagaan akan diliputi dalam kursus ini.

Kursus Lanjutan: Kumpulan yang telah tamat Kursus Peringkat Pertengahan I dan II merupakan sasaran kursus ini. Dalam Kursus Lanjutan ini, kumpulan masing-masing akan melaksanakan pelan perniagaan masing-masing dengan menggunakan peruntukan dana pinjaman² PUANDESA dengan khidmat nasihat teknikal semasa latihan. Di antara pelan projek perniagaan yang perlu disediakan semasa Kursus Peringkat Pertengahan II, sebanyak 10 pelan projek (cadangan) akan dipilih. Projek-projek yang dipilih akan layak memperolehi pinjaman (maksimum RM3,000 setiap orang walau pun jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada bilangan ahli kumpulan) dari dana pinjaman PUANDESA (pinjaman tanpa faedah).Dana pinjaman PUANDESA hanya boleh diperolehi dalam Kursus Lanjutan.

- 2) Mewujudkan **senarai calon-calon pengajar** dari agensi-agensi yang berkenaan, institusi akademi, dan pakar perunding swasta.
- 3) Menyediakan satu **garispanduan Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA**, yang merangkumi objektif, sasaran kumpulan

² Dana pinjaman PUANDESA akan diwujudkan dan dioperasikan oleh YUM di bawah Pelan Induk PUANDESA manakala sumber dana pinjaman merupakan peruntukan belanjawan pembangunan luar bandar KPLB.

yang menjalankan latihan, jadual, perkongsian kos, tenaga pengajar, komponen latihan dan pelaksanaan projek mikro.

- 4) Menyediakan **bahan-bahan latihan** berdasarkan kepada manual dan buku-buku teks yang sedia ada.
- 5) **Latihan Pelatih**, khasnya sasaran kakitangan kanan kerajaan dari KPD dan YUM.
- 6) Menubuhkan **sistem pengesanan**.

2. Melaksanakan Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA

- 1) **Melaksanakan Program Latihan** sejajar dengan rekabentuk asas (Jadual 2-4), garis panduan dan jadual latihan (2005 – 2010).
- 2) Membincangkan sistem peruntukan **kelayakan dan sijil** untuk mereka yang menyempurnakan dan menamatkan keempat-empat peringkat kursus latihan.
- 3) **Pengesanan dan penilaian**.

3. Penyediaan Pengkalan Data bagi “Graduan” dalam Setiap Kursus Latihan dan Sumber Manusia bagi Tenaga Pengajar

- 1) **Merekabentuk dan mewujudkan struktur pengkalan data**.
- 2) **Mengumpul maklumat** untuk latihan tenaga pengajar mengenai sumber-sumber manusia dari agensi-agensi yang berkenaan dan institusi akademi dari dalam atau luar negeri Sabah.
- 3) **Mengemaskinikan pengkalan data**.

4. Penyediaan Pelan Masa Depan

- 1) Menjalankan satu **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** sepanjang tempoh 2004 – 2009.
- 2) Menyediakan **Pelan masa depan dan pelan pelaksanaan** dan mendapatkan kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri.

**Jadual 2-4 Rekabentuk Asas Program Latihan Usahawan-usahawan
PUANDESA**

	Kursus Asas	Kursus Peringkat Pertengahan I & II	Kursus Lanjutan
Rencana Ringkas Latihan			
Objektif	Untuk mengukuhkan program latihan KPWM yang sedia ada	Untuk meningkatkan keupayaan perancangan perniagaan	Untuk membekalkan amalan praktik dalam memperkembangkan perniagaan
Sasaran Peserta Latihan	- 30 peserta/kursus - Graduan bengkel latihan Tindakan 1; dan/atau - Kelompok 4, 5 dan 6	- 50 peserta (5 kumpulan dengan 10 ahli/kursus) - Graduan bagi Kursus Asas ; dan/atau - Kelompok 2 dan 3	- 50 peserta (5 kumpulan dengan 10 ahli/kursus) - Graduan bagi Kursus Peringkat Pertengahan I dan II; dan - Kelompok 1
Yuran Latihan	Percuma	Berkongsi kos	Berkongsi kos
Jangkamasa Latihan	5 hari 2 kali setahun	10 hari 2 kali/tahun	Bergantung kepada pelan perniagaan mikro
Perbelanjaan Tahunan Latihan	RM10,000	RM20,000	RM10,000 tidak termasuk kos untuk projek-projek mikro
Tempat Latihan	Dewan Masyarakat	Pusat Latihan KPD Tenom Kemudahan Latihan Tamu KPD	Pusat Latihan KPD Tenom Kemudahan Latihan Tamu KPD
Tenaga Pengajar	Kakitangan Pengembangan PKT DOA	Kakitangan Kanan KPD Pakar perunding/Tenaga Kerja Mahir	Kakitangan Kanan KPD & YUM Pakar perunding/Tenaga Kerja Mahir
Komponen-komponen Latihan			
Latihan Praktikal	- Melawat perniagaan tempatan	Kursus Tahap Pertengahan I: - Lawatan sambil belajar kes-kes contoh Kursus Tahap Pertengahan II: - Kaji selidik Pasaran - Penyediaan cadangan projek perniagaan	- Pelaksanaan projek mikro berdasarkan kepada pelan projek perniagaan yang disediakan dalam Kursus Peringkat Pertengahan. - Belanjawan akan dibiayai oleh pinjaman yang diberikan dalam Tindakan 3
i) Peningkatan kemahiran pengeluaran dan kualiti bahan-bahan	- Kaji semula dan rancang bagaimana untuk menggunakan sumber-sumber yang diperolehi dari tempatan	Kursus Tahap Pertengahan I: - Menyediakan satu pelan untuk menggunakan dengan sepenuhnya bahan-bahan Kursus Tahap Pertengahan II - Mengemaskini pelan	Latihan dan khidmat nasihat semasa pelaksanaan projek
ii) Pengukuhan lepas tuai dan kawalan kualiti	- Penilaian keadaan perniagaan semasa	Kursus Tahap Pertengahan I dan II - pengendalian makanan - Kawalan kualiti - Penyimpanan	Latihan dan khidmat nasihat semasa pelaksanaan projek

	Kursus Asas	Kursus Peringkat Pertengahan I & II	Kursus Lanjutan
iii) Pembangunan pelan pemasaran	- Pemasaran asas: produk, harga, tempat dan promosi - rancangan pemasaran	Kursus Tahap Pertengahan I - Pemasaran yang berkesan - Pengendalian pelanggan Kursus Tahap Pertengahan II - Mewujudkan mesej-mesej pemasaran - Menyelesaikan masalah	- Kajian Kes - Penilaian pengurusan pemasaran
iv) Pengukuhan pengurusan perniagaan dan pengurusan kewangan	- Kepimpinan - Pengurusan asas perniagaan - Pengurusan asas kewangan	Kursus Tahap Pertengahan I - Logistik - Pengurusan Pasukan Kursus Tahap Pertengahan II - Pelan kos dan jualan - pelan kewangan	- Dasar perniagaan - Pengurusan syarikat - Pengurusan kewangan - Penilaian perniagaan - Penggunaan ICT
v) Perancangan bahan-bahan dan kelengkapan peralatan	- Pelan asas untuk menggunakan bahan-bahan dan peralatan tempatan	Kursus Tahap Pertengahan I - Pembungkusan - Penyenggaraan	Latihan dan khidmat nasihat semasa pelaksanaan projek

2.4.4 TINDAKAN 4 – MENUBUHKAN DAN MENGGALAKKAN JARINGAN PUANDESA UNTUK MENJALINKAN JARINGAN AKTIVITI-AKTIVITI USAHAWAN-USAHAWAN WANITA LUAR BANDAR

(1) RASIONAL

Tidak terdapat sistem pendaftaran yang rasmi tentang usahawan wanita luar bandar. Maka dengan ini, agensi kerajaan tidak mempunyai imej dan maklumat yang jelas tentang usahawan wanita luar bandar, aktiviti, produk dan pengupayaan mereka. Tidak wujud jaringan di kalangan usahawan wanita luar bandar untuk berkongsi maklumat dan pengalaman.

Selain daripada latihan, adalah lebih bermanfaat sekiranya usahawan wanita luar bandar mempelajari kes contohnya, membincang dan berkongsi masalah dengan usahawan wanita yang lain. Kajian PUANDESA telah mengendalikan Persidangan Penilaian pada masa penghujung pelaksanaan Projek Perintis. Dalam Persidangan Penilaian tersebut, kumpulan sasaran usahawan wanita luar bandar lebih gembira berkomunikasi dan berkongsi maklumat antara satu sama lain.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Objektif Tindakan 4 dalam Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar ialah seperti berikut:

- a) untuk meningkatkan kemudahan dan fungsi TAMU KPD supaya

dijadikan asas jaringan PUANDESA kepada usahawan wanita luar bandar; dan

- b) Untuk membekalkan satu platform yang mudah dihubungi oleh usahawan-usahawan wanita luar bandar bagi tujuan bertukar-tukar maklumat dan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output bagi Tindakan 4 menjelang tahun 2010 ialah:

- a) Jaringan PUANDESA untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar akan diwujudkan; dan
- b) Usahawan-usahawan wanita luar bandar akan berupaya memperoleh maklumat dan memperkembangkan bidang perniagaan mereka.

(4) STRUKTUR OPERASI

KPD merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar. Pasukan Pemasaran PUANDESA akan berperanan sebagai penyelarar untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti Tindakan 4 dan berkoordinasi dengan agensi-agensi yang berkenaan.

KPLB juga akan memainkan peranan untuk menilai feasibility Tamu-tamu yang lain di bawah setiap Pejabat Daerah yang berperanan sama dengan Tamu KPD dalam Tindakan 4.

Agensi-agensi berkenaan yang lain akan bekerjasama dengan KPD untuk memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Tindakan 4 berjalan dengan lancar.

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN

1. Merekabentuk Struktur Asas Jaringan PUANDESA

- 1) Mengadakan **bengkel perancangan selama dua hari**
(Bengkel ini juga perlu dijalankan untuk Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkenaan).
 - a. Peserta-peserta: - Pegawai-pegawai dari KPD, DOA, YUM, KPLB dan JHEWA
- Pasukan Pelatih Pemasaran PUANDESA
 - b. Penyelarar: - Pasukan Pelatih Pemasaran PUANDESA
 - c. Agenda: - Kaji semula dan analisis SWOT mengenai fungsi

Tamu KPD

- Membincangkan visi jaringan usahawan-usahawan wanita luar bandar
- Menyiapkan Pelan Pelaksanaan berdasarkan kepada Tindakan 4
- Rekabentuk asas *** Jaringan PUANDESA
- Rekabentuk asas**** Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA
- Merancang struktur operasi

*** Perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan oleh Jaringan PUANDESA ialah:

- a) Sudut Maklumat mengenai Pelan Induk PUANDESA;
- b) Sudut maklumat mengenai produk-produk dan perniagaan usahawan-usahawan wanita luar bandar di Sabah;
- c) Peruntukan dan pertukaran maklumat untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar, para peniaga dan pengguna;
- d) Menganujurkan bengkel bersama usahawan-usahawan wanita luar bandar, usahawan-usahawan wanita bandar dan usahawan-usahawan yang berjaya;
- e) Perancangan dan pelaksanaan majlis perayaan;
- f) Penyediaan dan menyelaras Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA

**** Fungsi Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA akan diwujudkan dalam Tindakan 2 di bawah Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi berkenaan.

- 2) **Senaraikan ahli-ahli** kumpulan sasaran wanita luar bandar bagi Projek Perintis PUANDESA.
- 3) Siapkan satu **senarai Jaringan PUANDESA** mengenai ahli-ahli dari program-program kerajaan yang sedia ada; iaitu DOA PKT, DOA KPWM, Kontrak Perladangan KPD, Tamu KPD, ahli-ahli YUM dsb.
- 4) Mengadakan **bengkel permulaan** untuk menubuhkan Jaringan PUANDESA bersama usahawan-usahawan wanita luar bandar.
- 5) Menyediakan **struktur operasi** untuk menyelaras dan melaksanakan Program-program Latihan Usahawan PUANDESA di Tamu KPD.
- 6) Mewujudkan **sistem pengesanan**.

2. Membangunkan Jaringan PUANDESA dan menubuhkan Platform Jaringan

- 1) Mewujudkan **pengkalan data ahli-ahli** bagi Jaringan PUANDESA (nama kumpulan /individu-individu, tahun ditubuhkan, alamat, orang yang dihubungi, produk-produk/perkhidmatan kumpulan, dsb.).
- 2) Membekalkan **pengkalan data Jaringan PUANDESA kepada orang awam** di Tamu KPD, menggalakkan keupayaan berhubung dari usahawan-usahawan wanita luar bandar, para peniaga, pengguna dan menggunakan peluang tersebut untuk mendapatkan pelanggan-palanggan baru.
- 3) Menirikan satu **platform bagi Jaringan PUANDESA** di pejabat Tamu KPD.
- 4) Mengadakan **bengkel tetap dan dari masa ke semasa** untuk menggalakkan pertukaran maklumat wanita-wanita luar bandar (setahun sekali di peringkat daerah, setahun sekali di peringkat negeri).
- 5) Mengadakan **pameran-pameran dan perayaan** supaya dapat berkomunikasi dengan pengguna-pengguna dan untuk mewujudkan jalinan dengan mereka.
- 6) Menyelaras dan mengesan **Program Latihan Usahawan-usahawan PUANDESA**.
- 7) Membincang kemungkinan **Tamu yang diadakan di bawah KPLB** memainkan peranan yang sama seperti Tamu KPD dalam Tindakan 4.

3. Penyediaan Pelan Masa Depan

- 1) Menjalankan satu **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** sepanjang tempoh 2004 – 2009.
- 2) Menyediakan **Pelan masa depan dan pelan pelaksanaan** dan mendapatkan kelulusan dari pihak Kerajaan Negeri.

2.5 PILIHAN-PILIHAN PELAN PROJEK BAGI FASA KEDUA PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERINTIS PUANDESA

Daripada keputusan penilaian Projek Perintis PUANDESA, adalah terbukti bahawa projek-projek tersebut berupaya menyumbangkan kepada galakan pendapatan di kasawan-kawasan sasaran. Sementara itu, ahli-ahli pasukan petugas dapat memperhatikan bahawa projek-projek perintis yang telah dilaksanakan mempunyai potensi yang cerah untuk galakan pendapatan di kawasan-kawasan luar bandar.

Di samping itu, projek-projek tersebut juga terbukti berkesan untuk mendorong kaum wanita luar bandar dari segi memperolehi pengetahuan dan teknik-teknik yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti. Walaupun Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar akan dapat memperkukuhkan program dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar di samping memberi sokongan yang diberi, namun wanita luar bandar juga perlu diberi peluang-peluang untuk menerap dan menggunakan kemahiran-kemahiran dan maklumat yang diperolehi melalui pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti tersebut. Perkara yang sama boleh dinyatakan ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan pengembangan bagi agensi-agensi yang berkenaan, meskipun Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan akan dapat menyumbangkan kepada pembangunan keupayaan bagi agensi-agensi yang berkenaan masing-masing.

Maka dengan ini, adalah dicadangkan untuk meneruskan dan memajukan beberapa projek-projek perintis yang telah berjaya serta melaksanakan projek-projek tersebut sebagai fasa kedua Projek-projek Perintis PUANDESA supaya dapat meningkatkan pendapatan di kawasan luar bandar di samping mendorong wanita luar bandar serta pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan pengembangan bagi agensi-agensi yang berkenaan demi untuk memperkukuhkan keupayaan mereka. (Lima pilihan pelan projek telah dicadangkan sebagai fasa kedua Projek-projek Perintis PUANDESA dan ditunjukkan dalam Jadual 2-5.)

Satu rangka rencana yang lebih terperinci mengenai pilihan pelan projek tersebut adalah dihuraikan dalam Lampiran-1.

Jadual 2-5 Pilihan-pilihan Pelan Projek bagi Fasa Kedua Pelaksanaan Projek-projek Perintis PUANDESA

	Objektif	Aktiviti-aktiviti Utama	Agensi-agensi
(1) Peningkatan kualiti pembuatan kertas dan lilin PUANDESA	Untuk menyokong Projek Perintis 3 PUANDESA bagi peningkatan kualiti dan promosi jualan	(1) Kaji semula (2) Latihan (3) R & D (4) Keluaran & Jualan	Utama : PKKMM dan KPD Sokongan : KPLB, KEMAS, STB dsb.
(2) Pengembangan Projek Pengkulturan rumpai laut PUANDESA	Untuk menunjukkan kes contoh Projek Perintis 4 PUANDESA dan menyumbang kepada galakan pendapatan wanita di perkampungan nelayan	(1) Pilihan kawasan (2) Kesedaran (3) Pengkulturan rumpai laut (4) Latihan	Utama : DOF Sokongan : KPD, KPLB dsb.
(3) Galakan pembangunan sumber akuatik berskel kecil-kecilan	Untuk mengukuhkan aktiviti motivasi bagi sasaran wanita di perkampungan nelayan supaya mengekalkan projek dan hak milik mereka.	(1) Pilihan projek (2) Menubuhkan sistem (3) Kesedaran (4) Sokongan	Utama: DOF Sokongan : Pasukan Pelatih PUANDESA, KPD, KPLB dsb.
(4) Penubuhan pusat pemrosesan, pembungkusan, pemasaran dan jualan madu	Untuk menggalakkan pemrosesan kumpulan dan penghantaran madu lebah untuk meningkatkan kualiti dan pembungkusan supaya pasaran dapat diperkembangkan	(1) Peningkatan kemudahan (2) Latihan (3) Pengeluaran madu & pembungkusan (4) Promosi jualan dan tarikan pelancong	Utama : Pejabat Daerah Kecil Kudat Sokongan: KPD, KPLB, STB dsb.
(5) Penubuhan pusat pengumpulan dan pemasaran kraftangan	Untuk meningkatkan kualiti kraftangan dan membeli sebilangan kraftangan untuk promosi jualan	(1) Pilihan kawasan (2) Peningkatan kemudahan (3) Kesedaran dan Latihan (4) Pungutan & jualan (5) Promosi Jualan dan tarikan pelancong	Utama: KPLB dan JKKK Sokongan: PKKMM, SPS, KPD, KEMAS dsb.

BAB 3: PELAN TINDAKAN UNTUK KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (KPIM), SABAH DAN AGENSI-AGENSI YANG BERKAITAN

Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan merangkumi tindakan dan prosedur yang diperlukan untuk pengukuhan keupayaan KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan supaya pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA dan Pelan Tindakan Wanita Luar Bandar dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. KPIM merupakan agensi penyeliaan untuk Pelan Induk PUANDESA manakala agensi seperti DOA, KPD, YUM, DOF, JHEWA, PKKM dan DOVSAI adalah agensi utama pelaksanaannya. Selain itu, agensi seperti SPS, STB, IDS, FAMA, MARDI, KEMAS dan YS juga memainkan peranan penting demi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Induk tersebut.

Pelan Tindakan ini memberi huraian mengenai situasi semasa program-program sokongan kerajaan untuk wanita luar bandar, matlamat, tindakan utama untuk mencapai matlamat, pelan belanjawan dan struktur pelaksanaan Pelan Tindakan.

3.1 SITUASI SEMASA PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN UNTUK WANITA LUAR BANDAR


Antara beberapa projek yang bersasarkan wanita, DOA telah melaksanakan Projek Pembangunan Keluarga Tani (Farm Family Project -PKT) untuk peningkatan taraf hidup keluarga dan Program Kumpulan Tani Wanita Maju [Farm Women Progress Group (KPWM)] untuk menentukan pembangunan usahawan wanita. Manakala YUM yayasan kewangan-mikro di bawah KPIM membekalkan kredit-mikro untuk usahawan wanita yang miskin, Projek Perladangan Kontrak KPD dan “aquaculture” serta projek pemprosesan perikanan DOF dan projek penternakan ladang DOVSAI bukan menumpukan sasaran kepada wanita tetapi wanita termasuk sebagai kumpulan penerima faedah.

Setiap bahagian pelaksana KPIM; DOA, DOF dan DOVSAI serta agensi pelaksana KPIM; KPD, YUM dsb. mempunyai pejabat cawangan daerahnya dan telah mengadakan pelbagai program sokongan dan projek melalui cawangan daerah oleh kakitangan pengembangan. Terdapat beberapa kes yang diperhatikan bahawa kebanyakan program sokongan yang dijalankan adalah dengan pendekatan ‘top-down.’ Latihan yang sedia ada untuk kakitangan pengembangan; sebahagian besarnya memfokuskan kepada penerangan

kemahiran; ianya tidak menerangkan secara berkesan mengenai bagaimana untuk memberi arahan atau memudah carakan wanita luar bandar serta tidak merangkumi latihan gender atau latihan penyertaan pembangunan.

Selain daripada program sokongan dari KPIM, lain-lain agensi seperti KPLB, JHEWA, PKKM, STB dsb.; kedua-duanya dari kerajaan negeri dan persekutuan juga memberikan program sokongan untuk wanita luar bandar di Sabah. Program-program dan aktiviti-aktiviti ini adalah dilaksanakan oleh setiap agensi masing-masing. Akan tetapi, tidak ada penyelarasan yang ditetapkan di kalangan agensi yang berkaitan dan program sokongan mereka. Wanita luar bandar mempunyai keupayaan berhubung yang terhad untuk program-program ini dan sumber bagi program sokongan tersebut tidak diagihkan dengan sama rata.

Rajah 3-1 menunjukkan program sokongan yang sedia ada yang dibekalkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.



(Sumber Data : Disediakan oleh Pasukan Pengkaji)

Nota: Garis kasar menunjukkan program sokongan yang menumpukan sasaran wanita secara langsung.

Rajah 3-1 Sistem Sokongan Kerajaan Negeri Yang Sedia Ada Untuk Wanita luar Bandar

Pengubal dasar KPIM dan lain-lain agensi sokongan perlu mengiktirafkan peranan penting usahawan wanita luar bandar dan kakitangan pengembangan

untuk menggalakkan peningkatan taraf hidup di Sabah dan keberkesanan gender dan pendekatan penyertaan dalam pembangunan. Mereka dijangka dapat mewujudkan dasar untuk memastikan penggunaan sumber-sumber dengan berkesan dan pengagihan yang sama dan saksama sumber-sumber dan faedah.

Maka adalah sangat penting untuk memperbaiki aktiviti-aktiviti pengembangan untuk wanita luar bandar. Pelan Induk Pembangunan berfungsi sebagai membekalkan para pegawai dan kakitangan pengembangan agensi kerajaan yang berkaitan dengan latihan tambahan mengenai konsep, metodologi dan kemahiran praktikal bagi aktiviti pengembangan supaya dapat bekerja bersama wanita luar bandar dan mengubah cara pemikiran dan tindakan mereka ke arah yang lebih positif.

Selain dari itu, adalah sangat diharapkan agar KPIM dapat membuat penilaian yang bersesuaian untuk prestasi kakitangan pengembangan dan membekalkan insentif-insentif yang tertentu. Persekitaran kerja untuk kakitangan pengembangan perlu diperbaiki melalui peruntukan belanjawan untuk pengendalian bengkel dan latihan, kemudahan asas dan peralatan untuk aktiviti pengembangan dan pengangkutan.

3.2 MATLAMAT DAN TINDAKAN

Matlamat Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan adalah direncanakan seperti berikut:

Menjelang tahun 2010,

- 1) KPIM dan DOA, KPD, YUM, DOF, JHEWA, KPLB, PKKM dan DOVSAI adalah berfungsi dan diakui oleh wanita luar bandar sebagai agensi utama bagi mengukuhkan usahawan wanita luar bandar yang dilengkapi dengan sumber-sumber yang merangsangkan dari segi kakitangan untuk perancangan, garis panduan teknikal dan pengembangan, maklumat, latihan, khidmat nasihat dan peruntukan dana;
- 2) KPIM dan agensi berkaitan termasuk DOA, KPD, YUM, DOF, DOVSAI, KPLB, JHEWA, PKKM, SPS, STB, IDS, FAMA, MARDI, KEMAS dan YS perlu mengeratkan kerjasama dan penyelarasan untuk memenuhi komitmen teknikal dan kewangan supaya sistem sokongan yang praktikal dan mudah diterapkan kepada usahawan wanita luar bandar; dan
- 3) Penggubal dasar dan para pegawai KPIM dan agensi yang berkaitan perlu memahami peranan penting wanita luar bandar, pengiktirafan gender dan

pendekatan “bottom-up” serta mempraktikkannya ke dalam tugas-tugas seharian.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi yang berkaitan memfokuskan kepada pentingnya peranan kakitangan pembangunan khususnya kakitangan pembangunan DOA/PMT yang terlibat secara langsung dan bekerja bersama dengan usahawan wanita luar bandar. Pelan Tindakan ini akan menggalakkan peningkatan sistem latihan untuk kakitangan pembangunan dan persekitaran kerja mereka. Pembangunan keupayaan bagi agensi-agensi pelaksana dan pengwujudan satu badan tetap untuk menyelaraskan agensi-agensi yang terlibat juga menjadi isu utama dalam Pelan Tindakan tersebut. Akhir sekali, Pelan Tindakan ini mencadangkan pemahaman yang lebih lanjut untuk penggubal-penggubal dasar dan sokongan mereka terhadap Pelan Induk PUANDESA.

Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan menetapkan empat tindakan utama untuk tiga peringkat pentadbiran; iaitu kakitangan pembangunan, jabatan dan agensi yang berkenaan.

Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan

Pengukuhan Tahap Keupayaan Kakitangan Pembangunan

Tindakan 1 - Peningkatan Sistem Latihan Bagi Kakitangan Pembangunan dan Pelaksanaan Kursus Latihan: Tindakan 1 akan membekalkan latihan kepada kakitangan pembangunan dari agensi-agensi yang berkenaan yang telah memiliki kemahiran pengeluaran, pemprosesan makanan, garis panduan asas perniagaan, pemasaran dsb. Kursus latihan yang dibekalkan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mudahcara dan kemahiran pembangunan, mengukuhkan perkhidmatan pembangunan kepada wanita luar bandar dan usahawan-usahawan wanita luar bandar. Latihan dalam kerja akan dilaksanakan kepada mereka melalui Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar.

Pengukuhan Keupayaan Untuk Peringkat Jabatan dan Agensi pelaksanaan

Tindakan 2 - Membangunkan keupayaan Tamu KPD untuk mengukuhkan Jaringan PUANDESA: Kemudahan Tamu KPD akan dinaik taraf dan berperanan sebagai pengkalan pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA, pusat untuk menjalankan Program latihan Usahawan-usahawan puandesa, dan Jaringan PUANDESA untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar.

Tindakan 3 - Peningkatan Keberkesanan Perkhidmatan Kredit-Mikro YUM untuk Wanita Luar Bandar: Tindakan 3 akan mengukuhkan sistem pengurusan

YUM mengenai perkhidmatan kewangan-mikro melalui kajian semula struktur operasinya, membangunkan pengkalan data maklumat ahli-ahli; dan membekalkan kesedaran, motivasi dan latihan teknikal kepada ahli-ahlinya.

Tindakan 4 - Menubuhkan satu badan penyelaras yang tetap dan menggalakkan perhubungan awam mengenai Pelan Induk PUANDESA: Demi untuk melaksanakan Pelan Induk secara berkesan dan untuk mengukuhkan penyelarasan di kalangan agensi-agensi yang berkenaan, Tindakan 4 akan menubuhkan dan membangunkan satu badan penyelaras yang tetap. Badan penyelaras ini berperanan sebagai menggalakkan aktiviti-aktiviti perhubungan awam melalui surat khabar, bengkel-bengkel, perayaan, dan seminar dengan para penggubal dasar. dsb.

Kelompok-kelompok sasaran dan agensi-agensi utama yang bertanggungjawab untuk setiap tindakan di atas adalah disenaraikan seperti dalam Jadual 3-1.

Jadual 3-1 Agensi-agensi Yang Bertanggungjawab Terhadap Empat Tindakan

	Agensi-agensi Utama
Tindakan 1: Latihan untuk Kakitangan Pengembangan	DOA
Tindakan 2: Pembangunan Keupayaan Tamu KPD	KPD
Tindakan 3: Keberkesanan Kredit-Mikro YUM	YUM
Tindakan 4: Jawatankuasa Penyelarasan PUANDESA	KPIM

Profil-profil berkaitan dengan rasional, objektif-objektif, struktur operasi dan komponen-komponen serta tindakan-tindakan yang berhubungkait dengan empat Tindakan bagi Pelan Tindakan Untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan adalah direncanakan seperti berikut. Langkah-langkah bagi tindakan tahunan dan kesan pelaksanaan pelan peruntukan belanjawan bagi setiap Tindakan adalah dikemukakan dalam Lampiran-2.

3.2.1 TINDAKAN 1 – PENINGKATAN SISTEM LATIHAN BAGI KAKITANGAN PENGEMBANGAN DAN PELAKSANAAN KURSUS LATIHAN

(1) RASIONAL

Seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian kecil “Rasional” bagi Tindakan 1 untuk Wanita Luar Bandar, kakitangan pengembangan PKT DOA memainkan

peranan utama dalam meningkatkan pengupayaan usahawan-usahawan wanita luar bandar. Mereka mempunyai kemahiran untuk membekalkan wanita luar bandar dengan kursus latihan PKT dan KPWM yang merangkumi kemahiran utama seperti perladangan, pemprosesan makanan, kraftangan, kesihatan, pengurusan perniagaan dsb. Mereka juga telah melatih kumpulan wanita luar bandar dengan kemahiran-kemahiran tersebut.

Kursus latihan PKT DOA yang sedia ada merangkumi modul-modul berikut:

- Modul 1: Kesihatan Keluarga
- Modul 2: Keibubapaan
- Modul 3: Motivasi Keluarga
- Modul 4: Pendidikan Pengguna
- Modul 5: Keluarga dan Keusahawanan
- Modul 6: Perladangan Sayur-sayuran
- Modul 7: Pemprosesan Produk Pertanian
- Modul 8: Menjahit
- Modul 9: Kraftangan
- Modul 10: Seni Kerja tangan

Pada masa yang sama, **kursus latihan KPWM DOA** meliputi kandungan latihan seperti berikut:

- Modul 1: Pengurusan Perniagaan (keusahawanan, pemilihan perniagaan, mulakan perniagaan anda, pemasaran);
- Modul 2: Buku Simpan Kira-kira Perniagaan (objektif, perakaunan perniagaan, rekod perniagaan);
- Modul 3: Perancangan Perniagaan (garispanduan penyediaan pelan perniagaan, lembaran kerja pelan perniagaan, penyediaan lembaran kerja perniagaan); dan
- Modul 4: Kemudahan Kredit dan Perlesenan (kewangan-mikro, simpanan, pengendalian makanan, kawalan kualiti).

Program PKT DOA dan KPWM bertujuan untuk mendidik wanita luar bandar dalam pembangunan keluarga tani, memimpin mereka untuk memulakan perniagaan dan membekalkan mereka dengan kemahiran pengurusan perniagaan. Walau pun usaha telah dijalankan, namun wanita luar bandar belum didorong atau perniagaan mereka belum dikelolakan dengan berkesan untuk dimulakan dan memperkembangkan perniagaan dengan daya usaha mereka sendiri.

Program latihan yang sedia ada termasuk kursus latihan yang berbentuk kuliah dan berorientasikan pelatih. Lebih banyak latihan praktikal dalam lading dan projek atau dalam pasaran adalah diperlukan. Di samping itu, program semasa hanya membekalkan peserta-peserta dengan kemahiran dan teknik. Latihan tersebut harus dibekalkan dengan motivasi yang lebih tinggi kepada wanita luar bandar untuk membolehkan mereka berfikiran positif dan mewujudkan sesuatu atas usaha sendiri. Latihan tersebut haruslah dapat mengajar wanita luar bandar bagaimana untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah serta bagaimana untuk menggunakan dan mengubahsuai sumber-sumber untuk perniagaan mereka sendiri.

Projek Perintis 7 PUANDESA mengadakan Kursus Latihan Pelatih bagi ahli dalam Pasukan Petugas Gender yang terdiri dari kakitangan daripada jabatan sumber manusia dan jabatan pengembangan agensi-agensi berkaitan. Semasa pelaksanaan Projek Perintis 7, Pasukan Petugas Gender berperanan sebagai pemudahcara dan melatih ketua-ketua bagi kakitangan pengembangan PKT DOA dan kakitangan pengembangan bagi agensi-agensi berkenaan dengan bantuan teknikal dari Pasukan Pengkaji JICA dan pakar perunding tempatan.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi -agensi yang berkenaan mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

- a) Untuk melatih kakitangan pengembangan PKT DOA dan kakitangan pengembangan agensi-agensi yang berkenaan supaya dapat meningkatkan kemahiran pemudahcara dan pengembangan pemudahcaraan serta amalan, di samping kemahiran pengembangan teras yang sedia dimiliki oleh mereka seperti perladangan, pemprosesan makanan, pengurusan perniagaan dsb.;
- b) Untuk mewujudkan sistem latihan yang berkesan untuk kakitangan pengembangan melalui pengukuhan Pasukan Latihan PKT DOA dan Pasukan Latihan PUANDESA; dan
- c) Untuk mewujudkan persekitaran yang lebih baik kepada kakitangan pengembangan supaya dapat membekalkan latihan dan perkhidmatan pengembangan dengan lebih berkesan.

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output bagi Tindakan 1 (menjelang tahun 2010) adalah:

- a) Pasukan Pelatih PKT DOA akan dibentuk dan diperkukuhkan; dan
- b) Seramai 207 kakitangan pengembangan PKT DOA dan kakitangan pengembangan agensi-agensi yang berkenaan adalah dilatih dari segi memudahcara dan kemahiran pengembangan.
- c) Seramai 1,000 pekerja pengembangan DOA adalah dilatih dari segi kemahiran memudahcara dan kemahiran pengembangan.

(4) STRUKTUR OPERASI

DOA bertanggungjawab untuk melaksanakan dan mengesan Tindakan 1.

Aktiviti-aktiviti tersebut akan dijalankan oleh Pasukan Pelatih PUANDESA, Pasukan Pelatih Utama PKT DOA dan Pasukan Pelatih bersama PKT DOA. Pembangunan keupayaan bagi pasukan bersama ini akan dilaksanakan semasa tiga tahun pertama pelaksanaan Tindakan 1.

Pasukan Pelatih PUANDESA terdiri dari pakar perunding tempatan dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi berkenaan termasuk DOA, KPD, YUM, JHEWA dan IDS, juga merupakan ahli bagi Pasukan Petugas Gender Kajian PUANDESA.

Pasukan Pelatih Pusat PKT DOA akan terdiri dari 20 kakitangan pengembangan yang dipilih dari 207 kakitangan pengembangan PKT DOA. Manakala Pasukan Pelatih bersama PKT DOA pula termasuk 30 orang ketua daerah PKT.

Di samping itu, pakar dan tenaga mahir pertanian dan perladangan dari DOA, KPD, YUM, DOVSAI dan DOF akan membantu kakitangan pengembangan PKT DOA, apabila pengeluaran spesifik, penuaian, kemahiran pemprosesan dan menjual serta maklumat diperlukan.

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN


Komponen-komponen bagi Tindakan 1 adalah seperti berikut:

1. Memuktamadkan Pelan Pelaksanaan dan Tindakan Penyediaan

- 1) Mengadakan **bengkel perancangan selama dua hari**
 - a. . Peserta-peserta: - Pegawai-pegawai dari Bahagian Pengembangan DOA,ibu Pejabat
- Pegawai-pegawai dari Bahagian Pengembangan PKT DOA

- Kakitangan Pengembangan PKT DOA (calon-calon bagi Ahli Pasukan Latihan PKT DOA)
 - Peserta Latihan bagi Projek Perintis 7
 - Pasukan Pelatih PUANDESA
- b. Penyelaras: - Pasukan Pelatih PUANDESA
- c. Agenda: - Kaji semula Projek-projek Perintis 1 dan 7
- Bincangkan pencapaian dan pembelajaran diperolehi
 - Menyiapkan Pelan Pelaksanaan berdasarkan kepada Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi Berkenaan
 - Merancang struktur operasi
 - Merancang bagaimana untuk membentuk dan membangunkan keupayan bagi kedua-dua Pasukan Pelatih.
- 2) Menyediakan **pelan pelaksanaan untuk menjalankan latihan bagi kakitangan pengembangan** (komponen-komponen latihan, sasaran peserta latihan, tenaga pengajar, jadual dan tempat latihan, bahan-bahan dan kelengkapan latihan) berdasarkan kepada pembelajaran yang diperolehi dari Projek Perintis dan Buku Panduan Pemudahcara dalam Buku Data PUANDESA. Sejalan dengan langkah yang termasuk dalam Buku Panduan Pemudahcara, pakej tersebut akan meliputi latihan yang teoritikal dan praktikal dalam bidang-bidang berikut:
- a. Pendekatan Penyertaan dalam Pembangunan
 - b. Teknik-teknik Latihan Penyertaan memudahcara dan Perbincangan
 - c. Pembangunan dan Pembentukan Kumpulan Kecil
- 3) Membentuk Pasukan **Pelatih Utama dan Pelatih bersama**
- Demi untuk mengekalkan sistem latihan dan pengukuhan melalui aktiviti-aktiviti Projek Perintis 7, maka langkah pertama ialah , Tindakan 1 akan mengukuhkan pasukan pelatih bagi Pasukan Petugas Gender dan membentuk satu Pasukan Pelatih memudahcara PUANDESA melalui pembekalan latihan berbentuk kuliah dan praktikal. Kedua, Pasukan Pelatih PUANDESA (dikenali sebagai Pasukan Petugas Gender sebelum ini) akan melatih Pasukan Pelatih Utama PKT DOA, yang terdiri dari 20 kakitangan pengembangan PKT DOA. Ketiga, pasukan Pelatih Utama PKT DOA akan memberikan latihan untuk Pasukan Pelatih bersama PKT DOA yang terdiri dari 30 orang ketua-ketua daerah PKT. Pasukan Pelatih bersama kemudiannya

akan melatih baki seramai 157 kakitangan pengembangan. Akhirnya, Pasukan Utama dan Pasukan Pelatih bersama akan melatih 1,000 kakitangan pengembangan DOA dan kakitangan pengembangan bagi agensi-agensi yang berkenaan.



Rajah 3-2 Sistem Latihan bagi Kakitangan Pengembangan

2. Membangunkan Keupayaan Pasukan Latihan PUANDESA

- 1) Menjalankan **pakej latihan pelatih** untuk Pasukan Pelatih PUANDESA. Pakej Latihan Pelatih adalah direkabentuk seperti berikut dengan satu kumpulan berkemungkinan dilaksanakan setiap tiga bulan:
 - a. Peserta-peserta: - Pasukan Pelatih PUANDESA
 - b. Pemudah-pemudahcara: - Pakar-pakar perunding tempatan /tenaga mahir
 - c. Komponen-komponen Bengkel Latihan:

Kursus 1	Hari Pertama	Pengenalan Program Latihan Pengenalan Diri Penilaian Diri ke atas kemahiran memudahcara/ pengembangan Menentukan matlamat diri dan sasaran untuk latihan pelatih
	Hari Kedua	Kelas Kuliah: Pendekatan Penyertaan dalam pembangunan - Kaedah perancangan penyertaan
	Hari Ketiga	Kelas Kuliah: Teknik-teknik untuk memudahcara latihan penyertaan dan perbincangan
	Hari Keempat	Kelas Praktikal: Bagaimana untuk mengendalikan bengkel pengenalan - Peta sumber dan masyarakat kampung - Kalendar mengikut musim
	Hari Kelima	Kelas Praktikal: Bagaimana untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti penghidupan - Profil aktiviti-aktiviti - Profil berhubung dan kawalan
Kursus 2	Hari Pertama Hari Kedua	Kelas Kuliah: Latihan Gender dan pertimbangan gender dalam peningkatan penghidupan luar bandar
	Hari Ketiga, Keempat, Kelima	Kelas Praktikal: Kesedaran Gender - Aliran Hidup - Asal usul masyarakat gender - Pembahagian buruh Gender - Pelbagai Peranan
Kursus 3	Hari Pertama	Kelas Kuliah: Pembentukan dan pembangunan kumpulan kecil
	Hari Kedua	Kelas Praktikal: Pembentukan Kumpulan - Perundangan Kumpulan Proses dan Dinamik kumpulan - Membangunkan kumpulan yang kukuh - Latihan mendengar
	Hari Ketiga	Kelas Kuliah: Pendekatan Penyertaan dalam pembangunan - Kaedah penyertaan dalam pengesanan dan penilaian
	Hari Keempat	Kelas Praktikal: Perancangan untuk meningkatkan penghidupan luar bandar - Analisis SWOT - Keperluan gender yang praktik dan strategik

	Hari Kelima	Kelas Praktikal: Perancangan bersama Wanita Luar Bandar - Contoh format pelan projek
Kursus 4	Hari Pertama	Lakonan peranan
	Hari Kedua, Ketiga,	Latihan praktikal dengan kumpulan sasaran
	Hari Keempat	Kaji semula semua pakej latihan Penilaian diri mengikut Matlamat Diri dan Sasaran
	Hari Kelima	Perbincangan mengenai Pembelajaran diperolehi Perancangan mengenai Latihan untuk Kakitangan Pengembangan Rumusan

- 2) **Mengesan dan menilai** pakej latihan dan mengubahsuai komponennya, Garispanduannya, dan alat-alat latihan dan bahan apabila diperlukan.

3. Membentuk dan Melatih Pasukan Pelatih Utama PKT DOA dan Pasukan Pelatih Bersama PKT DOA

- 1) **Pilih dan bentuk Pasukan Pelatih Utama PKT DOA dan pasukan Pelatih Bersama** dari kakitangan pengemabangan PKT DOA. Kedua-dua pasukan ini adalah termasuk kakitangan pengembangan PKT DOA dari semua daerah.

- 2) Pasukan Pelatih PUANDESA akan menjalankan **Pakej Latihan Pelatih** untuk Pasukan Pelatih Utama PKT DOA dalam 2004. Pembinaan keupayaan bagi Pasukan Pelatih PUANDESA tidak lama kemudian akan diikuti oleh kursus latihan bagi Pasukan Pelatih Utama PKT DOA. Pasukan Pelatih Utama kemudiannya akan melatih Pasukan Pelatih Bersama dalam tahun 2005.

Pakej Latihan adalah direkabentuk seperti berikut:

- a. Peserta-peserta: - Calon-calon dari Pasukan Pelatih PKT DOA
 - b. Para Pemudahcara: - Pakar-pakar Perunding/tenaga mahir
- Pasukan Latihan PUANDESA
 - c. Komponen-komponen Bengkel Latihan: sama seperti komponen dalam Pasukan Pelatih PUANDESA
- 3) **Mengesan dan menilai** pakej latihan dan mengubahsuai komponen-komponennya, garispanduan, bahan-bahan dan peralatan latihan apabila diperlukan.

4. Menjalankan Pakej Latihan untuk Kakitangan Pengembangan PKT DOA

- 1) **Merekabentuk pelan latihan** dan jadual.
- 2) Menjalankan **Pakej Latihan** untuk pemudahcara-pemudahcara PKT DOA. Pakej latihan direkabentuk seperti berikut. Setiap kursus latihan akan dibekalkan pada peringkat daerah dengan dua ahli dari Pasukan Pelatih PKT DOA, yang mana bertanggungjawab kepada wilayah tersebut yang termasuk sasaran daerah.
 - a. Peserta-peserta: - seramai 157 kakitangan pengembangan PKT DOA, kakitangan pengembangan akan dilatih dalam 6 Bahagian Petanian.
 - b. Pemudahcara: - Pasukan Pelatih Utama PKT DOA dan Pasukan Pelatih bersama PKT DOA
 - c. Penasihat: - Pakar Perunding tempatan /tenaga pengajar mahir
- Pasukan Pelatih PUANDESA
 - d. Di bawah penyeliaan Bahagian PKT DOA
 - e. Komponen-komponen Bengkel Latihan:

Kursus 1	Hari Pertama	Pengenalan Program Latihan Pengenalan Diri Penilaian Diri ke atas kemahiran memudahcara/ pengembangan Menentukan matlamat diri dan sasaran untuk latihan Pelatih
	Hari Kedua	Kelas Kuliah: Pendekatan Penyertaan dalam pembangunan - Kaedah perancangan penyertaan
	Hari Ketiga	Kelas Kuliah: Teknik-teknik untuk memudahcara latihan penyertaan dan perbincangan
	Hari Keempat	Kelas Praktikal: Bagaimana untuk mengendalikan bengkel pengenalan Peta sumber dan masyarakat kampung - Peta sumber dan masyarakat kampung - Kalendar mengikut musim
	Hari Kelima	Kelas Praktikal: Bagaimana untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti penghidupan - Profil aktiviti-aktiviti - Profil berhubung dan kawalan

Kursus 2	Hari Pertama	Kelas Kuliah: Latihan Gender dan pertimbangan gender dalam peningkatan penghidupan luar bandar
	Hari Kedua	
Kursus 3	Hari Ketiga	Kelas Praktikal: Kesedaran Gender
	Hari Keempat	- Aliran Hidup
Kursus 3	Hari Kelima	- Asal usul masyarakat gender
		- Pembahagian buruh Gender
Kursus 3		- Pelbagai Peranan
	Hari Pertama	Kelas Kuliah: Pembentukan dan pembangunan kumpulan kecil
Kursus 3	Hari Kedua	Kelas Praktikal: Pembentukan Kumpulan
		- Perundangan Kumpulan
Kursus 3		Proses dan Dinamik kumpulan
		- Membangunkan kumpulan yang kukuh
Kursus 3		- Latihan mendengar
	Hari Ketiga	Kelas Kuliah: Pendekatan Penyertaan dalam pembangunan
Kursus 3		- Kaedah penyertaan dalam pengesanan dan penilaian
	Hari Keempat	Kelas Praktikal: Perancangan untuk meningkatkan penghidupan luar bandar
Kursus 3		- Analisis SWOT
		- Keperluan gender yang praktik dan strategik
Kursus 3	Hari Kelima	Kelas Praktikal: Perancangan bersama Wanita Luar Bandar
		- Contoh format pelan projek
Kursus 4*	Hari Pertama	Lakonan peranan
	Hari Kedua	Latihan praktikal dengan kumpulan sasaran
Kursus 4*	Hari Ketiga	
	Hari Keempat	Kaji semula semua pakej latihan
Kursus 4*		Penilaian diri mengikut Matlamat Diri dan Sasaran
	Hari Kelima	Perancangan mengenai Latihan untuk Kakitangan Pengembangan Rumusan

* Komponen-komponen latihan adalah sama seperti Pasukan Pelatih PUANDESA kecuali Kursus 4

- 3) **Mengesan dan menilai** pakej latihan dan mengubahsuai komponen-komponennya, garispuandu, bahan-bahan dan peralatan latihan apabila diperlukan.

5. Menjalankan Pakej Latihan untuk Kakitangan Pengembangan DOA Dan Kakitangan Pengembangan dari Lain-lain Agensi Yang Berkenaan

- 1) **Merekabentuk pelan latihan** dan jadual.
- 2) Menjalankan **Pakej Latihan** untuk kakitangan pengembangan DOA dan juga untuk kakitangan pengembangan dari lain-lain agensi yang berkenaan.
 - a. Peserta-peserta: - Kakitangan pengembangan DOA dan kakitangan pengembangan lain-lain agensi.
 - b. Pemudahcara: - Pasukan Pelatih Utama PKT DOA dan Pasukan Pelatih bersama PKT DOA
 - c. Penasihat: - Pakar Perunding tempatan /tenaga pengajar mahir
- Pasukan Pelatih PUANDESA
 - d. Di bawah penyeliaan Bahagian PKT DOA
 - e. Komponen-komponen Bengkel Latihan: sama seperti komponen kakitangan pengembangan PKT DOA

6. Penyediaan Pelan Masa Depan

- 1) Menjalankan satu **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** semasa tahun 2004 – 2009 melalui pasukan pakar perunding.
- 2) Menyediakan pelan-pelan berikut:
 - a. Merancang **latihan susulan** untuk kakitangan pengembangan PKT DOA;
 - b. Merancang untuk melaksanakan kerja kumpulan atau bengkel untuk **bertukar-tukar pengetahuan/pengalaman** di kalangan kakitangan pengembangan PKT DOA; dan
 - c. Merancang untuk melaksanakan latihan untuk kakitangan pengembangan bagi **agensi-agensi yang berkenaan**.
- 3) **Mendapatkan kelulusan** dari Kerajaan Negeri.

3.2.2 TINDAKAN 2 -- MEMBANGUNKAN KEUPAYAAN TAMU KPD UNTUK MENGUKUHKAN JARINGAN PUANDESA

(1) RASIONAL

Tamu KPD, satu pasaran terbuka yang terletak di Kota Kinabalu, memberi peluang kepada usahawan wanita luar bandar untuk menjual produk dan

perkhidmatan mereka kepada para pengguna bandar dan pelancong pada setiap hari Ahad minggu kedua.

Tamu KPD perlu dinaik taraf supaya ianya mempunyai daya tarikan untuk pengguna di kawasan bandar kerana ianya hanya dibuka pada hari Ahad dan membekalkan produk-produk unik dan mesej pemasaran yang terhad kepada pihak awam. Tamu KPD mempunyai potensi untuk memainkan peranan penting bagi mengukuhkan pengupayaan usahawan-usahawan wanita luar bandar; namun, ianya tidak digunakan sepenuhnya untuk tujuan tersebut.

Projek Perintis 5 PUANDESA membekalkan kursus latihan pengendalian makanan untuk usahawan wanita luar bandar dan mengadakan aktiviti tunjukcara jualan produk mereka seperti kek/kuih tempatan dan minuman jus yang mana mereka hasilkan dengan keupayaan kemahiran mereka yang dinaiktarafkan.

Tunjukcara tersebut menyampaikan mesej yang berguna mengenai kepentingan kualiti dan kawalan kualiti kepada usahawan wanita yang lain yang bekerja di Tamu KPD. Tambahan lagi, pengguna akan mempelajari bagaimana memeriksa kualiti produk dari label dan pembungkusannya. Kumpulan sasaran boleh membangunkan jaringan jualannya semasa tunjukcara dan akan meningkatkan pendapatan mereka secara berperingkat.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Objektif-objektif Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan adalah seperti:

- a) Untuk menaik taraf fungsi Tamu KPD, kelengkapan peralatan dan kemudahan supaya ia dapat menyampaikan perkhidmatan yang sama kepada Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA, dibuka setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar, pengguna dan peniaga-peniaga. (juga dibuka semasa Tamu KPD)

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output untuk Tindakan 2 menjelang tahun 2010 ialah:

- a) Sumber manusia dan sumber fizikal bagi Tamu KPD akan ditingkatkan dan dinaik tarafkan supaya dapat berfungsi sebagai Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA; dan
- b) Usahawan-usahawan Wanita Luar Bandar, pengguna-pengguna,

peniaga-peniaga dan para pelancong akan mengiktiraf Tamu KPD sebagai pengkalan dan pusat produk Sabah yang berkualiti yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan wanita luar bandar.

(4) STRUKTUR OPERASI

KPD merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan. Pasukan Pemasaran PUANDESA, yang terdiri dari pegawai-pegawai dari KPD, DOA, KPLB dsb, juga merupakan Pasukan Petugas Pemasaran semasa pelaksanaan Kajian PUANDESA, akan menjadi penyelarar untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti Tindakan 2 dan juga sebagai penyelarar di kalangan agensi-agensi yang berkaitan.

Lain-lain agensi akan bekerjasama dengan KPD untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Tindakan 2 untuk memastikan pelaksanaan dapat berjalan lancar.

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN

1. Merekabentuk Struktur Asas bagi Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA

- 1) Mengadakan **bengkel perancangan selama dua hari**
(Bengkel ini juga perlu dilaksanakan untuk Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar).
 - a. Peserta-peserta: - Pegawai-pegawai dari KPD, DOA, YUM, KPLB dan JHEWA
 - Pasukan Pemasaran PUANDESA
 - b. Penyelarar: - Pasukan Pemasaran PUANDESA
 - c. Agenda: - Kaji semula dan analisis SWOT untuk Fungsi Tamu KPD
 - Bincangkan wawasan bagi jaringan usahawan-usahawan wanita luar bandar
 - Siapkan Pelan Pelaksanaan berdasarkan Tindakan 4
 - Rekabentuk asas *** Jaringan PUANDESA
 - Rekabentuk asas**** Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA
 - Merancang struktur operasi

*** Jaringan PUANDESA akan dibangunkan di bawah Tindakan 4 bagi

Pelan Tindakan bagi Wanita Luar Bandar

**** Fungsi Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA adalah dicadangkan seperti berikut. Tamu KPD dijangka akan membekalkan perkhidmatan baru diperkenalkan oleh beberapa Tindakan dari Pelan Induk PUANDESA:

- i) Untuk membekalkan maklumat pasaran dan produk kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar;
 - ii) Untuk membekalkan maklumat kepada pengguna dan peniaga mengenai perkhidmatan dan produk yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan wanita luar bandar;
 - iii) Untuk memperkenalkan rencana ringkas Pelan Induk PUANDESA dan aktiviti usahawan-usahawan wanita luar bandar;
 - iv) Untuk memperkenalkan perkhidmatan Jaringan PUANDESA kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar; dan
 - v) Untuk mengendalikan Kursus Peringkat Pertengahan I dan II dan Kursus Lanjutan bagi Program Latihan Usahawan PUANDESA
- 2) Mewujudkan satu **kumpulan petugas untuk menubuhkan Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA**, yang terdiri dari ahli-ahli Pasukan Pemasaran PUANDESA dan pegawai-pegawai yang mewakili Tamu KPD, KPD, YUM, DOA dan lain-lain agensi yang berkaitan.
- 3) **Mengusahakan rekabentuk yang terperinci mengenai pembangunan sumber manusia dan pembangunan fizikal** demi untuk mewujudkan Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA, yang akan disediakan oleh kumpulan petugas.

2. Kemajuan Fizikal Tamu KPD

- 1) **Memperbaiki Kemudahan-kemudahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan baru seperti:**
 - i) Perkhidmatan Maklumat Pasaran kepada usahawan-usahawan luar bandar;
 - ii) Perkhidmatan pengkalan data mengenai produk-produk Sabah dan usahawan-usahawan wanita luar bandar;
 - iii) Peruntukan maklumat mengenai Pelan Induk pembangunan PUANDESA kepada pihak awam;
 - iv) Perkhidmatan Jaringan PUANDESA untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar; dan
 - v) Kursus Latihan mengenai Peringkat Pertengahan I dan II serta Kursus-kursus Lanjutan (rujuk Jadual 2-4).

- 2) **Membeli kelengkapan peralatan dan bahan-bahan** untuk perkhidmatan baru seperti yang tersebut di atas.
- 3) Membentuk pelan **operasi dan penyenggaraan**.
- 4) **Mengesan** aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas, di bawah penyelarasan dan penyeliaan mengenai Pasukan Pemasaran PUANDESA.

3. Latihan bagi Kakitangan untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Baru Tamu KPD

- 1) Menyediakan **pelan bagi sumber-sumber manusia** yang diperlukan untuk memperkenalkan fungsi-fungsi dan perkhidmatan baru.
- 2) **Melantik calon-calon** untuk tugas-tugas baru bagi menyelia dan/atau mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan baru.
- 3) **Menerapkan keperluan latihan** kepada calon-calon dari segi perancangan, pengurusan, perhubungna awam, operasi dan penyenggaraan, pengiktirafan gender, penyertaan dsb.
- 4) **Menjalankan latihan untuk calon-calon** yang dikendalikan oleh INTAN.
- 5) Menjalankan latihan untuk **juruteknik-juruteknik operasi dan penyenggaraan** bagi kelengkapan peralatan dan kemudahan baru yang diperkenalkan oleh INTAN.
- 6) **Mengesan** aktiviti-aktiviti tersebut di atas di bawah penyelarasan dan penyeliaan kumpulan petugas.

4. Mengoperasikan Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA

- 1) Mengadakan **majlis perasmian/pembukaan** dan memulakan perkhidmatan Pusat Maklumat dan Latihan PUANDESA.
- 2) Mengadakan bengkel pembukaan dengan usahawan-usahawan wanita luar bandar dan pengguna-pengguna.
- 3) Mengadakan satu mesyuarat tetap(bulanan) untuk mengesan aktiviti-aktiviti Pusat tersebut oleh kumpulan petugas dan ahli kakitangan Pusat.

5. Penyediaan Pelan Masa Depan

- 1) Menjalankan satu **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** semasa tahun 2004 – 2009.
- 2) Menyediakan **pelan masa depan dan pelan pelaksanaan** dan mendapatkan kelulusan dari pihak kerajaan negeri.

3.2.3 TINDAKAN 3 – PENINGKATAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN KREDIT-MIKRO YUM UNTUK WANITA LUAR BANDAR

(1) RASIONAL

YUM telah membantu usahawan wanita luar bandar dari segi memulakan dan menjalankan perniagaan mereka melalui pembekalan perkhidmatan kredit-mikro kepada ahli-ahlinya. Perkhidmatan YUM merupakan salah satu program sokongan kerajaan yang terhad yang hanya menumpukan sasaran kepada kaum wanita. Bilangan ahli YUM telah meningkat dan keperluan mereka semakin kepelbagaian. YUM telah diminta untuk memperbaiki perkhidmatan kewangan-mikronya supaya dapat memenuhi keperluan ahli-ahli mereka.

Demi untuk mengatasi situasi ini, Projek Perintis 10 PUANDESA telah membekalkan pemasangan sistem komputer untuk mengurus maklumat peserta-peserta YUM di peringkat ibu pejabat dan enam lagi di pejabat cawangannya. Tujuannya ialah untuk meningkatkan perkhidmatan melalui pengurangan prosedur dokumen yang diperlukan untuk mendapatkan peruntukan dana dan melalui persefahaman keperluan pelanggan melalui maklumat pengkalan data. Latihan untuk ahli YUM dari segi latihan kesedaran dan motivasi juga telah dilaksanakan.

YUM tidak berupaya untuk menerima ahli-ahli baru kebelakangan ini kerana YUM tidak menerima peruntukan dari Kerajaan Persekutuan kebelakangan ini. Demi untuk memperbaiki perkhidmatan YUM, maka adalah perlu bagi YUM sendiri untuk menganalisa aspek pengurusan pentadbiran dan kewangannya serta keperluan ahli-ahli usahawan-usahawan wanita luar bandarnya. YUM mempunyai keupayaan yang menggalakkan untuk mengusahakan jenis kajian yang tersebut tadi. Berdasarkan kepada analisis tersebut, ianya perlu menjelaskan peranan optimum kepada wanita luar bandar. Langkah seterusnya yang diperlukan ialah mencari jalan untuk menstrukturkan operasinya secara cekap supaya dapat mengurangkan perbelanjaan pengurusan dan menerap sumber peruntukan tambahan untuk mendapatkan input baru sebagai modalnya.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Objektif-objektif Tindakan 3 dalam Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yan berkenaan ialah:

- a) Untuk menjalinkan jaringan ibu pejabat dan semua cawangan YUM dan meningkatkan perkhidmatan pengurusan kredit-mikro;
- b) Untuk menyediakan Pelan Induk bagi meningkatkan khasnya pengurusan pentadbiran dan kewangan melalui usaha mengkaji dan menganalisa potensi-potensi dan halangan-halangan yang wujud; dan
- c) Untuk membekalkan perkhidmatan yang berkualiti dan kepelbagaian, termasuklah latihan untuk ahli-ahli YUM dari segi kesedaran, motivasi dan kemahiran perniagaan.

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan ouput bagi Tindakan 3 menjelang tahun 2010 ialah:

- a) Pengurangan bilangan dokumen dan masa pemprosesan yang diperlukan dalam proses meluluskan kredit-mikro dan pengeluaran prosedur;
- b) Kakitangan pejabat cawangan dan penyelia pinjaman perlu memahami keperluan ahli-ahli dan memperuntukan masa yang lebih panjang dalam projek; dan
- c) Ahli-ahli usahawan-usahawan wanita luar bandar akan berupaya menikmati perkhidmatan kepelbagaian YUM yang lebih baik.

(4) STRUKTUR OPERASI

YUM merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk Tindakan 3 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang Berkenaan. Pasukan Pemasaran PUANDESA akan menjadi penyelarar untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti Tindakan 3 di samping menyelarar agensi-agensi yang berkaitan.

Lain-lain agensi yang berkaitan akan bekerjasama dengan YUM untuk memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Tindakan 3 berjalan dengan lancar.

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN

1. Memuktamadkan Pelan Pelaksanaan dan Penyediaan Aktiviti-aktiviti

- 1) Mengadakan **bengkel perancangan selama satu hari**
 - a. Peserta-peserta: - Pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat YUM
 - Pengurus-pengurus bagi 6 pejabat cawangan dari Projek Perintis 10 PUANDESA
 - Pasukan Pemasaran PUANDESA
 - b. Penyelaras: - Pasukan Pemasaran PUANDESA
 - c. Agenda: - Kaji semula Projek Perintis 10
 - Bincangkan pencapaian dan pembelajaran diperolehi
 - Menyiapkan Pelan Pelaksanaan berdasarkan kepada Tindakan 3 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi Berkenaan
 - Merancang struktur operasi
- 2) Menubuhkan satu **kumpualn petugas** untuk merancang dan melaksanakan Tindakan 3
- 3) **Menjalankan rekabentuk terperinci mengenai pembangunan sumber manusia dan peningkatan fizikal** untuk memperkenalkan kelengkapan peralatan dan jaringan ICT (Teknologi Komunikasi Maklumat) bagi pejabat cawangan YUM.
- 4) **Melaksanakan rekabentuk terperinci untuk menyediakan Pelan Induk** untuk meningkatkan pengurusan pentadbiran dan kewangan YUM.

2. Pemasangan Kelengkapan Peralatan ICT dan Pembangunan Pengkalan Data Pelanggan-pelanggan

- 1) Membeli dan memasang kelengkapan peralatan ICT, membekalkan set lengkap termasuk komputer, printer, UPS and penggunaan 'Microsoft' untuk setiap pejabat cawangan tidak termasuk dalam sasaran pejabat Projek Perintis 10.
- 2) Mewujudkan **Pengkalan Data Pelanggan-pelanggan YUM** berdasarkan kepada rekabentuk yang dikemaskinikan dengan berasaskan kepada pembelajaran yang diperolehi dari Projek Perintis 10.
- 3) Melatih kakitangan pejabat cawangan dari segi **penggunaan alat kelengkapan ICT**, pengkalan data pelanggan, dan bagaimanapun untuk meningkatkan perkhidmatan melalui sistem ICT.

- 4) Melatih kakitangan pejabat cawangan dari segi **operasi dan penyenggaraan** mengenai alat kelengkapan ICT.
- 5) **Pengesanan** aktiviti-aktiviti tersebut di atas akan diselaraskan oleh dan diselia oleh kakitangan ibu pejabat yang bertanggungjawab untuk sistem ICT.

3. Penyediaan Pelan Induk untuk memperbaiki Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan

- 1) Menganjurkan kumpulan petugas yang terdiri dari kakitangan ibu pejabat dan Pasukan Pelatih Pemasaran PUANDESA untuk menyediakan Pelan Induk tersebut.
- 2) Mengadakan beberapa siri **bengkel untuk menganalisa** halangan-halangan semasa, potensi-potensi yang wujud, keperluan pengurusan dan institusi YUM yang dijalankan oleh kakitangan ibu pejabat termasuk penggubal dasar.
- 3) Menjalankan **satu kajian untuk menganalisa status pengurusan dan institusi YUM** dan untuk menyediakan rekomendasi-rekomendasi melalui kontrak dengan pakar perunding luaran.
- 4) **Menyediakan Pelan Induk** berdasarkan kepada keputusan analisis tersebut.
- 5) Mengadakan satu **bengkel rumusan** mengenai Pelan Induk dengan kakitangan ibu pejabat YUM, Pasukan Pelatih Pemasaran PUANDESA, Pasukan Pelatih Pemudahcara PUANDESA dan juga kakitangan yang terlibat dari agensi-agensi yang berkenaan.
- 6) Menyediakan cadangan dan kemukakan kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan peruntukan.

4. Merancang dan Melaksanakan Perkhidmatan Pelbagaian untuk Wanita Luar Bandar termasuk Latihan dan Khidmat Nasihat untuk Ahli-ahli YUM

- 1) Mengadakan **bengkel perancangan dengan kakitangan ibu pejabat dan pejabat cawangan**, Pasukan Pelatih Pemasaran PUANDESA dan Pasukan Pelatih Pemudahcara PUANDESA supaya dapat melaksanakan sesi 'brain storming' dan berbincang perkhidmatan pilihan yang boleh dibekalkan untuk ahli-ahli YUM.
- 2) Mengadakan satu **bengkel dengan pemimpin-pemimpin bagi ahli-ahli YUM** untuk memahami keperluan mereka terhadap perkhidmatan YUM. Bengkel sedemikian boleh diadakan selaras dengan Pauskan

Pelatih Pemasaran PUANDESA dan Pasukan Pelatih Pemudahcara PUANDESA.

- 3) Membentuk **satu pelan tindakan untuk melaksanakan perkhidmatan kepelbagaian** bagi ahli-ahli YUM seperti kursus latihan dalam panduan perniagaan asas, latihan dan khidmat nasihat mengenai penggunaan peruntukan dana mikro, latihan dan khidmat nasihat pengurusan perniagaan dan kewangan, melaksanakan kaji selidik pasaran dan maklumat pasaran dsb.
- 4) **Melaksanakan perkhidmatan baru** untuk ahli-ahli YUM yang termasuk dalam pelan tindakan.
- 5) **Pengesanan** aktiviti-aktiviti yang tersebut dia atas akan diselaraskan dan diselia oleh kakitangan ibu pejabat YUM.

5. Penyediaan Pelan Masa Depan

- 1) Menjalankan satu **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** semasa tahun 2004 – 2009.
- 2) Menyediakan **pelan masa depan dan pelan pelaksanaan** dan mendapatkan kelulusan dari pihak kerajaan negeri.

3.2.4 TINDAKAN 4 – MENUBUHKAN SATU BADAN PENYELARAS YANG TETAP DAN MENGGALAKKAN PERHUBUNGAN AWAM MENGENAI PELAN INDUK PUANDESA

(1) RASIONAL

Sebelum bermulanya Projek Perintis PUANDESA, tidak ada badan penyelaras yang rasmi bagi agensi kerajaan Sabah yang menyokong wanita luar bandar dalam aktiviti-aktiviti berasaskan pertanian mereka. Terdapat duplikasi aktiviti dan kesukaran untuk berkongsi sumber fizikal dan manusia yang terhad. Penyelarasan antara agensi dan cawangan di bawah kerajaan negeri dan agensi kerajaan persekutuan sering dicampurtangan oleh pembuat keputusan di peringkat kerajaan persekutuan.

Projek Perintis 8 PUANDESA mengesan dan menilai semua projek perintis dan berusaha untuk mengukuhkan kerjasama dan penyelarasan di kalangan agensi yang berkaitan melalui mesyuarat bulanan, berkongsi majlis perayaan bersama seperti Pesta Menuai dan menjalankan lawatan sambil belajar untuk berkongsi maklumat dan pengalaman. Agensi-agensi yang berkaitan bagi ahli-ahli PUANDESA, yang telah mengenalpasti kepentingan penyelarasan dan

kerjasama di kalangan mereka, akan mewujudkan kerjasama yang lebih kukuh antara satu sama lain dan aktiviti kerjasama dijalankan dengan lancar.

(2) OBJEKTIF-OBJEKTIF

Objektif-objektif Tindakan 4 dalam Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan ialah:

- a) Untuk menubuhkan dan membangunkan keupayaan satu badan penyelarasan tetap untuk melaksanakan Pelan Induk;
- b) Untuk mengukuhkan mekanisme kerjasama dan penyelarasan di kalangan agensi-agensi yang berkenaan yang diwujudkan oleh Projek-projek Perintis PUANDESA; dan
- c) Untuk menggalakkan perhubungan awam bagi Pelan Induk PUANDESA kepada orang ramai dan kerajaan pusat.

(3) JANGKAAN OUTPUT

Jangkaan output bagi Tindakan 4 menjelang tahun 2010 ialah:

- a) Pelan Induk PUANDESA akan berjalan dengan lancar dan usahawan-usahawan wanita luar bandar akan dapat menikmati manfaatnya.;
- b) Pihak orang awam akan mamahami akan objektif-objektif dan kemajuan Pelan Induk PUANDESA dan mengiktiraf kualiti produk yang baik bagi usahawan-usahawan wanita luar bandar dan aktiviti-aktiviti mereka; dan
- c) Satu sistem kewangan dan pengurusan yang diselaraskan dan mampan serta berdaya maju untuk menyokong usahawan-usahawan wanita luar bandar akan diperkukuhkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

(4) STRUKTUR OPERASI

KPIM merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan. Jawatankuasa Penyelarasan PUANDESA akan mewujudkan satu badan tetap untuk menyelaraskan dan mengesan pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (SUT) KPIM dan terdiri dari wakil-wakil (Pengaruh-Pengaruh, Pengurus-pengurus Besar dsb) dari enambelas (16) agensi yang berkenaan termasuklah seperti berikut:

Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA terdiri dari:


- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (KPIM)
- DOA
- KPD
- YUM
- DOF
- DOVSAI
- KPLB
- JHEAWA
- PKKM
- SPS
- STB
- KEMAS
- IDS
- YS

Dan agensi-agensi berikut akan turut diundang:

- Kementerian Kewangan
- INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara, Malaysia)

Demi untuk mengendalikan kerja-kerja dengan logistik dan diselaraskan dengan cekap, maka satu “Unit Sekretariat bagi Pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA” akan diwujudkan di bawah KPIM untuk mengendalikan hal-hal pengurusan jawatankuasa tersebut. Kakitangan-kakitangan utama dalam Sekretariat tersebut akan diambil dari agensi-agensi yang berkenaan yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan projek-projek perintis PUANDESA, KPD dan/atau DOA, serta mereka yang boleh menjalankan tugas-tugas Sekretariat.

Di bawah Jawatankuasa Penyelaras pula, satu Jawatankuasa Teknikal dan/atau Pasukan Petugas akan dibentuk apabila diperlukan dan dipersetujui oleh ahli-ahli dalam Jawatankuasa Penyelaras. Struktur Operasi bagi Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA adalah direkabentuk seperti berikut:



Rajah 3-3 Cadangan Struktur Operasi Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA (Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan)

(5) KOMPONEN-KOMPONEN DAN TINDAKAN-TINDAKAN

1. Memuktamadkan Pelan Pelaksanaan dan Penyediaan Aktiviti-aktiviti

- 1) Mengadakan **bengkel perancangan untuk mengesahkan struktur operasi, tanggungjawabnya dan fungsi Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA** dengan ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal bagi Kajian the PUANDESA.
- 2) Menyediakan pelan tindakan untuk mewujudkan , mengelola dan mengukuhkan Jawatankusa.
- 3) Mengemukakan cadangan kepada KPIM dan kerajaan negeri.
- 4) Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA akan diluluskan sebagai badan tetap untuk mnyelaras Pelan Induk PUANDESA.

2. Menjalankan Aktiviti-aktiviti Penyelarasan

- 1) Mengadakan mesyuarat secara sukuan.
- 2) Menjalankan aktiviti-aktiviti penyelarasan.
Fungsi-fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa ialah (mengikut keutamaan):
 - a. Untuk menggalakkan pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA
 - b. Untuk mengesan kemajuan pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA dan menilai hasil dan outputnya;
 - c. Untuk membantu mendapatkan peruntukan dana bagi aktiviti-

- aktiviti PUANDESA;
- d. Untuk menggalakkan perhubungan awam aktiviti-aktiviti PUANDESA melalui penerbitan suratkhobar, dsb, dan menyertai dalam perayaan dan pesta;
 - e. Untuk meluluskan pengwujudan Jawatankuasa Teknikal/Pasukan Petugas apabila dan di mana yang diperlukan; dan
 - f. Untuk menggalakkan pengwujudan unit PUANDESA di setiap agensi-agensi yang berkenaan;
 - g. Untuk mencadangkan dasar untuk pembangunan wanita luar bandar (sebagai contoh Pergerakan Satu Kampung,Satu Produk dsb.);
 - h. Untuk menggalakkan jaringan komunikasi antara usahawan wanita luar bandar dan bandar di Sabah, dan usahawan-usahawan wanita luar bandar di Semenanjung Malaysia, Jepun dan negara-negara jiran;
 - i. Untuk mewujudkan laman web PUANDESA di bawah homepege Kementerian Pertanian dan Industri Makanan;
 - j. Untuk menjalankan lain-lain fungsi-fungsi yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti PUANDESA.

3. Penyediaan Pelan Masa Depan


- 1) Menjalankan satu **kajian untuk mengkaji semula pencapaian** semasa tahun 2004 – 2009.
- 2) Menyediakan **pelan masa depan dan pelan pelaksanaan** dan mendapatkan kelulusan dari pihak kerajaan negeri.

BAB 4: HUBUNGAN ANTARA DUA PELAN TINDAKAN

4.1 MATLAMAT DAN DUA PELAN TINDAKAN

Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar merupakan pelan aktiviti yang akan diusahakan bersama dengan KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan. Penerima faedah dan sasaran secara langsung Pelan Tindakan ini ialah wanita luar bandar di Sabah. Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkenaan bertujuan untuk membangun dan meningkatkan keupayaan agensi-agensi yang berkaitan supaya pelaksanaan Pelan Tindakan bagi Wanita Luar Bandar dapat berjalan dengan cekap dan berkesan. Di samping itu, kumpulan sasaran secara langsung Pelan Tindakan ini ialah KPIM dan agensi-agensi yang terlibat.

Hubungan antara Dua Pelan Tindakan dan Tindakan-Tindakan tersebut adalah ditunjukkan dalam Rajah 4-1.



Rajah 4-1 Hubungan Antara Dua Pelan Tindakan

BAB 5: STRUKTUR OPERASI

5.1 STRUKTUR OPERASI BAGI PELAN INDUK

Jawatankuasa Penyelaras, merupakan satu badan tetap yang diluluskan oleh KPIM dan akan dibentuk di bawah Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan pada peringkat awal pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA, akan berperanan sebagai menyelaras dan mengesan pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA.

KPIM akan menyelia aktiviti-aktiviti bagi Badan Penyelaras Tetap PUANDESA dan Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap(SUT) bagi KPIM dan terdiri dari wakil-wakil(Pengarah-Pengarah, Pengurus-pengurus Besar dsb) dari enambelas(16) agensi yang berkenaan termasuklah KPIM, DOA, KPD,YUM, DOF, DOVSAI, KPLB, JHEWA, PKKM, SPS, STB, KEMAS, IDS, YS, Kementerian Kewangan dan INSAN.

Tanggungjawab-tanggungjawab bagi Jawatankuasa Penyelaras adalah diterangkan dalam Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan agensi-agensi yang berkenaan. Rajah 5-1 menunjukkan struktur operasi Badan Penyelaras PUANDESA:



Rajah 5-1 Cadangan Struktur Operasi Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA

Jawatankuasa Penyelaras terdiri dari dua pasukan iaitu Pasukan Pelatih PUANDESA dan Pasukan Pelatih Pemasaran PUANDESA.

Pasukan Pelatih PUANDESA akan dibentuk berdasarkan kepada Pasukan Petugas Gender Kajian PUANDESA yang terdiri dari ahli-ahli dari DOA, KPD, YUM, JHEWA dan IDS. Pasukan ini akan memimpin dan menyelia latihan dan bengkel yang dilaksanakan bagi Tindakan 1 dan Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dan Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan.

Pasukan Pelatih Pemasaran PUANDESA pula akan diwujudkan berdasarkan kepada Pasukan Petugas Pemasaran Kajian PUANDESA dan terdiri dari ahli-ahli dari KPD, DOA dan KPLB. Ianya akan meliputi Tindakan 3 dan 4 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dan Tindakan 2 dan 3 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan.

Unit Sekretariat Pelan Induk PUANDESA, yang akan diwujudkan di bawah KPIM., akan mengendalikan hal-hal pengurusan bagi Jawatankuasa tersebut. Ianya juga akan berperanan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan.

Di bawah Jawatankuasa Penyelaras, satu Jawatankuasa Teknikal dan/atau pasukan Petugas akan dibentuk apabila diperlukan dan dipersetujui oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras. Pasukan Petugas mungkin diperlukan, sebagai contoh, untuk Pusat Khidmat Setempat yang ditubuhkan di bawah Tindakan 2 dan Jaringan PUANDESA yang dibentuk di bawah Tindakan 3 dalam Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar.

5.2 STRUKTUR OPERASI BAGI PELAN-PELAN TINDAKAN

Agensi-agensi utama bagi pelaksanaan Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar adalah DOA yang bertanggungjawab untuk Tindakan 1, JHEWA untuk Tindakan 2, dan KPD untuk Tindakan 3 dan 4. KPLB memainkan peranan dalam Tindakan 2 kerana JKJK (pengerusi-pengerusi dan biro wanita) yang di bawah tanggungjawab KPLB adalah merupakan kumpulan sasaran yang akan dilatih dan akan berfungsi sebagai Pusat Khidmat Setempat PUANDESA (OSSCs). Pada masa yang sama, Pejabat Daerah DOA akan menyokong dan membantu JKJK dalam mengumpul maklumat dari agensi-agensi yang berkenaan. Dalam Tindakan 3 dan 4, pihak DOA dan YUM akan membantu

KPD untuk menyelaras dan membekalkan latihan dan jaringan yang lebih baik untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar.

Manakala dalam Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan pula, DOA bertanggungjawab dalam Tindakan 1, KPD untuk Tindakan 2, YUM untuk Tindakan 3 dan KPIM untuk Tindakan 4 akan berperanan sebagai agensi-agensi utama dalam tindakan-tindakan tersebut. Dalam Tindakan 1, DOA mengetuai latihan untuk kakitangan pengembangan manakala KPD, YUM dan lain-lain agensi seperti DOF, DOVSAI, KPLB, JHEWA dsb. akan bekerjasama dengan DOA. Di samping itu, KPIM akan menyelia aktiviti-aktiviti Tindakan 4 sebagai Agensi Utama Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA.

Bagi kedua-dua Pelan Tindakan, lain-lain agensi yang berkenaan seperti DOF, DOVSAI, PKKM, SPS, STB, KEMAS, IDS, YS, Kementerian Kewangan dan INSAN akan bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

Agensi-agensi utama yang mengetuai setiap Tindakan bagi Pelan Tindakan adalah direncanakan dalam Jadual 5-1.

Jadual 5-1 Agensi-agensi yang Bertanggungjawab bagi pelan-pelan Tindakan

	KPIM	DOA	KPD	YUM	JHEWA	KPLB
Pelan Tindakan Untuk Wanita Luar Bandar						
Tindakan 1: Kesedaran, Motivasi dan Pembentukan Kumpulan		X				
Tindakan 2: Pusat Khidmat Setempat		x			X	x
Tindakan 3: Latihan dan Khidmat Nasihat		x	X	X		
Tindakan 4: Jaringan Usahawan-usahawan Wanita Luar Bandar		x	X	X		
Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan						
Tindakan 1: Latihan untuk Kakitangan Pengembangan		X	x	X		
Tindakan 2: Pembangunan Keupayaan Tamu KPD			X			
Tindakan 3: Keberkesanan Kredit-Mikro YUM				X		
Tindakan 4: Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA	X	x	x			

Nota: X = Agensi-agensi yang bertanggungjawab, x = Agensi-agensi yang menyokong agensi-agensi yang bertanggungjawab

5.3 TANGGUNGJAWAB-TANGGUNGJAWAB BAGI AGENSI-AGENSI YANG BERKENAAN

Semua agensi yang berkenaan termasuk KPIM, DOA, KPD, YUM, DOF, DOVSAI, JHEWA, KPLB, PKKM, SPS, STB, KEMAS, IDS, YS, INSAN dan Kementerian Kewangan, akan membentuk Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA. Jawatankuasa ini adalah di bawah penyeliaan KPIM untuk menyelaraskan dan mengesan kemajuan kerja pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA.

Jadual 5-2 Tanggungjawab-tanggungjawab Utama bagi Agensi-agensi yang Berkenaan

	TANGGUNGJAWAB-TANGGUNGJAWAB
KPIM	<p>(1) Agensi bertanggungjawab untuk Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyelia Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA - Menyelia dan mengesan kemajuan kerja pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA
DOA	<p>(1) Agensi bertanggungjawab untuk Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Unit PKT DOA akan menjalankan pakej latihan kesedaran dan motivasi kepada wanita luar bandar dalam kumpulan sasaran. <p>(2) Agensi Utama JHEWA akan menyokong agensi bertanggungjawab, untuk Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pejabat Kaerah DOA akan membantu Pusat Khidmat Setempat untuk mendapatkan dan membekalkan maklumat kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar <p>(3) Agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 1 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pasukan Pelatih Utama PKT DOA akan dilatih oleh Pasukan Pelatih PUANDESA - Pasukan Pelatih Bersama PKT DOA akan dilatih oleh Pasukan Pelatih Utama PKT DOA - Kedua-dua Pasukan Pelatih akan melatih baki kakitangan pengembangan yang lain dan kakitangan pengembangan agensi-agensi yang berkenaan.
KPD	<p>(1) Agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 3 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengelola dan menjalankan Program Latihan Usahawan PUANDESA <p>(2) Agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan Wanita Luar Bandar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mewujud dan mengukuhkan Jaringan PUANDESA bagi usahawan-usahawan wanita luar bandar <p>(3) Agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengukuhkan perkhidmatan dan kemudahan bagi Tamu KPD sebagai pengkalan untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar.
YUM	<p>(1) Agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 3 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan .</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyedia dan menjalankan pelan untuk meningkatkan

	struktur operasi perkhidmatan krediti-mikro YUM .
JHEWA	(1) Agensi bertanggungjawab untuk Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar. - Menjalankan latihan kepada JKs (pengerusi dan biro-biro wanita) untuk mewujudkan dan mengukuhkan Pusat Khidmat Setempat.
KPLB	(1) Agensi Utama untuk menyokong agensi bertanggungjawab iaitu JHEWA, untuk Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar. - KPLB bekerjasama dengan JHEWA untuk menggalakkan latihan JKs di Pusat Khidmat Setempat.
DOF dan DOVSAI	(1) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 1, 2 dan 4 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dengan membekalkan latihan teknikal dan maklumat. (2) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 1 dan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan bekerjasama dalam melatih kakitangan pengembangan dan mengelola Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA.
PKKM	(1) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 2 dan 4 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dengan membekalkan latihan teknikal dan maklumat. (2) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan bekerjasama dalam mengelola Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA.
SPS dan STB	(1) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 2 dan 4 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dengan membekalkan latihan teknikal dan maklumat. (2) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan bekerjasama dalam mengelola Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA.
IDS	(1) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dengan membekalkan latihan teknikal dan maklumat. (2) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan bekerjasama dalam mengelola Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA. (3) Bantuan teknikal untuk mengendalikan kajian semula pencapaian bagi semua Tindakan.
FAMA dan	(1) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 3 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar

MARDI	Bandar dengan membekalkan latihan teknikal dan maklumat mengenai pasaran, pengendalian makanan dan kawalan kualiti. (2) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan bekerjasama dalam mengelola Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA.
KEMAS	(1) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 1 dan 2 bagi Pelan Tindakan untuk Wanita Luar Bandar dengan membekalkan latihan teknikal dan maklumat (2) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab kepada Tindakan 1 dan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan bekerjasama dari segi melatih kakitangan pengembangan dalam latihan dan mengelola Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA.
Kementerian Kewangan	(1) Menyokong KPIM dan agensi-agensi berkenaan dengan membantu dari segi mendapatkan dana untuk melaksanakan Pelan Induk PUANDESA
INSAN (Program Pembangunan Insan Yayasan Sabah)	(1) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 2 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan melatih kakitangan dan juruteknik Tamu KPD untuk mengoperasikan Pusat Maklumat dan Latihan. (2) Menyokong agensi-agensi bertanggungjawab terhadap Tindakan 4 bagi Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang berkenaan dengan bekerjasama dari segi membekalkan latihan gender kepada para penggubal dasar dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi yang berkenaan serta mengelolakan Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA.

5.4 PENGESANAN DAN PENILAIAN


Pengesanan dan penilaian keseluruhan pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA dan Tindakan-Tindakannya akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA, manakala pengesanan bagi setiap Tindakan akan dijalankan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi utama (leading agency).

Demi untuk mewujudkan satu sistem yang berkesan untuk mengesan dan menilai Tindakan-Tindakan bagi Pelan Tindakan, maka Jawatankuasa Penyelaras dan pasukan-pasukan petugas akan menyediakan Rekabentuk Matrik Projek (PDM) bagi setiap Tindakan sebelum ianya dilaksanakan; ahli-ahli pasukan petugas Projek Perintis PUANDESA telah dilatih dalam penyediaan PDM. Aspek-aspek yang termasuk dalam PDM ialah matlamat, tujuan,

output, tindakan, input, petunjuk-petunjuk dan sumber-sumber petunjuk serta andaian-andaian penting. Petunjuk-petunjuk untuk penilaian bagi setiap Tindakan adalah dipilih berdasarkan kepada objektif-objektif dan jangkaan output yang mana telah dikemukakan dalam Pelan Tindakan.

Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA akan mengadakan satu mesyuarat tetap bulanan, di mana jabatan-jabatan dan agensi-agensi (atau pasukan petugas) yang mengetuai akan membentangkan satu laporan yang ringkas mengenai kemajuan kerja bagi pelaksanaan Tindakan dan status kewangan berdasarkan kepada kerjas-kerja pengesanan aktiviti-aktiviti tersebut.

Jawatankuasa Penyelaras juga akan mengadakan satu bengkel tahunan untuk pembentangan kepada agensi-agensi kerajaan dan wanita luar bandar yang bertujuan untuk melaporkan mengenai kemajuan tahunan Pelan-pelan Tindakan bagi Pelan Induk PUANDESA. Jawatankuasa Penyelaras akan bertanggungjawab untuk mengesan dan mendapatkan sumber kakitangan dan kewangan yang diperuntukkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.



Rajah 5-2 Sistem Pengesanan dan Penilaian

Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA akan mengadakan mesyuarat tetap secara bulanan, di mana jabatan-jabatan dan agensi-agensi (atau pasukan petugas) utama yang mengetuai akan membentangkan laporan ringkas mengenai kemajuan Tindakan dan status kewangan berdasarkan kepada pengesanan terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti.

Jawatankuasa Penyelaras juga akan mengadakan bengkel tahunan untuk mengemukakan pembentangan kepada agensi-agensi kerajaan serta wanita luar bandar dan melaporkan kemajuan tahunan bagi Pelan Tindakan dalam Pelan Induk PUANDESA. Jawatankuasa Penyelaras akan bertanggungjawab terhadap pengesanan Tindakan dan mendapatkan sumber-sumber tenaga manusia dan

kewangan yang diperuntukkan oleh agensi-agensi yang berkenaan.

BAB 6: REKOMENDASI-REKOMENDASI BAGI PELAKSANAAN PELAN INDUK YANG EFISIEN DAN BERKESAN

6.1 ISU-ISU UTAM BAGI PELAN INDUK PUANDESA

Antara isu-isu utama Pelan Induk PUANDESA, yang perlu dicapai melalui komitmen dan penyelarasan yang baik antara KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan, adalah disenaraikan seperti berikut:

- (1) Adalah perlu bagi KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan untuk memahami dengan mendalam bahawa matlamat keseluruhan Pelan Induk PUANDESA adalah “kemajuan status wanita luar bandar melalui pengupayaan usahawan-usahawan wanita luar bandar”;
- (2) Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA, yang akan menyelia dan mengesan pelaksanaan Pelan Induk, haruslah diluluskan sebagai badan tetap oleh KPIM dengan segera dan diperkukuhkan;
- (3) Langkah-langkah kesedaran dan motivasi mengenai tindakan-tindakan pembangunan perlulah diperkukuhkan demi untuk meningkatkan semangat memiliki oleh usahawan-usahawan wanita luar bandar;
- (4) Kemahiran memudahcara dan pengembangan bagi kakitangan pengembangan bagi agensi-agensi yang berkenaan haruslah dipertingkatkan dengan memperkenalkan pendekatan penyertaan dan latihan gender;
- (5) Pemasaran perlu diperkukuhkan melalui amalan yang praktikal dan juga latihan bentuk kuliah untuk memberi panduan kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar dari segi pemikiran positif dan untuk menjadi lebih kreatif; dan
- (6) Peruntukan dana bagi aktiviti-aktiviti Pelan Induk PUANDESA perlu dibiayai dengan konsisten dan mengikut jadual supaya dapat meningkatkan kesan bagi output dan hasil pelaksanaan pelan tersebut.

Jabatan-jabatan dan agensi-agensi berikut akan mengetuai Tindakan-Tindakan bagi dua Pelan Tindakan untuk Pelan Induk PUANDESA:

Pelan Tindakan untuk wanita Luar Bandar:

- | | |
|-------------------------------------------------------------|-------|
| Tindakan 1 “Kesedaran, motivasi dan pembentukan kumpulan”: | DOA |
| Tindakan 2 “Pusat Khidmat Setempat”: | JHEWA |
| Tindakan 3 “Latihan dan Khidmat Nasihat”: | KPD |
| Tindakan 4 “Jaringan Usahawan-usahawan Wanita Luar Bandar”: | KPD |

Pelan Tindakan untuk KPIM dan Agensi-agensi yang Berkenaan:

- | | |
|-----------------------------------------------|-----|
| Tindakan 1 “Latihan Kakitangan Pengembangan”: | DOA |
|-----------------------------------------------|-----|

Tindakan 2 “Membangunkan Keupayaan Tamu KPD”:	KPD
Tindakan 3 “Keberkesanan Kredit-mikro YUM:	YUM
Tindakan 4 “Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA”:	KPIM

6.2 PENINGKATAN KEADAAN LUARAN BAGI PELAN INDUK PUANDESA

Satu persekitaran sekeliling yang bersesuaian dengan struktur operasi Pelan Induk PUANDESA haruslah diwujudkan, melalui usaha kerjasama bagi agensi-agensi yang berkenaan yang diketuai oleh KPIM, untuk memastikan supaya pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA dapat berjalan dengan lancar. Untuk mencapai langkah tersebut, pihak kerajaan negeri perlu meningkatkan tiga peringkat keadaan luaran untuk melaksanakan Pelan Induk PUANDESA tersebut.

Pesekitaran pertama, sokongan pada peringkat dasar dan sokongan tetap untuk Pelan Tindakan PUANDESA haruslah dijamin. Demi untuk mendorong dan menggalakkan perseorangan yang berkenaan untuk melibatkan diri secara aktif dalam tindakan-tindakan untuk mengukuhkan usahawan-usahawan wanita luar bandar, maka ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras PUANDESA secara tegas adalah diminta untuk menyakinkan penggubal-penggubal dasar mengenai kepentingan Pelan Induk PUANDESA dan untuk memastikan tanggungjawab dan komitmen mereka masing-masing.

Keadaan kedua, pada peringkat agensi-agensi pelaksana, persekitaran institusional adalah perlu untuk dibangunkan. Penyelarasan dan kerjasama di kalangan agensi-agensi yang berkenaan perlu dipertingkatkan. Insentif-insentif untuk kakitangan pengembangan dan untuk usahawan-usahawan wanita luar bandar adalah perlu dipertimbangkan. Peraturan-peraturan perlu dipertingkatkan dan sistem penguatkuasaan perlu diperkukuhkan.

Persekitaran ketiga, kemudahan infrastruktur asas perlu dipertingkatkan pada peringkat projek berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti yang berhubungkait dengan Pelan-pelan Tindakan. Tanpa kemudahan infrastruktur seperti bekalan air yang bersih, telekomunikasi, bekalan elektrik, jalan raya dihubungi, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan asas untuk aktiviti-aktiviti wanita (pusat aktiviti wanita dsb), maka adalah agak susah untuk agensi-agensi pelaksana dan usahawan-usahawan wanita luar bandar untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut seperti yang telah dirancangkan.

6.2.1 SOKONGAN PERINGKAT PENGGUBAL DASAR

(1) Memberi Tumpuan yang lebih ke atas Sumbangan Wanita Luar Bandar

Secara umum, wanita luar bandar menguasai kebanyakan aktiviti dalam ekonomi luar bandar kecuali tugas pertanian, makan gaji dan aktiviti masyarakat. Di antara aktiviti-aktiviti pengeluaran, kebanyakan kerja-kerja penjagaan ternakan dan kraftangan adalah dikendalikan oleh wanita; namun, aktiviti-aktiviti tersebut sering dikenali sebagai “aktiviti keluarga yang tidak digaji.” Begitu juga keadaanya dari segi tanggungjawab pengeluaran semula seperti penjagaan anak, kerja rumah, penyediaan makanan dimana peranan kaum lelaki hanya sebagai membantu sahaja.

Mengikut Laporan Kaji Selidik Guna Tenaga Buruh(Labor Force Survey) Sabah, yang disediakan oleh Jabatan Statistik Malaysia, bilangan wanita luar bandar yang terlibat dalam aktiviti ekonomi adalah terhad dan sebahagian mereka dikenali sebagai “aktiviti keluarga yang tidak dibayar gaji.”

Sekiranya kefahaman yang umum ini tidak berubah, maka adalah agak sukar untuk mengajukan output dari pelaksanaan Pelan Induk PUANDESA tersebut ke arah pengkasaan wanita luar bandar. Dengan ini, adalah perlu bagi agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Statistik untuk menilai sumbangan wanita luar bandar dari segi ekonomi luar bandar dengan berpatutan dan nyatakan dengan jelas dalam penerbitan laporan. Wanita luar bandar tidak dapat melaksanakan sesuatu dengan kepercayaan diri sendiri kecuali nilai aktiviti mereka diiktirafkan oleh masyarakat. Maka, penggubal dasar perlu menekankan kepentingan penilaian aktiviti-aktiviti wanita dalam proses menggubal dasar.

(2) Meningkatkan Aliran Gender dalam Pelan-pelan Pembangunan

Rancangan Pembangunan Malaysia Kelapan dan Pelan Pembangunan Negeri Sabah, komponen kepada Rancangan Malaysia KeLapan dan Dasar Pertanian Kedua, Negeri Sabah menekankan tindakan segera terhadap pembasmian kemiskinan dan kepentingan pembangunan sumber manusia. Namun, penekanan ke atas pertimbangan gender dalam tiga rancangan tersebut adalah amat terhad.

Setiap gender mempunyai masalah yang tersendiri dan bentuk serta cara-cara penyelesaian adalah berbeza. Demi untuk mencapai peningkatan galakan pendapatan dan taraf hidup luar bandar melalui penggunaan sumber manusia

yang cekap di kawasan luar bandar, maka kerajaan negeri harus menekankan keseimbangan gender dan kepentingan kerjasama mereka dalam dasar dan pelan pembangunan.

(3) Meningkatkan Kerjasama dan Penyelarasan di kalangan Agensi-agensi dan Pejabat-pejabat Kerajaan Tempatan

Semasa pelaksanaan projek perintis PUANDESA, pasukan petugas yang meliputi pegawai-pegawai dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan menghadapi masalah dan ketidak cekapan komunikasi yang disebabkan oleh “vertical division sistem” dan birokrasi.

Pejabat tempatan bagi setiap agensi terletak di bandar yang sama tetapi pada bangunan yang berbeza. Maka maklumat tidak selalunya dikongsi bersama, begitu juga dengan perkongsian kos untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang sama. Ketidak cekapan komunikasi di kalangan pejabat tempatan merupakan salah satu sebab wujudnya duplikasi aktiviti yang dilaksanakan meskipun sumber manusia dan kewangan adalah terhad.

Projek-projek di kawasan luar bandar dan yang menekankan kepada galakan pendapatan penduduk-penduduk kampung yang dilaksanakan oleh DOA, DOF, DOVSAI, KPD, Pejabat daerah dsb, kadang kala mempunyai komponen-komponen yang sama. Maka adalah lebih menggalakkan sekiranya wujud pertukaran kemahiran dan pengalaman serta membincangkan pendekatan yang lebih berkesan dalam pembangunan luar bandar. Di samping itu, pejabat-pejabat tempatan dijangka memainkan peranan yang lebih cekap dari segi pelaksanaan strategi yang komprehensif dalam pembangunan tersebut.

Penggubal-penggubal dasar yang mengelola dan menyelaras struktur keseluruhan agensi dan pejabat tempatan haruslah mempertimbangkan jaringan dan kerjasama antara agensi untuk memperbaiki komunikasi secara ‘vertical’ di antara jabatan-jabatan dan pejabat-pejabat. Selain dari itu, hubungan antara kerajaan negeri dan persekutuan perlu dipereratkan dan diperkukuhkan untuk mencapai penggunaan yang sepenuhnya sumber teknikal dan kewangan yang diperuntukan dari Kerajaan Persekutuan.

Tambahan pula, KPIM dan agensi-agensi yang berkaitan mesti memahami dan menghayati matlamat keseluruhan Pelan Induk PUANDESA yang termasuk i) kemajuan status wanita luar bandar ii) peningkatan keadaan hidup isirumah luar

bandar dan persekitaran penghidupan masyarakat luar bandar serta iii) peningkatan pendapatan isirumah-isirumah.

6.2.2 PENGUKUHAN INSTITUSIONAL DI PERINGKAT AGENSI-AGENSI PELAKSANA

(1) Insentif-insentif Penciptaan Produk Unik

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah telah memberi anugerah kepada produk pertanian cemerlang semasa Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri. Insentif seperti ini merupakan satu dorongan yang menggalakkan kepada golongan petani supaya kualiti dan produktiviti hasil pertanian dapat ditingkatkan. Maka dengan ini, anugerah yang sama untuk produk wanita luar bandar mungkin juga berkesan untuk menggalakkan wanita luar bandar untuk mempromosikan produk mereka.

Kerajaan negeri perlu menggalakkan wanita luar bandar untuk menghasilkan produk baru. Pada umumnya dikatakan bahawa kaum wanita dan kanak-kanak mempunyai idea yang unik mengenai produk baru kerana mereka juga mempunyai pandangan sebagai pengguna produk tersebut. Dengan insentif yang bersesuaian dari jabatan dan agensi pelaksana yang berkenaan, berkemungkinan besar kaum wanita akan didorong untuk mewujudkan produk asli dan akan menjadi produk yang unik bagi kampung tersebut.

Semasa pelancaran “Satu Kampung, Satu Produk” di Jepun, Kerajaan negerinya telah mengiktiraf kecemerlangan produk asli yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk kampung dengan memilih mereka sebagai “produk kampung” (village products). Para penghasil produk yang dipilih oleh pihak kerajaan sangat berbangga dengan pencapaiannya dan lebih bermotivasi untuk memperbaiki produk tersebut. Mereka dibenarkan untuk menggunakan cap perdagangan yang diluluskan oleh kerajaan ke atas pembungkusan produk mereka.

Pengguna mengenali kualiti yang baik bagi produk yang dipilih sebagai ‘produk kampung’ dan membeli berdasarkan rekomendasi dari pihak kerajaan tempatan. Ini merupakan salah satu daripada contoh tentang bagaimana untuk menyebarkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang baru dibangunkan. Pendekatan sedemikian juga dicadangkan untuk diperkenalkan ke dalam projek dan aktiviti-aktiviti PUANDESA.

(2) Penilaian yang Bersesuaian Ke atas Sokongan Oleh Kakitangan Pengembangan

Selain dari menganugerahkan produk asli PUANDESA, kakitangan pengembangan yang membantu wanita luar bandar untuk mencipta produk asli baru juga perlu diberi ganjaran pada masa yang sama. Satu penilaian yang bersesuaian dan sistem ganjaran dijangka akan dapat meningkatkan motivasi kakitangan pengembangan dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi mereka.

(3) Penguatkuasa Kawalan Kualiti

Usahawan wanita luar bandar perlu mempertingkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka untuk memperkembangkan pasaran di samping meningkatkan pendapatan mereka. Pengendalian makanan dan kawalan kebersihan adalah isu penting yang tidak dapat diketepikan dari aspek kesihatan dan peningkatan kesihatan.

Secara umumnya, seseorang itu tidak dibenarkan untuk memulakan perniagaan pemprosesan makanan tanpa sijil pengendalian makanan yang dikeluarkan di bawah peraturan kerajaan negeri. Namun, kebanyakan usahawan luar bandar yang beroperasi secara berskel kecil-kecilan menjual produk mereka kepada pasaran sedia ada atau orang tengah tanpa memperolehi sebarang sijil atau latihan yang berpatutan.

Produk wanita luar bandar Sabah tidak dapat bersaing dengan yang lain sekiranya mereka tidak mengendalikannya dengan cara yang berpatutan dan mempertingkatkan kesihatan. Dengan ini, penubuhan sistem kawalan kualiti oleh kerajaan negeri adalah amat diperlukan dan wanita luar bandar perlu dilatih dan mempelajari tentang keperluan kawalan kualiti.

(4) Pembiayaan Program-program untuk Menyokong Wanita Luar Bandar

Sumber peruntukan dana perlu diagihkan dengan berpatutan oleh kerajaan negeri maupun oleh kerajaan persekutuan kepada agensi-agensi seperti DOA, KPD, YUM dsb., yang membekalkan pinjaman kepada kaum wanita luar bandar. Sebagai contoh, YUM merupakan salah satu dari sumber utama pembekalan kredit mikro untuk wanita luar bandar. Akan tetapi, program dana tersebut tidak menerima permohonan baru buat masa ini.

Kakitangan telah diberi nasihat mengenai pelan perniagaan tetapi tidak dapat melaksanakannya buat masa ini oleh kerana kekurangan modal. Memandangkan wujudnya perhubungan yang rapat antara YUM dengan Wanita Luar Bandar, maka usahawan-usahawan wanita luar bandar banyak bergantung kepada pihak YUM kerana sumbangan terhadap perniagaan mereka.

Kadar pembayaran balik pinjaman adalah melebihi 90%. Walau bagaimana pun, sekiranya pelanggan-pelanggan tidak mendapatkan peruntukan dana modal dari YUM, maka fungsi asas YUM tidak akan dapat memberi sebarang bantuan kepada usahawan-usahawan wanita luar bandar. Peruntukan dana modal merupakan salah satu dari faktor penting untuk meneruskan perniagaan seperti ini dan pihak kerajaan diminta untuk memperuntukkan belanjawan kepada kredit-mikro YUM.

6.2.3 PENINGKATAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PADA PERINGKAT PROJEK

(1) Peningkatan Persekitaran Kerja untuk Kakitangan Pengembangan

Kakitangan pengembangan dari agensi-agensi yang berkaitan adalah tertakluk kepada lantikan ke pejabat daerah di mana mereka menjalankan aktiviti-aktiviti pengembangan di kawasan perkhidmatan yang ditugaskan. Kakitangan pengembangan PKT DOA inilah yang akan bekerjasama dengan wanita luar bandar dan memainkan peranan penting dalam mengubah minda dan sikap wanita luar bandar.

Mereka ini banyak menghadapi kesukaran semasa menjalankan tugas. Sebagai contoh, Kakitangan pengembangan PKT DOA tidak boleh menggunakan kenderaan secara bebas. Mereka perlu berkongsi sebuah kenderaan dengan kakitangan pengembangan pertanian yang lain apabila melawat kumpulan sasaran. Mereka tidak dapat membuat keputusan mengenai jadual aktiviti mereka secara berasingan. Peluang menghadiri kursus latihan untuk mempelajari metodologi dan kemahiran baru. Adalah dicadangkan untuk membekalkan kemudahan pengangkutan dan kelengkapan peralatan komunikasi kepada kakitangan pengembangan termasuk kos operasi dan pengurusan.

Biasanya, pejabat cawangan agensi berkenaan tidak berhampiran dengan cawangan yang lain walaupun terletak dalam daerah yang sama. Mereka sukar untuk berhubung antara satu sama lain tanpa kemudahan kenderaan. Maka adalah perlu untuk memperbaiki persekitaran yang sedemikian. Di samping itu,

penilaian prestasi dan keupayaan kakitangan pengembangan haruslah dijalankan dengan setimpal dan kemungkinan insentif diberi untuk meningkatkan prestasi masing-masing.

(2) Penubuhan Pengkalan Aktiviti-aktiviti dalam Masyarakat

Adalah penting bagi agensi-agensi berkenaan untuk menubuhkan pengkalan aktiviti untuk aktiviti kumpulan di sesuatu masyarakat. Dalam kemudahan pengkalan aktiviti tersebut, satu kumpulan wanita akan menjalankan aktiviti-aktiviti mereka seperti perbincangan, perancangan, latihan dan aktiviti galakan pendapatan mereka. Di samping itu, mereka juga boleh menyimpan peralatan dan produk-produk mereka di pengkalan tersebut. Kemudahan seperti itu tidak semestinya baru dibina. Mewujudkan pengkalan aktiviti di dewan masyarakat merupakan satu insentif yang baik di samping dapat meningkatkan motivasi dan dinamik kumpulan.

(3) Penubuhan Pusat Jagaan untuk Warga Emas dan Kanak-kanak

Antara penemuan-penemuan yang lain dari kajian penyelidikan (2003 –2004) oleh Universiti Malaysia Sabah mengenai “Wanita Dalam Pembangunan”, didapati bahawa kekurangan penyertaan wanita luar bandar dalam program-program pembangunan negeri adalah disebabkan oleh peranan dan fungsi pelbagaian yang perlu diusahakan oleh wanita luar bandar terhadap keluarga mereka dan ahli-ahli keluarga yang lain. Secara khasnya, tugas-tugas tersebut termasuklah menjaga warga tua dalam keluarga yang ramai, dan kanak-kanak yang belum bersekolah manakala pada masa yang sama menjalankan tanggungjawab sepenuh masa untuk mengasuh anak-anak serta mengurus hal-hal dan tugas harian rumahtangga mereka masing-masing.

Demi untuk menggalakkan wanita luar bandar melibatkan diri dalam perniagaan melalui aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dalam Pelan Induk, maka masalah dan halangan pengurusan kerja rumah yang tersebut di atas perlu diselesaikan. Dengan adanya pusat penjagaan tersebut, maka kaum wanita akan berupaya untuk menyertai aktiviti-aktiviti sosial dan galakan pendapatan.

SENARAI PENJELASAN ISTILAH PUANDESA

SENARAI PENJELASAN ISTILAH PUANDESA

Access:

Peluang kaum lelaki dan wanita untuk memiliki atau menggunakan sumber-sumber (makanan, kredit, teknologi dsb.) atau perkhidmatan (pendidikan, Kesihatan etc.)

AIM:

Amanah Ikhtiar Malaysia, agensi kewangan mikro yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia

Ais-Ais:

Istilah tempatan untuk sejenis penyakit rumpai laut yang disebabkan oleh kandungan garam yang rendah dalam air laut

BBEC:

Program Pemuliharaan biokepelbagaian dan ekosistem, dikendalikan dengan bantuan teknikal dari JICA.

Beneficiary:

Individu dan/atau kumpulan yang menerima faedah daripada projek ,program atau lain bentuk pembangunan dan/atau campurtangan yang terdesak

Bottom-up Approach:

Ia bermaksud campurtangan mesti dirancang dan dilaksana dengan penyertaan dari kedua-dua kaum lelaki dan wanita, dan diukur dari segi bagaimana campurtangan tersebut akan mempengaruhi kehidupan orang lain dengan cara yang bermanfaat kepada keutamaan mereka.

Buntui:

istilah tempatan untuk sejenis tumbuhan yam yang biasanya boleh diperolehi dari kawasan luar bandar.

Capacity Building:

Bentuk tindakan yang bertujuan untuk mengukuhkan pegawai-pegawai sesebuah negara, rakan kerjasama kebangsaan, dan NGO yang terlibat dalam pelaksanaan projek di negara-negara membangun

Constraints:

Halangan yang menyekat tindakan atau mengelakkan kemajuan

Control:

Dalam konteks pembangunan, “kawalan” merujuk kepada keupayaan untuk membuat keputusan terhadap sumber atau situasi

Decision-making:

Kawalan terhadap sumber-sumber tertentu, termasuk buruh atau proses pembangunan

Development:

Satu proses melalui mana kaum lelaki dan wanita, dengan darjah sokongan luaran yang berbeza, meningkatkan pilihan untuk memperbaiki kualiti kehidupan

DO:

singkatan untuk Pejabat daerah

DOA:

singkatan untuk Jabatan Pertanian

DOF:

singkatan untuk Jabatan Perikanan

DOVSAI:

singkatan untuk Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak

Empowerment:

Satu proses melalui mana kaum lelaki dan wanita berada dalam kedudukan yang tidak mendatangkan kebaikan dari

segi peningkatan memperoleh pengetahuan, sumber, kuasa membuat keputusan, dan meningkatkan kesedaran penyertaan dalam masyarakat, supaya dapat mencapai satu tahap kawalan terhadap persekitaran mereka

EPU:

singkatan kepada Unit Perancangan Ekonomi, Sabah

Equality:

hak bagi lelaki dan wanita untuk hidup bebas dan sama rata sebagai manusia

FAMA:

singkatan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

GAD:

singkatan bagi Gender dan Pembangunan dan merupakan satu pendekatan pembangunan berdasarkan kepada persoalan pokok bahawa semua dasar, program dan polisi haruslah menggambarkan keperluan, keutamaan, peranan dan kesan yang berbeza dalam pembangunan ke atas lelaki dan wanita

GDI:

singkatan kepada Indeks Pembangunan Gender untuk mengukur samada variabel yang sama seperti HDI kecuali GDI diubah untuk ketidak samarataan gender dalam tiga aspek pembangunan manusia: harapan hidup, celik huruf dan pendaftaran kasar.

GDP:

singkatan bagi Produk Domestik Kasar

GEM:

singkatan untuk ukuran Pengkasaan Gender untuk meninjau ketidak sama rataan gender dalam lingkungan aktiviti ekonomi dan politik. Penyertaan ekonomi dan membuat keputusan adalah diukur mengikut peratus pentadbir dan pengurus wanita, dan

kakitangan profesional dan teknikal.

Gender:

Perbezaan antara wanita dan lelaki dalam isirumaha yang sama dan antara budaya yang dibentuk secara sosial dan budaya dan sentiasa berubah mengikut masa

Gender Analysis:

Satu analisis yang mendedahkan dan menekankan hubungan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat, serta ketidak sama rataan dalam perhubungan tersebut

Gender Awareness:

Pengiktirafan bahawa pengalaman hidup, pengharapan, keperluan wanita dan lelaki adalah berbeza, bahawa kerap kalinya, penglibatan mereka adalah tidak sama rata, dan tertakluk kepada perubahan

Gender Bias:

Tindakan memihak wanita (atau Lelaki) berdasarkan persepsi bahawa jantina bertentangan adalah tidak sama rata dan tidka mempunyai hak yang sama

Gender Equality:

Istilah yang menggambarkan perkongsian yang sama rata dari segi kuasa antara lelaki dan wanita, dalam hak memperoleh pendidikan, kesihatan, pentadbiran dan kedudukan pengurusan, pembayaran gaji yang setara bagi kerja yang antaranya, bernilai dan berkedudukan sama dalam parlimen

Gender Equity:

Pengagihan yang adil terhadap sumber dan manfaat antara lelaki dan wanita, berdasarkan kepada norma dan nilai budaya

Gender Gap:

Jurang antara (diukur secara kuantitatif) wanita dan lelaki, dari segi

pemilikan sumber, pendidikan, kesihatan atau kuasa

Gender Mainstreaming:

gender merupakan satu dimensi yang harus digabungkan ke dalam semua dasar, dan perancangan dan proses pembangunan. Ia patut disatukan dalam aliran yang sama dan tidak harus dipertimbangkan sebagai isu yang berasingan

Gender Sensitivity:

Pemahaman dan pertimbangan faktor sosio-budaya yang menjadi diskriminasi berasaskan jantina

Gender Training:

Aktiviti mengajar yang bertujuan untuk membangunkan satu persefahaman yang umum mengenai dasar dan konsep gender, dan juga kemahiran membuat sasaran, penyertaan penerima manfaat dan pengesanan gender yang sama rata

HDI:

